

**PARLIMEN KEDUABELAS  
PENGAL PERTAMA  
MESYUARAT KETIGA**

---

---

**Bil. 16**

**Khamis**

**4 Disember 2008**

---

**K A N D U N G A N**

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**

- Mengangkat Sumpah Diluar Dewan

(Halaman 1)

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 1)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Pendidikan (Pindaan) 2008

(Halaman 33)

Rang Undang-undang Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara 2008

(Halaman 97)

**USUL:**

Waktu Mesyuarat dan Urusan

Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat

(Halaman 87)

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Dilantik)
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Ir. Wong Foon Meng, D.P.M.T. (Dilantik)
3. “ Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Dilantik)
4. “ Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah (Dilantik)
5. “ Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop (Johor)
6. “ Tuan Ahmad bin Hussin (Perlis)
7. “ Dato' Haji Ahmad Rusli bin Haji Iberahim (Kelantan)
8. “ Datuk Akbar bin Ali (Melaka)
9. “ Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu (Dilantik)  
– *Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi*
10. “ Tan Sri Amirsham A. Aziz (Dilantik)  
– *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
11. “ Datuk Armani binti Haji Mahiruddin (Sabah)
12. “ Dato' Azian bin Osman (Perak)
13. “ Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad (Dilantik)
14. “ Datuk Chandrasekar Suppiah (Dilantik)
15. “ Datuk Chew Vun Ming (Dilantik)
16. “ Tuan Chiw Tiang Chai (Dilantik)
17. “ Dato' Daljit Singh Dalliwal
18. “ Dato Sri Empiang Jabu (Sarawak)
19. “ Dato' Gooi Hoe Hin (P. Pinang)
20. “ Puan Heng Seai Kie (Perak)
21. “ Dato' Ir. Hiang A Li (Pahang)
22. “ Dato' Haji Idris bin Haji Buang (Sarawak)
23. “ Dato' Haji Ikhwan Salim bin Dato' Sujak (Selangor)
24. “ Profesor Datuk Dr. Ismail bin Md. Salleh (Dilantik)
25. “ Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin (Dilantik)
26. “ Dato' Kamarudin bin Ambok (Dilantik)
27. “ Tuan Khoo Soo Seang (Johor)
28. “ Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato' N.S. Maniam (Dilantik)
29. “ Tuan Lee Chee Keong (Negeri Sembilan)
30. “ Puan GK Loga Chitra (Dilantik)
31. “ Datuk Maijol Mahap (Sabah)

32. Yang Berhormat Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Dilantik)  
– *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
33. “ Dato' Maznah Mazlan (Dilantik)  
– *Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar*
34. “ Dato Sri Mohd. Effendi bin Norwawi (Dilantik)
35. “ Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin (Kedah)
36. “ Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib (Dilantik)  
– *Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah*
37. “ Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawī (Kelantan)
38. “ Tuan T. Murugiah (Dilantik)  
– *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
39. “ Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir (Dilantik)
40. “ Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie (Terengganu)
41. “ Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn (Dilantik)
42. “ Dato' Omar bin Faudzar (Pulau Pinang)
43. “ Tuan Osman bin Bungsu (Dilantik)
44. “ Tuan Pau Chiong Ung (Dilantik)
45. “ Tuan Rawisandran a/l Narayanan (Dilantik)
46. “ Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid (W. Persekutuan KL)
47. “ Datuk Haji Roslan bin Awang Chik (Dilantik)
48. “ Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed (Dilantik)
49. “ Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin (Negeri Sembilan)
50. “ Tuan Haji Shamsudin bin Mehat (Dilantik)
51. “ Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain (Dilantik)
52. “ Datuk Sim Kheng Hui (Dilantik)
53. “ Dato' Hajah Siti Rokiah binti Haji Mohd. Zabidin (Pahang)
54. “ Puan Siw Chun a/p Eam (Perlis)
55. “ Datuk Soon Tian Szu (Melaka)
56. “ Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee (Dilantik)
57. “ Tan Sri Datuk Tee Hock Seng (Dilantik)
58. “ Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram (Dilantik)
59. “ Dato' Wan Ahmad Farid bin Dato' Wan Salleh (Terengganu)  
– *Timbalan Menteri Dalam Negeri*
60. “ Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Nor (Dilantik)
61. “ Dato' Wan Nordin bin Che Murat (Perlis)
62. “ Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad (Dilantik)
63. “ Dato' Wong Siong Hwee (Dilantik)

64. Yang Berhormat Dato' Yip Kum Fook (Selangor)

65. " Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf (Kedah)

**DEWAN NEGARA**

**Ketua Pentadbir Parlimen**

Datuk Haji Kamaruddin Mohamed Baria

**Setiausaha Dewan Negara**

Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

**Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**

Encik Ikmalrudin bin Ishak

**PETUGAS-PETUGAS**

**CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Hajah Supiah binti Dewak

Sarimah binti Haji Amran

Hadzirah binti Ibrahim

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Nurul Asma binti Zulkepli

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Siti Norhazarina binti Ali

Mohd. Shahrul Hafiz bin Yahaya

Ganesan a/l Nanthan

Norasmawati binti Mohamed Nor

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Azmir bin Mohd Salleh

Ainul Wahidah binti Ismail @ Fakhri

Nur Hidayah binti Janudin

Siti Azalia binti Ahmad Tarmazi

Sukmawati binti Abdul Rahman

Nur Nazihah binti Mohd. Nazir

Hafizah binti Abu Samah

**MALAYSIA****DEWAN NEGARA****KHAMIS, 4 Disember 2008****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA****MENGANGKAT SUMPAAH DI LUAR DEWAN**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan Peraturan Majlis 4(3) saya dengan ini memberitahu Majlis ini iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat yang berikut telah mengangkat sumpah semasa di luar Majlis Mesyuarat Dewan Negara mengikut Jadual Keenam dalam Perlembagaan Persekutuan pada tarikh yang dinyatakan seperti berikut:

**Pada 27 Ogos 2008:**

- Yang Berhormat Datuk Akbar bin Ali.

**Pada 10 September 2008:**

- Yang Berhormat Dato' Daljit Singh Dalliwal.

**Pada 28 Oktober 2008:**

- Yang Berhormat Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn; dan
- Yang Berhormat Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid.

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sebelum daripada itu, saya pihak Dewan Negara ingin mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Menteri Pelajaran dan juga Yang Berhormat Menteri Pelancongan... [Tepuk]

1. **Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, apakah kerajaan mempunyai perancangan khusus untuk membantu bumiputera untuk melabur dalam projek penternakan ikan hiasan seperti ikan arowana dan ikan koi kerana potensinya yang besar dalam menjana pendapatan dan keuntungan yang pada masa ini banyak dikuasai oleh pelabur-pelabur dari Singapura.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab soalan ini bersama dengan soalan daripada Yang Berhormat Senator Dato' Omar bin Faudzar kerana kedua-duanya ada berkaitan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dipersetujukan.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Tuan Yang di-Pertua, perdagangan ikan hiasan telah bermula di Malaysia melalui aktiviti pengutipan ikan dari sumber perairan semula jadi di negeri Johor sejak tahun 1950-an. Perkembangan aktiviti ternakan hanya berlaku dalam tahun 1980-an. Perkembangan ini telah didorong oleh peningkatan permintaan pasaran eksport melalui negara Singapura. Saluran pasaran utama ke pasaran global ini terus mempengaruhi corak pembangunan industri ternakan ikan hiasan di negara ini yang lebih tertumpu di negeri Johor.

Walau bagaimanapun, kebelakangan ini, pengeluaran ikan hiasan di negeri Perak, Selangor dan Pulau Pinang telah meningkat. Pada hari ini terdapat lebih daripada 250 spesies ikan hiasan daripada 550 *variety* diternak di Malaysia. Spesies tersebut merangkumi spesies tempatan dan spesies eksotik dari Benua Amerika Selatan, Afrika dan India. Terdapat seramai 450 orang penternak terlibat dalam aktiviti ternakan ini.

Pada tahun 2007 sejumlah 679 juta ekor ikan hiasan bernilai RM192 juta telah dihasilkan oleh para penternak di negara ini dan negeri Johor merupakan negeri pengeluar utama yang menyumbangkan 70% daripada jumlah pengeluaran keseluruhannya. Ternakan ikan hiasan merupakan salah satu bidang akuakultur yang akan terus digalakkan oleh kerajaan terutamanya pengusaha bumiputera kerana komoditi ini dijangka dapat meningkatkan sumbangan pendapatan eksport sektor pertanian kepada ekonomi negara.

Dalam usaha menggalakkan penglibatan pengusaha bumiputera dalam ternakan ikan hiasan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah menyediakan pelbagai strategi, program sokongan dan insentif seperti berikut:

- (i) mengadakan program inkubator ikan hiasan;
- (ii) latihan sangkut ternakan ikan arowana;
- (iii) pemindahan teknologi pengeluaran ikan hiasan;
- (iv) mengadakan pameran ikan hiasan di dalam dan di luar negara;
- (v) mengadakan program pembangunan usahawan siswazah; dan
- (vi) mewujudkan kelab ikan hiasan di sekolah-sekolah.

Bagi menjawab soalan daripada Yang Berhormat Dato' Omar bin Faudzar, ikan-ikan hiasan keluaran negara dieksport ke 67 buah negara di serata dunia. Singapura merupakan pengimport utama dengan nilai dagangan melebihi RM18 juta setahun. Negara-negara pengimport utama yang lain adalah United Kingdom, Amerika Syarikat, Belanda dan Jepun. Nilai eksport ikan hiasan negara pada tahun 2006 adalah berjumlah RM82 juta dan telah meningkat kepada RM95.3 juta pada tahun 2007. Terima kasih.

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, setakat ini berapa ramaikah bumiputera-bumiputera yang mengendalikan projek ikan hiasan ini. Terima kasih.

■1010

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat. Daripada jumlah yang saya katakan tadi iaitu daripada 450 orang penternak, hanya kurang 10% adalah daripada kalangan bumiputera dan saya ingin memaklumkan di sini ada tiga contoh penternak bumiputera yang berjaya yang boleh menjadi contoh iaitu satunya di Kedah di mana syarikatnya bernama E-Arwana, kedua ialah Encik Mat Don daripada Bukit Merah, Perak dan ketiga, Encik Tahir daripada Kelab Ternak Meor daripada Perak dan ini adalah contoh yang insya-Allah, kita jadikan satu pendorong kepada penternak-penternak bumiputera yang akan datang, insya-Allah.

**Dato' Omar bin Faudzar:** Terima kasih Yang Berhormat. Singapura merupakan sebuah negara yang bukan penternak ikan hiasan dan Singapura juga merupakan sebuah negara yang pengeksport utama dunia ikan hiasan. Jadi kebanyakan ikan hiasan daripada Malaysia. Jadi apakah langkah-langkah kerajaan untuk memastikan bahawa Malaysia adalah pengeksport utama dan bukannya Singapura.?

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat. Seperti saya katakan tadi, satu daripada langkah yang kita jalankan adalah memastikan bahawa kita sering kali mengadakan pameran di dalam dan di luar negara supaya dengan cara yang sedemikian dunia akan mengetahui bahawa sumber utama sebenarnya ikan-ikan ini yang dieksport melalui Singapura adalah daripada Malaysia. Jadi seperti pameran ikan hiasan yang kita adakan di dalam dan di luar negara, tujuannya adalah untuk mempromosikan industri ikan hiasan ke pasaran global dan kita juga sering mengadakan misi perdagangan yang telah dirancang bersama-sama dengan pihak-pihak antarabangsa.

Sebagai contoh, Aquaria di negeri China di Guangzhou, Aquarama di Singapura, Ekspo Zoo di Paris, Perancis dan Inter Zoo di Nuremberg dan baru-baru ini, Yang Berhormat, kita mengadakan *Aquafair Malaysia*. Sebenarnya kita mengadakan *aquafair* ini setiap dua tahun, selang-seli juga dengan MAHA di mana syukur alhamdulillah, Yang Berhormat, kita telah mengadakan *Aquafair Malaysia* ini di mana kita telah mendapat pengunjung seramai 14,392 orang dan di mana masa itu kita ada *trade buyers*, kita telah dapat *salekan* beberapa MoU seramai 1,494 pembeli.

Bermakna, Yang Berhormat, selain daripada kita melalui saluran ke Singapura, kita juga sering memaklumkan bahawa kitalah sebenarnya pengeluar ikan-ikan ini di mana nombor satu sekarang ini dalam pasaran adalah arowana, kedua adalah ikan diskas dan ketiga ialah ikan koi. Terima kasih.

**Tuan Lee Chee Keong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, saya pernah didatangi oleh sekumpulan penternak ikan hiasan dan menurut laporan mereka, mereka

mengatakan kebanyakan negara EU tidak lagi mahu mengimport ikan-ikan hiasan kita. Itu satu. Kedua, jika ini benar, maka 60% daripada penternak-penternak kita yang berjumlah 450 orang itu mungkin menghadapi masalah besar, masalah eksport, kemudian kedua, masalah pelaburan mereka di Malaysia. Apakah pandangan kementerian? Terima kasih.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat. ini adalah menjadi satu keutamaan yang kita berikan iaitu baru-baru ini memanglah diadakan satu perjumpaan di antara negara-negara EU di mana mereka membincangkan dari segi kita telah dengan secara sukarela memohon supaya diadakan *delisting*. Bermakna kita katakan kami dengan secara sukarelanya kita menarik dahulu sehingga segala teguran audit pihak EU itu dapat kita penuhi. Jadi syukur alhamdulillah, Yang Berhormat, ramai daripada penternak ikan hiasan dan juga akuakultur yang lain, telah menepati segala teguran atau perbaiki segala teguran yang telah dibuat oleh pihak EU dan memandangkan *competence agency* yang menangani dari segi keselamatan makanan dan kesihatan ini, bukan sahaja kementerian kita tetapi juga Kementerian Kesihatan.

Jadi baru-baru ini kita telah mengadakan perbincangan di mana kita menanggukkan supaya pihak audit ini sebab dia akan turun sekali lagi untuk mengaudit supaya mereka kita pelawa datang bulan depan, Januari di mana kita difahamkan bahawa 12 penternak termasuk ikan hiasan ini, 12 penternak akuakultur telah menepati segala kehendak syarat-syarat yang telah ditentukan oleh negara EU dan Yang Berhormat, sebenarnya *is a tall order*, dengan izin. Begitu terperinci yang mereka kehendaki ini, jadi sekarang ini sebab inilah kita hendak mengadakan *awareness* setiap kali kepada semua penternak ini bahawa kita juga mesti menepati standard-standard piawaian yang begitu tinggi yang telah ditetapkan oleh semua negara pengimport termasuk EU supaya masalah ini tidak berulang lagi.

Memang, Yang Berhormat, kami pun begitu *concern* sebab ini menjanakan banyak pendapatan begitu tinggi, bukan sahaja kepada penternak tetapi juga kepada negara. Terima kasih.

**2. Dato' Haji Idris bin Haji Buang** minta Menteri Pelancongan menyatakan, apakah langkah-langkah terbaru yang diambil oleh Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan yang benar-benar mencerminkan, *Malaysia Truly Asia*.

**Menteri Pelancongan [Datuk Seri Azalina binti Othman Said]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat. Kementerian Pelancongan menerusi agensinya, *Tourism Malaysia* telah dan sentiasa memberi tumpuan kepada promosi mengimejkan Malaysia sebagai destinasi pelancongan yang unggul dan juga boleh dengan izin, *value for money*, di rantau ini. Menerusi kempen pengiklanan antarabangsa dengan *branding* yang konsisten iaitu *Malaysia Truly Asia*, kempen ini menekankan bahawa Malaysia sebagai sebuah negara yang

terdiri daripada pelbagai kaum, budaya, agama, adat resam dan cara hidup yang berbeza tetapi dapat menggambarkan satu kehidupan yang aman, damai, harmoni dan bersatu padu.

Strategi ini amat berkesan dan telah berjaya menarik minat pelancong untuk datang kepada Malaysia. Kalau kita lihat antara jumlah kedatangan pelancong tahun 2007 dengan 2008, daripada Januari hingga Oktober 2008 berbanding Januari hingga Oktober 2007, terdapatnya kenaikan sebanyak 4.8% kehadiran pelancong daripada tahun lepas. Walaupun dalam keadaan ekonomi dunia tergugat, masih ramai juga pelancong minat datang ke Malaysia dan memang Kementerian Pelancongan, *Tourism Malaysia* tidak dapat menafikan pendekatan menjual Malaysia dalam pendekatan *Malaysia Truly Asia*, dengan izin, memang dapat menggambarkan pendekatan sebenarnya Malaysia.

Antara pendekatan-pendekatan baru ialah memangnya kerjasama dengan Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan. Ini selalu dilihat sebagai salah satu daripada pendekatan apabila *Tourism Malaysia* menjalankan program-program. Contohnya, program-program *tourism market* antarabangsa memang kita lihat perlunya pendekatan mengenalkan budaya dan juga agama dalam negara kita sebagai pendekatan yang baru.

Kalau kita lihat bagi tahun ini, 2008, bila kita tengok visual *Tourism Malaysia* di stesen-stesen antarabangsa, kita banyak mempamerkan pendekatan-pendekatan yang holistik berbanding dengan tahun lepas. Tahun lepas pendekatan kita banyak kepada 50 tahun merdeka tetapi bagi tahun 2007, kita menekankan kepada pendekatan-pendekatan kelebihan Malaysia. Contohnya, semalam dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Kementerian Pelancongan, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang mempengerusikan mesyuarat bersetuju bahawa perlulah kita menjual Malaysia bagi pendekatan-pendekatan yang baru. Contohnya dalam aspek ekopelancongan, dalam aspek pelancongan perubatan dan juga dalam aspek konvensyen dan juga mesyuarat-mesyuarat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, Datuk Idris.

**Dato' Haji Idris bin Haji Buang:** Tuan Yang di-Pertua, saya bagi peluang kepada yang lain.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Datuk Akbar, ya.

**Datuk Akbar bin Ali:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kalau semalam ramai kawan-kawan telah mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua dan saya ingin mengambil kesempatan hari inilah sebagai orang yang sulung untuk mengucapkan sekali lagi pada pagi ini, tahniah di atas pelantikan Tuan Yang di-Pertua sebagai Setiausaha Agong MCA... [Tepuk] Kita haraplah pelantikan itu akan memperkukuhkan lagi *bondage* ataupun ikatan hubungan antara parti-parti dalam komponen kita.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ini bukan kerana saya bagi laluan, Yang Berhormat tanya soalan tambahan tadi... [Ketawa] Terima kasih Yang Berhormat. Silakan.

**Datuk Akbar bin Ali:** Kita orang Malaysia, ada ubi ada batas.

## ■1020

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin terlebih dahulu merakamkan setinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Menteri di atas animisme dan *aggressiveness* dalam mempromosikan sektor pelancongan Melaka, Malaysia minta maaf. Jangan bimbang, akan kedengaran banyak lagi pasal Melaka.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan Yang Berhormat.

**Datuk Akbar bin Ali:** Soalan saya ialah, sebelum itu tahniah kerana peningkatan 4% tadilah. Saya lihat atas pengalaman saya di masa lalu antara kaitan pelbagai industri pelancongan di antara pusat dan negeri. Bukan saya hendak mengagung-agungkan sesuatu negeri khususnya negeri saya tetapi adalah elok kalau kita dapat mempelajari sesuatu yang baik daripada mana-mana pihak. Walaupun saya terlibat dalam penggubalan dasar pelancongan negara *way back* in 1988. Akan tetapi saya rasa sehingga sekarang belum ada satu *conciseness* dalam Pelan Induk Sektor Pelancongan. Dari segi *segmentation* ataupun *the composition of the industry* dengan izin. Untuk itu, kita sentiasa dengar sesekali Yang Berhormat, pengenalan *sub sector convention, sub sector homestay*. Jadi, saya ingin cadangkan eloklah ada satu pelan induk yang dapat di *composing* atau kalau kita gunakan pendekatan *chemistry, try to compose the compound* supaya kita akan lebih kenal industri ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan Yang Berhormat.

**Datuk Akbar bin Ali:** Soalan saya ialah adakah Yang Berhormat Menteri, Kementerian Pelancongan akan cuba *adopt and adapt* pendekatan di Melaka yang memperkenalkan dua belas subsektor pelancongan supaya senang dijual dalam konteks *supply and demand*. Saya rasa dalam keadaan sekarang penerimaan pendekatan seperti itu amat membantu Kementerian Pelancongan dalam menjual Malaysia. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ini pertama kali Yang Berhormat Datuk Akbar Ali mengemukakan soalan tambahan.

**Datuk Seri Azalina binti Othman Said:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya kenal dia lama. Saya panggil dia *uncle*, tetapi hari ini saya kena panggil dia Yang Berhormat. Sebabnya dia kawan ayah saya... [*Ketawa*] Yang Berhormat sebenarnya bagi Kementerian Pelancongan, saya memang kalau bercakap tentang Melaka. Sememangnya kita Melaka sebagai salah satu daripada produk pelancongan yang memang dikenali dunia. Kalau kita tengok Melaka hari ini, berbanding dengan Melaka dahulu adalah amat berbeza. Walaupun Melaka mendapat tajuk bandar daripada UNESCO, ada juga boleh diperkatakan pembangunan di segi Melaka. Ada juga boleh dilihat terlampau maju dan kadang-kadang bila bercakap tentang UNESCO, mereka mahukan pembangunan yang begitu sedulu ataupun tradisional.

Jadi soalan Yang Berhormat tanya tentang dasar, sebenarnya bagi Kementerian Pelancongan, hubungan kita dengan negeri-negeri terutama sekali kerajaan negeri ialah hubungan yang mana untuk meletakkan negeri-negeri sebagai prioriti pelancongan. Bila

pelancong turun, dia mesti pergi pada negeri-negeri tersebut. Akan tetapi kadang-kadang kita berhadapan bahawa setiap negeri itu mempunyai pendekatan-pendekatan mereka sendiri. Kerajaan Barisan Nasional hari ini, kita tidak menetapkan satu dasar yang tertentu tetapi secara menyeluruh bila kita Kementerian Pelancongan atau *Tourism Malaysia*, tanggungjawab kita ialah menjual Malaysia.

Sama ada kita jual Melaka, Negeri Sembilan, Johor, Pahang tidak menjadi kiraan utamanya tetapi menjual negeri-negeri tersebut berdasarkan kepada kajian yang kita buat dari segi minat. Kalau kita tengok di negeri Melaka, selalunya kehadiran pelancong itu pelancong yang berdekatan dengan bandar. Apabila dia menaiki bas dari Kuala Lumpur ke Melaka seperti juga bila dia pergi ke Genting dan juga ke Pulau Pinang. Di mana kita lihat sebagai pelancongan dari segi Pantai Barat.

Namun begitu, yang menjadi cabaran Kementerian Pelancongan hari ini ialah untuk menjual Malaysia lebih daripada yang kita jual. Kalau kita tengok visual kreatif tahun lepas, kita jual Sabah hanya Gunung Kinabalu. Ini tidak patut kerana bila kita bercakap tentang Sabah, hari ini Sabah berhadapan dengan *Rainforest Discovery Centre* di Sepilok. Sabah berhadapan dengan Danon Valley, Sabah berhadapan dengan pendekatan *lost city* iaitu satu kawasan bandar yang kononnya telah ditemui yang dahulunya sebuah bandar. Ini semua adalah cabaran yang dihadapi oleh Kementerian Pelancongan.

Bila kita bercakap pasal Melaka, kita tidak boleh lagi dengan cabaran yang ada menjual Melaka seperti Melaka yang ada. Itu sebabnya apabila mendapat tajuk UNESCO ini sebagai sebuah bandar raya di segi Melaka bandar Melaka. Kementerian Pelancongan memang merasa cukup bahagia kerana kita hendak menjual contohnya *heritage trace* sebagai contoh. Di Pulau Pinang dan juga di Melaka, *heritage trace* iaitu apabila pelancong turun, dia akan mengikut langkah-langkah mereka sebelum kita. Contohnya Hang Tuah ataupun Puteri Hang Li Po. Kalau kita turun ke Johor, boleh pergi tengok Puteri Gunung Ledang dan sebagainya.

Jadi, pendekatan Kementerian Pelancongan hari ini kita menghadapi cabaran dengan *creativity* dengan izin. Bila kita tengok Singapura sebuah bandar. Dia sebuah negara yang bertajuk bandar. Kita buat *F1*, dia buat *F1*. Kita buat apa program, dia buat apa program. Akan tetapi kita tidak boleh begitu marah kepada Singapura kerana kehadiran pelancong di Singapura itu satu pendekatan baik untuk Malaysia mengambil pelancong Singapura datang ke Malaysia. Ini bermakna dalam pendekatan dua negara, satu destinasi, sama juga hari ini berlaku di negeri Thailand, sebagai contoh.

Kita memang sama-sama simpati. Akan tetapi pada masa yang sama juga *Tourism Malaysia* bergerak secara agresif untuk menawarkan alternatif percutian kepada mereka yang melancong di negeri Thailand supaya jangan batalkan cuti. Kalau hendak cuti di *South East Asia*, datanglah kepada Malaysia dalam negeri-negeri yang kita tawarkan. Jadi saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat berkenaan dengan dasar yang wujud di negeri Melaka.

Akan tetapi negeri Melaka itu lain dengan Malaysia. Kita kalau hanya terikat kepada dasar tertentu, cabaran Kementerian Pelancongan ialah kadang-kadang ikatan tersebut akan menggugat kreativiti dan pendekatan kita untuk menjual pelancongan. Saya tengok hari ini, pelancong kita dalam cabaran ekonomi, pelancong dunia adalah pelancong yang memang begitu berkira. Mereka satunya hendak tengok *value for money* iaitu tempat.

Keduanya, dia mesti merasakan bila dia pilih tempat tersebut, dia mesti mendapat kepuasan. Jadi kalau lima hari dia melancong, satu hari dia mendapat masalah, dalam masa empat hari dia gembira itu, satu hari dia masalah. Maka dia akan tak nak datang ke Malaysia dan memberitahu dunia, Malaysia mempunyai pengalaman yang tidak baik. Itu sebabnya Yang Berhormat, bagi Kementerian Pelancongan perkhidmatan pelancongan yang kita beri itu adalah sangat penting. Kalau boleh kita tak nak pelancong kita balik dengan perasaan yang tidak suka kepada Malaysia tetapi balik dengan perasaan nak datang semula kepada Malaysia. Ini kerana kita menawarkan konsep pelancongan ke arah kekeluargaan dan konsep pelancongan yang begitu menggembirakan mereka. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan tambahan saya. Baru-baru ini saya difahamkan bahawa Kementerian Pelancongan telah mengadakan satu program yang dipanggil *Expo Malaysia Travel Fair* yang diadakan di Singapura pada 17, 18 dan 19 Oktober. Soalan saya, adakah semua TDC daripada negeri-negeri Malaysia hadir dan turut serta dalam program tersebut? Apakah perkembangan ataupun pencapaian yang diperoleh dalam program yang diadakan itu untuk kempen pelancongan iaitu Tahun Melawat Malaysia? Terima kasih.

**Datuk Seri Azalina binti Othman Said:** Tuan Yang di-Pertua, dasar Kementerian Pelancongan ialah apabila terdapatnya pembentangan ataupun pameran-pameran pelancongan antarabangsa, semua negeri ataupun wakil negeri-negeri dijemput. Dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, jumlah aktiviti-aktiviti pameran antarabangsa dalam setahun, saya tidak ada jumlah yang tepat. Akan tetapi lebih daripada 200 lebih aktiviti dalam setahun di seluruh dunia.

Hari ini kalau kita tengok pameran-pameran, kita berhadapan dengan dua cabaran. Sejak kalau kita tengok daripada bulan Ogos, September ke atas, cabaran hari ini kalau pameran-pameran antarabangsa, ialah cabaran di segi kos. Ini kerana kalau negeri-negeri hendak pergi, selalunya kita tengok masalah dari segi syarikat swasta lebih mudah berbanding dengan syarikat kerajaan ataupun kerajaan negeri. Walau bagaimanapun berhadapan dengan isu kos, selalunya pameran ini diadakan tiap-tiap tahun. Kadang-kadang kalau tahun ini mungkin pameran kita kecil, tahun hadapan mungkin besar. Akan tetapi sebenarnya Yang Berhormat memang saya tidak dapat menafikan. Ukuran kejayaan sebuah negara ialah sebesar mana pameran dia. Jadi, itu memang menjadi ukuran dunia lah.

Itulah sebabnya kalau kita tengok dari segi Malaysia, pameran-pameran yang kita menjadi ahli ataupun kita mendaftar sebagai pameran, Malaysia akan meletakkan keutamaan

kepada pameran tersebut. Kita akan meletakkan bahawa sebagai contohnya pameran yang paling besar di dunia ialah *WTM* dengan izin, *World Travel Market* yang ada di United Kingdom, London. Itu adalah di antara yang terbesar di dunia. Itulah di mana bila Malaysia hendak memilih mana pameran mereka hendak meletakkan imej Malaysia. Oleh itu, kita akan memilih pameran yang akan dapat membantu imej Malaysia dengan cara lebih agresif lagi. Jadi yang mana Yang Berhormat tanya saya berkenaan dengan pameran di Singapura, saya tidak mempunyai jawapan dari segi peratusan kejayaan.

■1030

Selalunya bila Kementerian Pelancongan mengukur kejayaan selalunya dari jumlah berapa banyak pakej percutian kita jual. Itu menjadi ukuran pameran selalunya sebab yang datang tersebut akan menjual pakej-pakej percutian dan selalunya ukuran ialah setiap pameran berapa banyak pakej yang dapat kita jual. Kalau kita tengok pakej yang kita lakukan di bawah satu persatuan mereka persatuan, *Travel Trade Industry*, MATTA yang dilakukan dalam negara kita pada bulan-bulan yang lepas. Kita tengok pakej dalaman negara ataupun domestik adalah lebih daripada pakej antarabangsa sejak kebelakangan ini. Mungkin itu cabaran ekonomi dunia.

Jadi saya boleh tulis jawapan kepada Yang Berhormat berkenaan penilaian kejayaan yang ditanya Yang Berhormat. Setakat ini saya tidak dapat dari segi ukuran kejayaan tetapi selalunya dasar Kementerian Pelancongan dan *Tourism Malaysia*, kalau kita masuk pameran, mesti pameran yang kita buat kira berbaloilah dalam bahasa kita. Maknanya kalau kita belanja RM100 ribu untuk pameran, kita mesti mendapat pakej percutian yang mendapatkan keuntungan kepada negara. Itu menjadi ukuran pada mana-mana pameran yang dihadiri oleh *Tourism Malaysia* di mana-mana pelosok dunia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya Yang Berhormat Menteri. Untuk jual Malaysia di kaca mata dunia dan untuk promosikan pelancongan, Yang Berhormat kata tadi ada negara lain, apa kita buat negara lain pun tiru. Baru-baru ini kita lihat mungkin sesuatu yang negara lain tidak buat tapi kita buat dan mungkin ini bagi mempromosikan pelancongan iaitu dengan menganugerahkan *Datukship* kepada Shah Rukh Khan bahawa ini akan meningkatkan pelancongan di Malaysia. Terima kasih.

**Datuk Seri Azalina binti Othman Said:** Yang Berhormat. Itu sebabnya Yang Berhormat lebih bijak daripada saya. Saya hendak jawab susah Yang Berhormat Akhbar Ali yang bukan Akhbar Khan tapi Akhbar mungkin boleh menjawab tapi bagi Kementerian Pelancongan mana-mana orang luar terutama sekali yang terkenal datang ke Malaysia memang membawa kegembiraanlah sebab dunia akan fokus kepada Malaysia mungkin dari segi siaran-siaran televisyen, *entertainment* akan temu ramah Shah Rukh Khan dan bertanya tetapi semangat. Akan tetapi Shah Rukh Khan duduk di Mumbai ya. Mumbai sekarang ada masalah keselamatan mungkin sebab itulah dalam masa ini kita haraplah Shah Rukh Khan boleh beli rumah kedua

dalam program MM2H. Kita kalau boleh kalau dia dapat *Datukship* pun, siapa pun turun kita hendak dia bawa bersama Malaysia dengan diri mereka.

Kalau dia boleh MM2H memang seronok, kalau dia boleh buat program *convention* kah hendak buat *shooting Bollywood* yang lebih dalam Malaysia pun kita seronok. Akan tetapi bagi saya kalau setakat memberi sahaja anugerah dan mengharap anugerah itu akan dapat menjual Malaysia, saya tidak jamin anugerah itu dapat menjual Malaysia dalam masa 365 harilah. Mungkin dia dapat menjual dalam sehari ataupun dua. Akan tetapi selepas seminggu mungkin dunia akan melupai. Itu sebabnya Tuan Yang di-Pertua, dan juga Yang Berhormat antara pendekatan kita, bila kita hendak mengambil artis-artis antarabangsa ataupun pemain-pemain bola sepak dunia ataupun mana-mana orang yang terkenal bukanlah begitu murah ya.

Selalunya ia akan memberikan bayaran dengan izin, *appearance fee*. Dia datang pun orang kata dah kata begitu mahal. Akan tetapi tahun depan Kementerian Pelancongan dan *Tourism Malaysia* akan menggalakkan. Jadi kalau dia datang dia buat konsert, ataupun dia datang di jumpa dengan ramai peminat dan dia dapat dalam masa sehari dua kemudian dia keluar pakai baju batik itu kita seronoklah. Akan tetapi kalau setakat datang dia ambil Datuk terus dia balik itu bagi Kementerian Pelancongan kalau boleh panjangkanlah duduknya Shah Rukh Khan di negeri Melaka ya. Kalau boleh tawarkanlah sebuah rumah. Shah Rukh Khan itu seorang Islam. Tidak tahulah yang Melaka hendak tambah cawangan-cawangan dia terpulanglah kepada Melaka.

Saya tidak tahulah Yang Berhormat faham maksud saya cawangan, itu cadangan sahaja bukan pendapat Kementerian Pelancongan, itu pendapat peribadi saya. Akan tetapi terpulang Yang Berhormat... [Ketawa] Tuan Pengerusi Yang Berhormat bagi kementerian Pelancongan memanglah datang orang luar yang terkenal ke Malaysia memang membanggakan Malaysia terutama sekali kalau orang luar itu dapat berkata baik dan lebihnya Malaysia daripada negara lain. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**3. Puan Siw Chun a/p Eam** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, apakah langkah-langkah dan jalan penyelesaian bagi mengatasi keruntuhan moral belia-belia di bandar dan juga di desa yang agak kritikal di masa ini.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Tuan Wee Jeck Seng]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Kementerian Belia dan Sukan sebenarnya telah melaksanakan pelbagai langkah bagi mengatasi masalah sosial dan keruntuhan moral di kalangan belia-belia sama ada di bandar dan juga di desa. Langkah-langkah tersebut sama ada berbentuk program dan aktiviti mahupun kempen yang dilaksanakan secara berterusan. Konsep pelaksanaan aktiviti tersebut sama ada berbentuk aktiviti-aktiviti sukan dan kecergasan program-

program Rakan Muda mahu pun program-program belia seperti seminar, forum, aktiviti kemasyarakatan, kursus dan pertukaran belia.

Di antara langkah-langkah dan jalan penyelesaian tersebut yang telah dilaksanakan oleh KBS adalah mengerakkan pertumbuhan belia sebagai agen untuk menangani permasalahan sosial yang berlaku di kalangan golongan belia. Untuk itu pertumbuhan belia telah dan akan terus memperkasakan sama ada dari segi kepimpinan mahupun keupayaan pengurusan dan pelaksanaan program. KBS juga melaksanakan Program Komuniti Belia Remaja iaitu Y2Y bagi memantapkan jati diri belia remaja untuk merealisasikan kepimpinan dan pembangunan masyarakat di peringkat komuniti. Bagi tahun 2008 KBS merancang untuk melaksanakan 478 Program Y2Y dengan melibatkan penyertaan seramai 38,240 orang.

Sehingga 1 Disember 2008 sebanyak 433 Program Y2Y telah dilaksanakan dengan melibatkan penyertaan 34,640 orang. Menerusi Program Y2Y ini pendekatan yang digunakan adalah ke arah minat, kecenderungan nilai dan potensi. Selain daripada itu untuk menyelami masalah para belia dan langkah-langkah penyelesaian pada perkara tersebut pendekatan psikologi dan kaunseling digunakan. Fasilitator bagi program ini adalah terdiri daripada kalangan kaunselor yang bertauliah. Bagi maklumat Dewan yang mulia ini melaksanakan Program Jati Diri Kesukarelaan Nasional iaitu PLKN untuk belia-belia lepasan SPM yang melibatkan penyertaan semua kaum. Program ini menekankan aspek pembangunan diri remaja di samping memupuk semangat cintakan negara dan patriotisme serta menyamai dan mempersiapkan diri remaja dengan nilai-nilai kemasyarakatan.

Bagi tahun 2008 KBS merancang untuk melaksanakan 95 program PJKN dengan melibatkan penyertaan seramai 15,200 orang. Sehingga 1 Disember 2008 sebanyak 134 program PJKN telah dilaksanakan dengan melibatkan penyertaan 23,200 orang dan program ini dianjurkan dengan kerjasama badan-badan NGO belia seperti Majlis Belia Malaysia dan swasta. Bagi maklumat Dewan yang mulia ini, selain daripada itu KBS juga melaksanakan program khusus pembangunan kepimpinan dan pengurusan organisasi di pelbagai peringkat yang bertujuan untuk melatih para belia serta memberi pengetahuan dan kefahaman tentang persatuan, menarik minat untuk berpersatuan, mempelajari aspek kepimpinan dan pengurusan persatuan serta memberi keyakinan dan kemahiran kepimpinan bagi mempersiapkan belia sebagai pemimpin pelapis yang akan mengambil alih pucuk kepimpinan sedia ada.

Sehingga Jun 2008 KBS telah melaksanakan 169 kursus kepimpinan dan pengurusan organisasi yang telah melibatkan penyertaan 7,780 orang. Selain daripada itu untuk Dewan yang mulia ini KBS juga mempertingkatkan Program Pembangunan Sahsiah yang bertujuan untuk membangunkan kualiti modal insan yang cemerlang di kalangan belia. Menerusi program ini antara program yang dilaksanakan ialah Bengkel Belia Hadhari, Program Perdana Hal Ehwal Islam, Adakah Belia Bersama TV9. Sehingga Jun 2008 sebanyak 27 Program Pembangunan Sahsiah telah dilaksanakan dengan melibatkan penyertaan langsung seramai 14,000 orang.

Jadi untuk maklumat Yang Berhormat manakala kempen Belia Benci Dadah pula di adakan bertujuan untuk menyedarkan segenap lapisan masyarakat mengenai bahaya penyalahgunaan dadah dan usaha menentanginya adalah tanggungjawab semua khususnya golongan belia serta memberi maklumat tentang kesan penyalahgunaan dadah. Golongan belia di peringkat IPTA ataupun IPTA juga tidak terkecuali daripada memainkan peranan mereka melalui kempen Anda Pilih Bahagia Atau Sengsara melalui *secretariat* IPT masing-masing.

■1040

Peranan pertubuhan-pertubuhan belia organisasi ini sentiasa membawa mesej 'Belia Benci Dadah' ke dalam pelaksanaan program-program belia sama ada di peringkat kebangsaan mahu pun daerah. Sekian.

**Puan Siw Chun a/p Eam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, adakah kementerian sedar bahawa banyak program yang diatur dan ditetapkan oleh pihak kementerian selama ini adalah kurang diminati dan juga amat kurang penyertaannya dari golongan ini pada keseluruhannya kerana tidak mengikut cita rasa mereka. Apakah pendekatan yang diambil oleh kementerian terhadap belia-belie kita pada masa kini yang sering mengunjungi dan menghabiskan masa di *Cyber Cafe* di mana kebanyakan daripada mereka ini membuang masa untuk bermain permainan komputer. Tidakkah kementerian sedar akan kerugian tenaga belia-belie yang celik IT ini di mana ianya boleh digunakan kepada agenda yang lebih bermanfaat. Terima kasih.

**Tuan Wee Jeck Seng:** Terima kasih soalan tambahan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat. Kementerian memang sedar dan memang tahu keseriusan masalah sosial. Sebab itulah KBS telah merancang pelbagai program untuk menambahkan bilangan program, untuk menambahkan bilangan penyertaan daripada belia-belie kita.

Jadi salah satu yang baru kita ingin memperkasakan supaya dapat menarik lebih ramai lagi belia untuk mengambil bahagian ialah baru-baru ini Timbalan Perdana Menteri kita telah mengumumkan pada tahun akan datang atau Rancangan Malaysia Kesembilan ini, KBS akan memperkenalkan satu program baru iaitu Rakan setoran. Rakan setoran ini akan melibatkan kepada kaum-kaum seperti yang dilaksanakan di kampung-kampung Cina, di estet-estet India termasuk juga kaum-kaum belia lain termasuk belia Siam. Jadi dengan adanya program ini, kementerian kita akan menyalurkan dana supaya belia-belie kita kepada apa yang saya katakan tadi itu dapat menubuhkan satu jawatankuasa antara belia yang berumur 15 hingga 25 tahun.

Jadi mereka akan merancang untuk melaksanakan mengikut program cita rasa mereka dan kementerian akan menyalurkan dana untuk membantu mereka merealisasikan atau membolehkan mereka mengambil program mereka sendiri untuk keperluan dan keinginan mereka masing-masing. Sekian.

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti mana yang kita semua sedia maklum yang terlibat dalam mat rempit ini kebanyakan belia kita. Jadi

adakah kementerian bercadang untuk mengadakan satu program khusus bagi menangani mat rempit kerana mereka ini terdiri daripada belia-belia kita seperti mana yang pernah dilakukan oleh Ketua Putera membawa mereka terjun di kutub utara sebagai salah satu contohnya. Adakah kementerian bercadang untuk mengadakan program-program sedemikian bagi menangani masalah yang kita hadapi sekarang ini yang semakin bertambah rumit iaitu masalah mat rempit kita ini.

**Tuan Wee Jeck Seng:** Terima kasih kepada Yang Berhormat yang mengemukakan soalan tambahan. Memang benar mat rempit ini satu masalah yang kita semua prihatin. Sebab itulah baru-baru ini kementerian telah menubuhkan satu unit khas sukan bermotor di bawah Bahagian Pembangunan Sukan, KBS yang akan mengkaji dan merancang pelbagai program untuk belia kita yang berlumba secara haram ini.

Akan tetapi sebelum ini kementerian telah mengambil beberapa langkah termasuklah ke negeri-negeri untuk memberi pengetahuan tentang pengendalian motor cup serta teknik berlumba. Sekurang-kurangnya kita ada cara, teknik dan ajar mereka daripada mereka berlumba secara haram. Jadi kita akan gunakan cara-cara ataupun menganjurkan pelbagai *training* untuk mengajar mereka dan baru-baru ini saya rasa kementerian juga telah mewujudkan ataupun mengadakan satu kawasan di Stadium Bukit Jalil di mana kawasan-kawasan lapang atau kawasan-kawasan *parking* yang sebelum ini kalau ada aktiviti mungkin ia digunakan sebagai *parking* tapi hari kebiasaannya mungkin diguna sebahagiannya untuk dijadikan litar perlumbaan dan kita dapat memantau dan mengawal selia supaya mereka ini dapat satu kawasan yang sesuai dan tidak berlumba dengan sembarangan tanpa tujuan.

Maka ikementerian telah mengambil tindakan dan di Stadium Shah Alam juga kita akan lakukan. Jadi kita harap dengan adanya pelbagai program ini dan termasuk program yang dirancang dapat mengurangkan aktiviti mat rempit ini. Sekian.

**4. Dato' Yip Kum Fook** minta Menteri Kewangan menyatakan, jumlah "Wang Tidak Dituntut" yang terkumpul oleh Pendaftar sejak tahun 2003, sama ada jumlah ini meningkat atau menurun sejak Akta Wang Tidak Dituntut ini dipinda pada 2002 dan apakah usaha yang diambil untuk mengesan pemilik "Wang Tak Dituntut" ini.

**Timbalan Menteri Kewangan I [Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah]:**

Tuan Yang di-Pertua, wang yang tidak dituntut yang disimpan oleh Pendaftar wang tidak dituntut sehingga 31 Disember 2007 adalah sebanyak RM2.85 bilion. Terdapat peningkatan ketara daripada wang tidak dituntut yang disimpan di bawah Pendaftar atas dua sebab:

- (i) pindaan ke atas Akta Wang Tidak Dituntut; dan
- (ii) di bawah Akta Perindustrian Sekuriti Deposit Pusat 1991 di mana sekuriti yang diletak di bawah akaun depositori dijual dan kemudian dipindahkan kepada Pendaftar.

Dari segi usaha untuk membantu tuan empunya wang tersebut:-

- (i) pihak pendaftar mengadakan sistem di mana empunya wang tersebut boleh menyemak kedudukan wang mereka sama ada melalui kaunter ataupun melalui telefon dan menulis surat kepada Pendaftar;
- (ii) pihak Pendaftar mewartakan wang yang tidak dituntut tersebut; dan
- (iii) pihak Pendaftar telah pun membangunkan Government Financial and Management Accounting System (GFMAS) di mana ini memudahkan lagi kepada empunya wang tersebut untuk menyemak menggunakan kad pengenalan ataupun menggunakan nama mereka untuk cek melalui *online*.

Hasil daripada itu peningkatan pembayaran balik wang tersebut telah berlaku.

**Dato' Yip Kum Fook:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Timbalan Menteri kerana memberi jawapan yang begitu bagus tetapi pada hakikatnya kalau kita sekarang ini hendak pergi menuntut balik wang yang dituntut di Maybank tingkat 42 itu sangat susah. Izinkan saya baca sekerat sahaja di surat yang dijawab.

*"Wang bagi persatuan tidak dapat diproses kerana tidak dapat dikesan dalam rekod jabatan ini. Sila kemukakan salinan draf wang yang dituntut dalam UMA3 yang mempunyai maklumat yang tersebut daripada pihak bank, syarikat firma yang menyerahkannya kepada jabatan ini"*

Soalan saya, bagaimana kita boleh pergi dapat pengesahan daripada bank yang asalnya mengeluarkan *bankers cheque* dari bank asal kerana telah begitu lama keadaan itu. Yang lebih teruk lagi sekiranya wang itu adalah dari pihak kerajaan yang tidak pernah sampa kepada orang yang patut menerima wang ini yang belum sampai. Jadi dia tidak tahu cek itu di mana. Nanti saya akan kemukakan surat ini dan soalan saya bolehkah birokrasi ini dipermudahkan. Kedua, sama ada kementerian pernah melantik firma swasta untuk menolong rakyat kita untuk menuntut balik.

■1050

Ini tidak bermakna saya setuju pelantikan itu, tetapi saya ingin tahu sama ada orang yang *claim* dia ada pelantikan dari kementerian atau berdaftar dengan kementerian untuk membantu rakyat kita untuk menuntut. Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, Pendaftar mempunyai tanggungjawab yang besar untuk memastikan bahawa pemohon mestilah tuan asal yang tulen. Justeru pertama pihak Pendaftar meminta supaya mengisi borang dipanggil borang UMA7 memberi butir penuh.

Kemudian dari segi Yang Berhormat nyatakan tadi bagaimana untuk mengesahkan bahawa pihak berkenaan benar-benar orang yang mempunyai *link* ke atas wang tersebut. Jadi ini sudah tentulah memerlukan kepada dokumen asal dan bagaimana hendak mendapat dokumen

asal itu saya tidak tahu Tuan Yang di-Pertua, tetapi itu perkara yang mesti diperoleh oleh pihak yang ingin menuntut wang tersebut.

Dalam kes Yang Berhormat nyatakan itu saya harap Yang Berhormat bagi kepada saya dan kita akan menyemak kes tersebut, kerana daripada apa yang kita lihat pada masa ini, tidak terdapat masalah dari segi wang untuk dituntut, dari segi piawaian mesti satu bulan, tetapi satu bulan kadang-kadang sukar untuk dikeluarkan wang tersebut kerana dokumen-dokumen tidak cukup. Akan tetapi untuk makluman Yang Berhormat dari segi wang yang telah dipulangkan pada tahun 2008 sahaja sehingga bulan Oktober, seramai 51,000 orang telah memperoleh wang tersebut. Tahun 2007 - 46,000; dan 2006 - 42,000. Bermakna mereka yang menuntut wang yang telah memperolehnya begitu ramai. Jadi mungkin kes spesifik ini perlu dilihat secara spesifik. Terima kasih.

**Dato' Gooi Hoe Hin:** Terima kasih. Saya ini seiris perasaan dengan kawan saya Dato' Yip Kum Fook sebab dia seorang peguam yang faham bagaimana untuk tuntutan wang yang dipegang oleh Ketua Pendaftar.

Soalan tambahan saya lebih kurang sama tetapi senang sahaja dijawab, senang. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menggariskan tiga langkah sahaja, tetapi seperti yang dinyatakan oleh Dato' Yip Kum Fook hakikatnya langkah yang diambil itu tidak berkesan. Yang penting sekali soalan saya, sama ada kementerian benar-benar untuk mempermudah supaya orang yang tuntutan wang itu senang tuntutan wang? Itu sahaja, terima kasih.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, hakikat bahawa pihak kerajaan telah mempunyai sistem EF *must* seperti yang dinyatakan tadi, tuntutan boleh dibuat melalui *online*. Bermakna kesungguhan kerajaan itu begitu serius untuk memudahkan proses tersebut, kerana ini bukan wang kerajaan tetapi seperti Yang Berhormat nyatakan tadi bagaimana untuk mengesahkan. Itu yang mesti diperoleh oleh pihak berkenaan. Apabila saya menyatakan 51,000 telah dapat menuntut pada tahun ini, bermakna bilangan yang menuntut itu begitu ramai.

Saya akan cuba dapat maklumat daripada pihak pendaftar, berapa ramai pula yang sebenarnya telah membuat tuntutan dan tidak dibayar berdasarkan kepada kajian komparatif tersebut baru kita tahu, adakah sistem yang disediakan itu satu sistem yang efisien ataupun tidak.

**5. Tuan Haji Shamsudin bin Mehat** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan, apakah mekanisme yang digunakan oleh pihak kementerian untuk memastikan semua kursus yang ditawarkan di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) menepati apa yang dimahukan oleh pasaran kerja supaya tidak berlaku masalah pengangguran kerana kursus yang tidak menepati kemahuan pasaran kerja.

**Timbalan Menteri Pengajian Tinggi II [Dr. Hou Kok Chung]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengajian Tinggi sentiasa memandang serius masalah pengangguran di kalangan graduan. Semua program baru yang ingin ditawarkan

perlu diteliti oleh lembaga pengajian, Senat serta Lembaga Pengarah Universiti atau LPU masing-masing dan mendapat maklum balas serta pandangan daripada pihak-pihak luar seperti badan-badan profesional dan juga pihak industri yang berkaitan dengan program tersebut. Setelah dilakukan, permohonan ini akan diteliti oleh Jawatankuasa Pengajian Tinggi yang dianggotai oleh wakil agensi-agensi pusat termasuk Unit Perancang Ekonomi, JPM, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Jabatan Perkhidmatan Awam serta Agensi Kelayakan Malaysia.

Antara faktor yang diberi penekanan semasa meluluskan sebarang cadangan penawaran program pengajian adalah:

- (i) hasil kajian pasaran guna tenaga yang dijalankan oleh universiti terhadap program yang dipohon;
- (ii) ulasan oleh pakar-pakar dari luar universiti serta pihak industri terhadap kesesuaian program; dan
- (iii) menyatakan bidang-bidang perkhidmatan yang memerlukan graduan-graduan program ini.

Tuan Yang di-Pertua, menerusi kajian pengesanan graduan IPT atau dikenali sebagai *tracers study* dengan izin, anjuran Kementerian Pengajian Tinggi adalah didapati bahawa kadar kebolehdapatan atau *employability*, dengan izin, graduan kita adalah memuaskan. Ingin saya jelaskan bahawa tempoh *tracers study* ini adalah bagi enam bulan pertama selepas *graduate*, graduan menamatkan pengajian masing-masing iaitu tarikh akhir menamatkan peperiksaan akhir sehingga pada tarikh menghadiri konvokesyen pada tahun yang sama.

Ini bermakna dalam tempoh enam bulan kajian tahun 2007, seramai 58,863 orang pelajar atau 48% daripada 121,730 pelajar yang memberi maklum balas telah berjaya mendapat pekerjaan. Kadar ini telah meningkat berbanding tahun 2006 yang mencatatkan 44.5%. Selain itu, *tracers study* 2007 ini mendapati 22,975 pelajar atau 17.7% memilih untuk melanjutkan pengajian mereka termasuk 1,447 orang atau 1.4% yang ingin meningkatkan kemahiran masing-masing. Sekian.

**Tuan Haji Shamsudin bin Mehat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, apakah kursus yang dilihat penting dan kritikal melalui agenda pembangunan negara dan berapakah jumlah graduan setiap tahun dari kursus-kursus ini? Terima kasih.

**Dr. Hou Kok Chung:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya tidak ada angka dan akan saya jawab secara bertulis, tetapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam dunia pendidikan wujud dua aliran pemikiran yang saling bertentangan.

Pemikiran yang pertama berpendapat bahawa pendidikan untuk memenuhi objektif *utilitarian*, manakala pemikiran kedua ialah pendidikan untuk pembangunan manusia dan pembangunan ilmu. Aliran *utilitarian* berpandangan bahawa matlamat pendidikan ialah menyediakan sumber manusia merangkumi teknokrat, birokrat, saintis, ahli ekonomi dan profesion kemahiran tinggi yang diperlukan oleh pasaran pekerjaan.

Manakala aliran kemanusiaan berpendapat bahawa pendidikan adalah untuk melahirkan manusia yang seimbang perkembangan fizikal, intelektual, sosial, emosi dan kerohaniannya. Aliran pemikiran ini juga berpendirian bahawa pendidikan tiada hubung kait untuk menyediakan pekerja industri atau melayani tuntutan-tuntutan ekonomi. Demi kesejahteraan rakyat dan negara, KPT sentiasa berusaha untuk memenuhi kedua-dua aliran pemikiran ini untuk memastikan IPT di negara ini sentiasa menawarkan kursus-kursus yang relevan dengan perkembangan ilmu dan juga kehendak pasaran pekerjaan, KPT telah dan sedang menjalankan kajian hala tuju program pengajian di IPT khususnya di IPTA. Jadi maksud saya, KPT akan selalu mencari titik keseimbangan untuk para graduan yang kita akan hasilkan. Sekian.

**Tuan Ahmad bin Hussin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ialah, adakah kementerian sentiasa merujuk kepada Persekutuan Majikan-majikan Malaysia yakni dengan izin, *Malaysia Employees Federation* mengenai ciri-ciri *soft skill* dan jenis-jenis kemahiran yang diperlukan oleh bakal-bakal majikan dan juga maklum balas mengenai kualiti siswazah universiti tempatan. Sekian, terima kasih.

■1100

**Dr. Hou Kok Chung:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPT memang peka dengan kualiti graduan yang kita hasilkan dan KPT juga memang menggalakkan supaya pihak industri dapat membantu dalam mengatasi masalah pengangguran di Malaysia, dan untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengajian Tinggi telah mengadakan jalinan kerjasama dengan pihak industri melalui program sangkutan latihan industri dan program *internship* bagi menempatkan pelajar-pelajar IPT di industri.

Setakat ini KPT telah bekerjasama dengan beberapa syarikat swasta, *government-linked companies* atau GLC dan badan-badan berkanun seperti Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia atau CIDB, Bank Negara Malaysia, Khazanah Nasional Berhad, *Multimedia Development Corporation*, Syarikat IBIL Sdn. Bhd, *Cubic Integrated Group* dan *Small and Medium Industry Development Corporation* (SMIDEC) bagi program penempatan pelajar.

Kementerian juga telah memulakan beberapa program latihan persijilan profesional dengan syarikat ICT terkemuka iaitu Microsoft and Infosys yang dilaksanakan di IPT tempatan dan luar negara, sekian.

**6. Tan Sri Datuk Tee Hock Seng** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan kemungkinan untuk mengkaji semula pemindahan keluarga setinggian ke PPR yang jauh dari kawasan kediaman asal mereka demi menjaga sumber pencarian, kebajikan dan pendidikan ahli keluarga.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Tuan Wee Jeck Seng]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya pohon izin menjawab soalan ini bagi pihak Kementerian Wilayah Persekutuan kerana Menteri sedang menjawab di Dewan Rakyat. Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Yang Berhormat, Program Pemindahan Setinggian yang dilaksanakan pada masa ini adalah selaras

dengan Dasar Setinggalan Sifar, Program Pemindahan Setinggalan ini dilaksanakan bagi memberi laluan kepada projek-projek pembangunan serta menghindarkan daripada kes-kes bencana alam.

Bagi melaksanakan program ini, perkara pertama yang diambil kira ialah kekosongan unit PPR sedia ada dan bilangan setinggalan yang ada di tapak. Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur sememangnya amat prihatin akan pemindahan setinggalan-setinggalan ke PPR yang jauh dari kediaman asal mereka.

Walau bagaimanapun bagi mencapai sasaran setinggalan sifar, pemindahan setinggalan-setinggalan ini ke PPR yang berada di luar kawasan Parlimen yang mereka diami tetap perlu dilaksanakan kerana unit-unit PPR yang berdekatan telah pun penuh. Tuan Yang di-Pertua, bagi menikmati taraf kehidupan yang lebih selesa, DBKL telah menyediakan kemudahan-kemudahan prasarana awam kepada para penghuni PPRT di Kuala Lumpur seperti penyediaan surau, dewan serba guna, kedai, gerai, pusat warga emas dan tadika turut dimasukkan dalam Rancangan Pembangunan PPR, sekian.

**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih wakil Kementerian Wilayah Persekutuan, saya nak merakamkan rasa kesallah Tuan Yang di-Pertua, kerana Kementerian Wilayah Persekutuan mempunyai Menteri dan Timbalan Menteri, sebentar tadi saya tengok Timbalan Menteri ada, lepas itu hilang.

Saya haraplah menghormati Dewan Negara ini Dewan yang tertinggi, bukan Dewan Rakyat sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, saya.. *[Dewan tepuk]* Saya takut soalan saya pun yang wakil kementerian pun tidak boleh jawab, walau bagaimana pun saya harap bagi cara bertulislah.

Soalannya adalah PPR Sri Alam di kawasan Lapangan Terbang Sungai Besi, dijangka pemindahannya berlaku pada September 2007, soalan saya, sehingga hari ini, penduduk-penduduk setinggalan tersebut belum lagi berpindah, saya ingin tahu apakah masalah yang dihadapi sehingga setahun lebih masih lagi penduduk-penduduk setinggalan yang bersedia untuk berpindah tetapi tak dapat berpindah kerana masalah Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur belum lagi memanggil mereka untuk pindah. Terima kasih.

**Tuan Wee Jeck Seng:** Saya akan sampaikan secara bertulis, sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, ini adalah di antara masalah yang kita hadapi apabila Dewan Negara dan Dewan Rakyat bersidang secara serentak, jadi kadang-kadang perlu diagih-agihkan masa dan tugas kerja khususnya apabila soalan timbul di kedua-dua Dewan tadi. Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Profesor Datuk Dr. Ismail bin Md. Salleh.

*[Soalan No 7 –Y.B. Profesor Datuk Dr. Ismail bin Md. Salleh tidak hadir]*

8. **Datuk Haji Roslan bin Awang Chik** minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan apakah ada sebarang pengecualian bagi mana-mana negeri untuk tidak diambil alih industri air mereka oleh Kerajaan Negeri masing-masing. Jika ada pengecualian tersebut, apakah kriteria yang boleh diterima pakai untuk tujuan itu dan kaedah-kaedah selanjutnya untuk menangani masalah ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebelum pada itu Dewan Negara juga ingin mengalu-alukan dan menghargai kehadiran Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [*Dewan Tepuk*] dan juga tidak lupa Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang baru tiba tadi.

**Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya menerangkan di Dewan yang mulia ini bahawa terdapat dua kategori pendekatan yang diamalkan dalam menguruskan bekalan air di negara kita, pertama bekalan air yang diuruskan oleh entiti milik penuh Kerajaan Negeri yang sering dikenali sebagai Pihak Berkuasa Air Negeri atau PBAN, entiti tersebut boleh terdiri daripada salah satu bentuk yang berikut iaitu Jabatan Bekalan Air, Lembaga Bekalan Air dan Cawangan Bekalan Air di bawah Jabatan Kerja Raya Negeri.

Pendekatan kedua yang diamalkan ialah melalui kaedah penswastaaan, entiti yang dipertanggungjawabkan untuk menguruskan bekalan air di bawah pendekatan ini akan diberikan konsesi untuk satu tempoh yang ditetapkan, skop peranan dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh entiti berkenaan dijelaskan di dalam perjanjian konsesi.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah cadangan penstrukturan semula Industri Perkhidmatan Air Negara, kerajaan telah menetapkan bahawa Industri Perkhidmatan Air Negara hendaklah diuruskan oleh sebuah entiti yang beroperasi secara holistik, *aset life* dan berlesen di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006, Akta 655.

Untuk itu kerajaan juga telah memutuskan bahawa semua Pihak Berkuasa Air Negeri perlu dikorporatkan dan operasinya dikekalkan di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri masing-masing sepenuhnya, di samping itu bagi membantu kerajaan negeri mengatasi masalah kekangan sumber kewangan dan hutang, kerajaan juga telah menubuhkan satu syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan, MKD iaitu Pengurusan Aset Air Berhad, PAAB untuk membiayai perbelanjaan kapital, *capex* dan mengambil alih aset beserta hutang-hutang sedia ada kerajaan negeri.

Aset tersebut kemudiannya akan disewa semula kepada operator air pada kadar yang berpatutan. Bagi kerajaan negeri yang telah menswastakan bekalan airnya, kerajaan telah meminta kerajaan negeri berkenaan untuk turut melibatkan diri dalam Pengurusan Bekalan Air sekurang-kurangnya melalui penyertaan ekuiti dalam Syarikat Bekalan Air tersebut.

Dengan cara ini kerajaan negeri akan dapat mengimbangi aspek-aspek komersial dengan kepentingan rakyat dan juga kepentingan kerajaan negeri dalam Pengurusan Perkhidmatan Air di negeri masing-masing.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Datuk Haji Roslan Awang Chik, dan selepas itu Tuan Haji Ahmad Yusof.

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kita melihat baru-baru ini dalam akhbar, banyak berita-berita hal pengambilan air balik ini di Selangor, kita tengok ini bahawa adakah Kerajaan Negeri Selangor mampu untuk mengambil alih, kita lihat dengan ambang, di ambang 2010 ini, kemelut air di Lembah Klang akan menjadi satu masalah yang besar. Jadi adakah ianya mampu untuk mengambil alih pengurusan air ini untuk negeri Selangor.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat, untuk pengetahuan Dewan, pada peringkat awal Kerajaan Negeri Selangor ada menyatakan hasrat bahawa mereka ingin menguasai ataupun melibatkan diri dalam Syarikat SPV yang mana mereka bercadang untuk mengambil alih semua syarikat-syarikat yang beroperasi membekalkan air di negeri Selangor, tetapi sehingga ini, kementerian ini belum menerima secara *detail* ataupun terperinci cadangan Kerajaan Negeri Selangor itu maka kementerian ini telah meminta supaya Kerajaan Negeri Selangor supaya berhijrah ke rejim pelesenan ini yang mana rejim ini meminta Kerajaan Negeri Selangor. Meminta seluruh syarikat-syarikat yang beroperasi dalam pembekalan air ini menyerahkan aset-aset mereka kepada PAAB dan mereka dibenarkan terus beroperasi setelah ini seperti biasa untuk memastikan bahawa syarikat-syarikat ini tidak menanggung beban hutang yang tinggi.

■1110

Dari segi kebimbangan masyarakat berhubung dengan kekurangan bekalan air di negeri Selangor untuk masa akan datang, selain daripada yang telah kerajaan memutuskan untuk dibawa bekalan air mentah daripada negeri Pahang ke negeri Selangor, kementerian ini juga telah meminta supaya syarikat-syarikat yang beroperasi di Selangor dan juga Kerajaan Negeri Selangor mengadakan program-program integrasi iaitu memastikan bahawa loji-loji yang ada di negeri Selangor pada hari ini diperbaiki dan dipertingkatkan kapasiti mereka supaya tidak berlaku masalah gangguan air di masa yang akan datang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri. Ada yang menyebut tentang penstrukturan semula bekalan air di seluruh negara. Soalan tambahan saya ialah apakah skim ataupun apa yang disebut tadi sebagai entiti penswastan bekalan air di sesetengah negeri ini gagal selama ini maka perlu kepada satu tindakan oleh kementerian ataupun Kerajaan Pusat. Yang kedua, dengan penstrukturan semula ini, apakah pengguna-pengguna atau *end users* akan mendapat manfaat dengan harga air yang lebih murah, terima kasih.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Sebelum ini mungkin terdapat kelemahan-kelemahan dari segi industri bekalan

air di negara ini kerana industri ini tidak merupakan satu industri yang holistik yang mana terdapat dari segi dalam bentuk *fragmented*, dia berasingan.

Selalunya syarikat yang membuat *treatment* atau rawatan air itu tidak akan membuat dari segi *distribution* air ke *consumer*. Masalahnya di sini ialah yang banyak menanggung risiko ataupun beban adalah kerana mereka yang mengambil kira dari segi *distribution* kerana banyak *leakages* atau kebocoran seperti NRW atau *non revenue water* berlaku dari segi *distribution*.

Sebab itu kerajaan melalui kementerian ini meminta supaya industri ini menjadi satu industri yang holistik makna sesiapa yang ingin melibatkan diri dalam industri ini perlu bermula daripada air mentahnya, *treatment plan* nya sampailah ke *distribution* kerana banyak negeri sebelum ini seperti Yang Berhormat juga maklum seperti di Johor, di Selangor. Kebanyakan daripada kebocoran ataupun *leakage* yang berlaku dalam pembekalan air ke orang ramai adalah di bahagian penghantaran dan keuntungan banyak berlaku di bahagian *treatment* ataupun loji kerana kerja-kerjanya lebih mudah jika hendak dibandingkan dengan penghantaran.

Dari segi aspek kedua adalah kos untuk menukar paip-paip lama ini begitu tinggi dan juga ini membebankan dari segi syarikat-syarikat yang beroperasi dalam industri ini. Dengan berhijrahnya ke dalam rejim baru ini, rejim pelesenan dengan adanya PAAB atau Pengurusan Aset Air Berhad ini maka aset-aset dan juga hutang-hutang yang ada di dalam syarikat-syarikat operasi ini boleh dipindahkan kepada PAAB ini dan akhirnya syarikat-syarikat ini boleh menyewa semula aset-aset ini dengan harga yang lebih berpatutan daripada harga yang awal.

Yang lebih istimewa daripada itu dengan adanya rejim yang baru ini maka segala peraturan, undang-undang yang ada dalam industri hari ini akan disamaratakan kerana sebelum ini setiap negeri mempunyai peraturan mereka tersendiri. Namun dengan adanya Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara ini, setiap pemain-pemain dalam industri air ini di setiap negeri akan hanya perlu patuh kepada akta-akta di bawah Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara ini, terima kasih.

**9. Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw** minta Menteri Pelajaran menyatakan, status, kursus dan bilangan graduan yang dilahirkan daripada Maktab Perguruan Islam dari tahun 2000-2008 dan tindakan pemerkasaan yang telah dilaksanakan selari dengan penekanan terhadap j-QAF dan KAFA dalam tempoh tersebut.

**Menteri Pelajaran [Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein]:** Tuan Yang di-Pertua, dari tahun 2000 hingga 2008, Kementerian Pelajaran Malaysia melalui Institut Perguruan Islam telah melahirkan seramai 2807 lulusan dalam pelbagai disiplin agama seperti:

Bil	Bidang	Jumlah (orang)
1	Pendidikan Islam	1,775
2	Bahasa Arab	956
3	Al-Quran	60
4	Pemulihan	16

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara usaha memperkasakan keterampilan dan kemahiran guru j-QAF ialah:

- (i) 27 buah institut perguruan yang terlibat dalam latihan guru j-QAF, mengadakan interaksi mingguan atau bulanan dengan guru pelatih, khusus untuk penambahan, pengukuhan, pengetahuan dan kemahiran mengajar dan mengendalikan program j-QAF ini;
- (ii) tenaga pengajar di institut menyediakan bahan ataupun modul-modul tambahan pelajaran sendiri untuk digunakan oleh guru-guru j-QAF untuk memantapkan kemahiran j-QAF;
- (iii) guru j-QAF yang mengikuti kursus sentiasa dibekalkan dengan tugas-tugas untuk disiapkan oleh guru-guru j-QAF bagi melahirkan mereka yang sentiasa berusaha memantapkan pengetahuan dan kemahiran melalui tugas-tugas yang diberi;
- (iv) lawatan pensyarah institut perguruan bertemu guru j-QAF secara berkala di sekolah-sekolah di mana guru j-QAF sedang mengajar untuk membantu pengajaran dan pembelajaran j-QAF; dan
- (v) semasa guru j-QAF berkursus, jabatan yang terdapat di IPG sentiasa menjalankan program di luar jadual waktu interaksi kuliah untuk memantapkan ilmu dan kemahiran kepada guru j-QAF khususnya dalam kelas kemahiran berbahasa Arab, bacaan Al-Quran secara bertaranum, kem bestari solat dan kemahiran menulis jawi dan khat.

Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Puan Mumtaz binti Md. Nawi dan selepas itu Dato' Samsiah dan Dato' Azizah.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kerana kesudian Menteri Pelajaran sendiri untuk hadir menjawab soalan ini. Soalan tambahan saya, sejauh manakah sijil atau diploma yang dikeluarkan oleh MPI ini diiktiraf oleh MQA kerana terdapat rungutan bahawa sijil graduan MPI tidak diiktiraf oleh MQA Malaysia. Kedua, berapakah jumlah guru agama yang telah dilatih di seluruh negara dan adakah jumlah ini mencukupi, terima kasih.

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Kita sedang memastikan seperti yang semua sedia maklum, kekurangan guru-guru j-QAF dalam konteks perluasan program ini di sekolah-sekolah dapat ditangani dengan secara terdekat ini. Saluran-saluran yang digunakan tidak kira sama ada saluran yang disebutkan oleh Yang Berhormat atau melalui usaha-usaha untuk mengiktiraf guru-guru yang berwibawa untuk memenuhi kekosongan dan keperluan guru-guru itu akan diambil kira.

Jadi pandangan Yang Berhormat tadi saya harap bahawa butirannya kita perincikan secepat mungkin kerana perluasan j-QAF ini kita cuma hanya mempunyai dua tahun sahaja lagi untuk memastikan ianya terus dapat diluaskan kepada enam tahun, tingkatan di sekolah rendah dan satu-satunya cabaran terpaksa kita hadapi ialah kekurangan dan apa jua cadangan yang boleh membantu kita mengisi kekosongan itu akan membantu kementerian Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih menteri. Soalan tambahan saya ialah setelah program j-QAF ini dilaksanakan sepanjang empat tahun di sekolah rendah iaitu bermula pada tahun 2005, bagaimanakah kementerian menilai pelaksanaan program j-QAF ini. Adakah ia benar-benar berjaya menepati objektifnya dan adakah kementerian bercadang menjadikan Terengganu sebagai satu contoh yang mana ramai di antara anak-anak ini yang berumur enam tahun telah khatam Al-Quran, terima kasih.

■1120

**Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya dasar kita untuk memperkasakan sekolah kebangsaan di bawah PIPP di bawah Teras Ketiga ialah untuk memastikan bahawa hujah-hujah yang menyatakan kita mempunyai kekurangan di sekolah-sekolah kebangsaan kita dapat ditangani dalam masa dan tempoh Pelan Induk Pembangunan Pendidikan kita. Satu perkara yang dibangkitkan ialah masyarakat Melayu sendiri telah menyatakan bahawa sekolah kebangsaan kita tidak menekankan dengan bersungguh-sungguh pendidikan Islam. Program j-QAF ini telah pun diperkenalkan untuk sedikit sebanyak membantu menjawab dan juga untuk memperkasakan sekolah kebangsaan kita yang termaktub satu teras daripada enam yang telah pun kita lihat sebagai keutamaan di PIPP.

Daripada segi jumlah kalau nak tengok kejayaannya dalam masa empat tahun Yang Berhormat, jumlah sekolah yang telah kita perluaskan untuk program j-QAF sekarang ini berjumlah 4175 buah. Ianya melibatkan 1.3 juta murid dan guru yang terlibat jumlahnya 13,437 guru. Saya cukup kagum dan mengakui sangat untuk apa yang telah dilakukan di Terengganu di mana mereka yang telah dapat khatam Al-Quran di peringkat umur yang cukup muda.

Akan tetapi itulah merupakan satu-satunya tumpuan j-QAF supaya mereka dapat khatam Al-Quran di peringkat sekolah rendah lagi. Dapat memastikan mereka dalam asas-asas bahasa Arab dan membaca, menulis jawi dan fardu ain dapat disuntik, dididik kepada anak kita di peringkat bangku sekolah lagi. Kalau kita tengok angka-angka yang saya sebutkan tadi, ini merupakan satu kejayaan yang cukup membanggakan. Terima kasih.

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Saya ucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri sendiri yang datang untuk menjawab soalan hari ini. Untuk mengelakkan kerisauan yang saya dengar tadi bahawa calon j-QAF tak cukup, adakah kementerian tidak bercadang untuk menaja pelajar atau menghantar pelajar untuk mengikuti kursus Pengajian Islam atau Bahasa Arab ke peringkat ijazah di dalam atau ke luar negara dan apabila mereka tamat pengajian, kumpulan ini terus diserap menjadi guru j-QAF. Terima kasih.

**Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein:** Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua, di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan dan PIPP 2005-2010, unjuran yang telah kita tetapkan untuk guru-guru j-QAF berjumlah 32,171. Sehingga tahun 2008, kita hanya memperoleh calon untuk mengikuti kursus j-QAF ini seramai 13,471 berbanding unjuran sebenar untuk 2008 iaitu 18,566 orang. Sedangkan program ini hanya tinggal dua tahun seperti yang saya katakan tadi untuk tamat untuk mencapai sasaran 32,171 orang.

Jadi seperti apa yang saya maklum kepada Yang Berhormat Mumtaz tadi, apa jua cara untuk kita dapat menangani isu kekurangan guru ini akan diambil kira termasuklah mungkin pelaksanaan Program PPC, Pengajian Islam dan Bahasa Arab dengan menaja pelajar di universiti dalam atau di luar negara. Namun dengan syarat apabila mereka tamat pengajian mereka, mereka ini diberikan kursus perguruan dan diserapkan sebagai guru j-QAF, insya-Allah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**10. Datuk Abdul Rahman bin Bakar** minta Menteri Kerja Raya menyatakan tentang perkembangan konsesi lebuhraya di Malaysia kerana ada di kawasan yang mempunyai lebuhraya dan dikenakan tol yang agak tinggi tetapi pengguna terpaksa menghadapi kesesakan yang amat terus terutama di kawasan LDP dan Subang Jaya.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Yong Khoo Seng]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memohon keizinan Tuan Yang di-Pertua untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman bin Bakar ini serentak dengan soalan lisan bertarikh 17 Disember 2008 daripada Yang Berhormat Datuk Dato' Gooi Hoe Hin kerana menyentuh isu-isu yang berkaitan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Yong Khoo Seng:** Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian Kerja Raya mengambil maklum dan mengakui akan keadaan kesesakan yang berlaku di Lebuhraya Damansara-Puchong dan Subang Jaya terutamanya pada waktu puncak serta di plaza-plaza tol. Lebuhraya Damansara-Puchong atau dikenali LDP merupakan sebuah lebuhraya bertol secara sistem terbuka atau dengan izin, *open toll system* sepanjang 40km yang melalui kawasan antara paling pesat membangun di sekitar Lembah Klang.

Pembangunan pesat ini telah membawa kepada peningkatan jumlah trafik khususnya di kawasan plaza tol. Oleh yang demikian, pelbagai usaha dilakukan syarikat konsesi LDP untuk mengurangkan kesesakan di plaza tol antaranya dengan menambah bilangan pondok kutipan tol di lorong-lorong tunai. Pihak konsesi LDP telah menambah sejumlah 12 pondok di plaza tol tambahan iaitu masing-masing enam di Plaza Tol Puchong Barat dan Plaza Tol Puchong Selatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak kerajaan juga ada melaksanakan promosi bagi menggalakkan pembayaran tol secara elektronik. Di mana setakat Jun 2008, kadar penggunaan *electronic toll collection*, dengan izin, ETC di plaza tol LDP adalah sekitar 45%

sahaja. Penggunaan ETC ini mampu untuk mengurangkan masa transaksi pembayaran di plaza tol sekali gus dapat membantu mengurangkan kesesakan.

Selain itu, pihak konsesi LDP juga telah melaksanakan enam kerja naik taraf pertama bagi mengurangkan kadar kesesakan di Lebuhraya Damansara-Puchong. Kerja pembinaan persimpangan bertingkat dan kerja pelebaran jalan ini telah dilaksanakan bertujuan untuk menambahkan kapasiti lebuhraya untuk menampung peningkatan jumlah trafik yang telah dibiayai sepenuhnya oleh pihak konsesi. Pihak kerajaan juga telah mengkaji dan mengarahkan agar pihak konsesi LDP untuk melebarkan dan menambahkan bilangan lorong laluan di beberapa lokasi tertentu di lebuhraya tersebut. Ini bagi meningkatkan kadar aliran trafik sekali gus mengelakkan kesesakan di lebuhraya tersebut.

Selain daripada itu, bagi menyelesaikan masalah kesesakan di plaza tol untuk jangka masa panjang, pihak kerajaan bercadang melaksanakan pungutan tol secara *multilane free flow* dengan izin. Dengan sistem ini, maka masalah kesesakan lalu lintas di plaza tol dapat dikurangkan. Buat masa sekarang, kajian mengenai projek ini sedang dilaksanakan oleh pihak kerajaan. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, Datuk Abdul Rahman bin Bakar dan saya juga beri peluang kepada Dato' Gooi yang ada kaitan dengan soalan.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, selain daripada menghadapi kesesakan, pengguna juga menghadapi kos hidup yang tinggi disebabkan oleh kenaikan minyak, harga barangan dan sebagainya. Apakah pihak kerajaan bercadang untuk menurunkan bayaran tol yang ternyata diminta oleh ramai pengguna pada masa kini.

**Dato' Yong Khoon Seng:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Kita telah pun mengkaji sistem tol bagi lalu lintas atau lebuhraya ini telah sampai satu *threshold* di mana kalau dapat trafiknya telah lebih daripada kapasiti dan kerajaan akan juga menelitikannya. Mungkin dia boleh melalui keuntungan ini yang akan dibagi kepada kerajaan dan pihak konsesi, ianya boleh membantu menurunkan tol.

#### ■1130

Namun kita telah pun mengadakan beberapa perbincangan dengan pihak konsesi supaya mengkaji tol supaya ianya tidak membebankan para pengguna. Sebenarnya kita juga tahu bahawa lebuhraya adalah untuk keselesaan para pengguna dan penjimatan masa tetapi kalau tolnya menyebabkan masalah kesesakan, mungkin tidak tercapai matlamat kerajaan untuk memberikan keselesaan dan penjimatan masa dalam pengangkutan atau perjalanan di lebuhraya.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Saya tahu kita akan menambah baik sistem pengangkutan umum atau *public transport system* supaya ianya boleh elak penggunaan jalan lebuhraya yang betul ini kerana ini sudah pun ada dalam perjanjian, kita tidak dapat ubah banyak kecuali kita berunding dengan pihak konsesi

supaya tidak menaikkan tol di mana kalau kita tidak menaikkan tol, kita juga akan berikan pampasan. Saya harap melalui penggunaan dan mempertingkatkan sistem pengangkutan awam atau *public transport system* yang akan mengurangkan penggunaan sepenuhnya lebuh raya, ianya tidak akan membebankan rakyat. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Dato' Gooi Hoe Hin, saya akan bereskan soalan 12, menghormati kehadiran Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

**Dato' Gooi Hoe Hin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya dengar dengan cukup teliti berkenaan dengan LDP. LDP itu ibarat sebagai seorang manusia yang sakit teruk, teruk.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pertanyaan Yang Berhormat.

**Dato' Gooi Hoe Hin:** Pertanyaan saya ialah ubat-ubatan yang diberikan tadi itu tidak akan selesai, kesesakan yang Menteri Kerja Raya sendiri nyatakan bahawa itu keadaan yang kritikal, sudah masuk ICU. Jadi soalan saya, Yang Berhormat Menteri Kerja Raya sendiri telah mengumumkan bahawa jalan alternatif akan dibina tetapi tiba-tiba senyap sahaja. Soalan saya, adakah jalan alternatif akan dibina? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Yong Khoon Seng:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Dato' Gooi. Apa yang disebut oleh Menteri sendiri memang ada satu cara untuk kita menyelesaikan kesesakan di Puchong. Tadi saya pun menyentuh kita agar memperbaiki pengangkutan awam iaitu adalah satu cara juga tetapi kepada jalan alternatif ini, kita baru-baru ini baru bercakap berapa lama sahaja. Bukannya jalan boleh dibuat dengan sekelip mata sahaja kan. Kita akan buat rancangan, akan minta peruntukan, ini memang perlu sedikit masa. Doktor pun tidak boleh rawat dengan satu suntikan sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tadi saya minta pertanyaan supaya ada jawapan. Tadi ada syarahan, sekarang ada kaunter syarahan... [Ketawa]

**Dato' Yong Khoon Seng:** Ini sebenarnya yang akan kita buat dan kita belum masuk ICU lagi. Saya haraplah sabar sedikit.

**11. Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop** minta Menteri Kewangan menyatakan, mengapakah kerajaan tidak mewujudkan bank seperti Grameen Bank yang ternyata begitu berjaya membantu ekonomi rakyat termiskin di Bangladesh. Nampaknya bank tradisi gagal memahami masalah rakyat termiskin.

**Timbalan Menteri Kewangan I [Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah]:** Tuan Yang di-Pertua, Ikhtiar Malaysia yang ditubuhkan pada tahun 1987 mempunyai *characteristic* yang sama dengan Grameen Bank di Bangladesh. Sehingga September 2008, seramai 208 ribu peminjam telah memperoleh pinjaman yang bernilai RM469 juta. Di samping itu, di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi ada TEKUN dan bermula

daripada bulan Ogos 2006, terdapat sembilan institusi kewangan yang memberi pinjaman mikro dengan sistem yang mudah seperti mana-mana juga sistem Grameen Bank.

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah Yang Berhormat hadir untuk jawab pertanyaan 12?

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' Shahrir Abdul Samad]:** Saya pun nak pergi ke Dewan Rakyat. Kalau naik, saya tunggu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya akan bereskan pertanyaan 12 kerana menghormati kehadiran Yang Berhormat. Namun kalau Yang Berhormat rasakan tekanan dari sana, saya..., silakan Yang Berhormat. Tuan Ahamat @ Ahamad Yusop, kemudian Dato' Lee dan kemudian saya akan pergi kepada pertanyaan 12.

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih saya ucapkan di atas jawapan yang padat dan ringkas. Cuma saya nak menambah satu soalan yang berkaitan dengan pinjaman secara *micro credit* ini yang diusahakan oleh satu badan yang dipanggil TEKUN. Secara umum, setakat manakah TEKUN ini telah berjaya mengenal pasti dan memberi pinjaman kepada peniaga-peniaga kecil khususnya di kampung-kampung? Terima kasih.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, sehingga akhir tahun 2007, seramai 77,000 orang telah mendapat pinjaman daripada TEKUN melibatkan pembiayaan sebanyak RM323 juta.

**Dato' Lee Sing Chooi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan pinjaman-pinjaman mikro ini yang begitu berjaya di Grameen Bank. Adakah kementerian mengkaji apakah faktor utama kejayaan Grameen Bank itu dengan membangunkan kumpulan-kumpulan yang miskin itu. Juga dengan adanya pinjaman bank mikro di Malaysia yang dijalankan ini, adakah tahap kejayaan itu serupa dengan apa yang dilakukan di Bangladesh? Bagaimana pembayaran balik pinjaman mikro itu di Malaysia? Terima kasih.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak mempunyai statistik Grameen Bank berapa ramai peminjam yang memperoleh pinjaman tersebut. Yang saya tahu di Bangladesh hanya ada satu institusi yang memberi pinjaman kepada rakyat yang duduk di bawah hierarki sosial yang di bawah. Manakala di negara kita, kita ada Amanah Ikhtiar, TEKUN dan sembilan institusi kewangan yang saya nyatakan tadi.

Dari segi institusi kewangan, pinjaman tersebut diberi sehingga lima tahun tempoh waktu. Bermakna pembayaran dibuat dalam tempoh lima tahun, jumlah di antara RM500 hingga RM50,000 ini yang melibatkan institusi kewangan. Jadi sehingga ini, dari segi mereka yang telah memperoleh pinjaman daripada institusi kewangan, yang sembilan tadi ialah sebanyak 40,000 peminjam melibatkan RM432 juta. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Puan Heng Seai Kei, saya bereskan pertanyaan 12 ini sebab saya pun minat nak dengar jawapan Yang Berhormat Menteri yang begitu proaktif ya.

**12. Puan Heng Seai Kie** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan, apakah langkah yang telah diambil kerajaan untuk mengawal inflasi dan menurunkan harga barangan berikutan kejatuhan harga petrol.

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' Shahrir Abdul Samad]:** Terima kasih Yang Berhormat dan juga Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih atas peluang untuk memberikan penjelasan mengenai peranan kementerian saya khususnya mewakili kerajaan dalam soal membantu rakyat dan menyelesaikan masalah mengenai kenaikan harga barang-barang.

Seperti mana kita sedia maklum bahawa masalah kenaikan harga barang telah bermula daripada awal tahun ini lagi. Juga bila dilihat bahawa adanya kenaikan harga minyak di dunia dan dijejaki pula dengan kenaikan bahan-bahan mentah di pasaran dunia sehingga kerajaan terpaksa untuk menstrukturkan semula sistem subsidi negara terutama bagi memberikan subsidi bukan sahaja kepada minyak petrol dan diesel tetapi telah didahului pula dengan subsidi barang-barang makan.

■1140

Namun demikian, keadaan hari ini sudah mula berubah kalau satu ketika dahulu dalam bulan Julai harga minyak mentah di dunia mencecah paras yang tertinggi hampir USD150 setong, hari ini ia telah mula menurun di bawah USD50 setong. Di samping itu kita lihat juga adanya ancaman yang terbaru iaitu bukan lagi tentang soal kenaikan harga barang-barang, tetapi ancaman terhadap pertumbuhan ekonomi dunia dan juga bakal tentunya menyentuh juga atau mempengaruhi suasana ekonomi dalam negara kita. Bagi mengatasi perkara ini, saya rasa untuk kerajaan dan negara menghadapi isu atau keadaan yang terbaru itu, ianya memerlukan satu keadaan di mana harus kita memandangkan berat kepada soal permintaan dalaman iaitu domestik *demand*. Kita boleh Tuan Yang di-Pertua, mengambil contoh yang telah berlaku hari ini di Amerika Syarikat di mana harga barang-barang ataupun harga *consumer* telah turun dengan begitu hebat sekali.

Oleh kerana permintaan daripada pengguna telah juga turun dan penguncupan permintaan pengguna ini yang menjadi satu masalah dan sebab itu dalam kita menghadapi masalah kenaikan harga barang-barang, ianya harus disertai bersama oleh pihak kerajaan dan juga sektor atau masyarakat peniaga dan juga para pengguna atau masyarakat Malaysia dan ke arah ini kerajaan telah bertekad terutamanya untuk mengurangkan seberapa pantas yang boleh kepada harga yang utama ialah barang. Pertama, harga minyak petrol dan juga diesel dan kita lihat bahawa apabila minyak mentah telah turun ke paras USD113 setong pada bulan September kerana adanya sistem subsidi yang telah dilaksanakan oleh kerajaan. Kita dapat menurunkan harga minyak petrol umpamanya daripada RM2.70 kepada RM2.55 dan seterusnya RM2.45 dan seterusnya hari ini RM1.90.

Ini bermakna bahawa memang kerajaan bertujuan untuk mempercepatkan penurunan harga minyak petrol dan diesel. Bukan semata-mata kerana hendak menurunkan harga, tetapi lebih penting seperti mana saya telah sebutkan tadi ialah untuk menentukan bahawa adanya duit dalam poket atau dalam saku, masyarakat kita agar mereka boleh berbelanja untuk merangsangkan permintaan dalaman. Di samping itu, selain daripada menurunkan harga petrol dan diesel yang dilakukan secara berskala dan secara berperingkat, perkara yang kedua yang kerajaan lakukan ialah meneruskan subsidi kepada barang-barang perlu supaya harganya ialah pada paras yang munasabah dan ini telah kita lakukan bukan sahaja kepada barang-barang, tetapi juga kita meneruskan skim subsidi bagi sektor pengangkutan dengan memberikan diesel bersubsidi kepada bas dan lori dan sebagainya supaya kos pengangkutan itu dapat kita kawalkan seberapa yang boleh.

Perkara yang ketiga yang telah kita lakukan untuk membawa pengaruhi kenaikan harga barang-barang ialah dengan mengadakan kempen penurunan harga barang yang dilaksanakan di peringkat runcit iaitu yang dapat kita lakukan ialah di sektor peruncitan moden seperti *hypermarket*, pasar, pasar raya, mini market dan juga kedai-kedai yang ada jaringannya sendiri. Kita tidak ketinggalan untuk cuba mempengaruhi supaya kepada pembuat dan juga kepada pengedar untuk menurunkan kos barangan dan dalam keadaan yang tertentu ada kita mencapai kejayaan. Perkara yang keempat yang telah dilakukan oleh pihak kerajaan untuk cuba menurunkan harga barang ini ialah dengan Kementerian saya melihat kepada pengedaran barang-barang perlu iaitu melihat kepada rangkaian bekalan itu sendiri, iaitu *supply chain* yang dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kepada bekalan barang-barang.

Kementerian sudah pun melakukan dua kajian, satu di Seberang Prai Utara dan satu lagi di Pekan tentang sistem pengedaran barang-barang perlu dan kita akan meneruskan kajian kita di Saratok, Sarawak dan Sipitang, Sabah supaya dapat dalam tahun hadapan kita membetulkan sistem pengedaran barangan agar kos pengangkutan dan kos pengedaran itu tidak memaksa bagi barang-barang ini dijual pada harga yang mahal kepada pengguna terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar. Ini kerana merupakan satu perkara, suatu suasana yang harus diberikan perhatian oleh kerajaan kerana sistem pengedaran dalam negara, saya rasa sudah lama tertubuh dengan cara-cara dan kaedah-kaedah yang tersendiri. Dan mungkin tidak membawa kepada kekesan dan kecekapan yang boleh kita lihat dari segi harga yang munasabah.

Jadi Kementerian saya dengan melalui projek perintis yang telah dilakukan di saya Semenanjung dan dua lagi yang akan dilaksanakan dan membolehkan untuk melihat kepada bagaimana dapat kita menambah baik dan menyusun semula sistem pengedaran barang. Umpamanya kalau kita lihat kepada Sarawak Tuan Yang di-Pertua, petrol yang dijual yang kita menerima sebagai harga yang munasabah di Lembah Kelang ini ataupun di bandar-bandar dan di pekan-pekan di Semenanjung boleh berbeza begitu ketara daripada satu harga kalau katakan RM1 atau RM1.90 di Bandar Kuching bandar yang besar, tetapi boleh dijual dengan tiga kali

ganda di kawasan pedalaman. Sedangkan ia merupakan satu keperluan bagi masyarakat pedalaman yang menggunakan sungai bagi perhubungan mereka. Jadi inilah di antara perkara-perkara yang telah dan sedang dilakukan oleh Kementerian bagi pihak kerajaan untuk cuba membawa satu keadaan di mana harga barang-barang dapat dikawal dan diturunkan Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Puan Heng Seai Kie, kemudian Datuk Akbar. Kemudian Dato' Hajah Saripah Aminah, minta maaf boleh bagi jalan kepada Dato' Musa nanti dia marah kepada saya lagi.

**Puan Heng Seai Kie:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana sudi tunggu untuk menjawab. Kita dapati bahawa beberapa bulan lalu, sebenarnya hampir semua barangan di Malaysia telah pun dinaikkan harga berbalasannya kenaikan harga petrol pada masa itu tetapi apa yang berlaku pada masa sekarang ialah apabila harga petrol diturunkan dan banyak subsidi yang telah diberikan oleh kerajaan, kebanyakan barangan ini harganya masih tidak diturunkan oleh peniaga. Jadi soalan tambahan saya ialah, selain daripada usaha-usaha yang telah dijalankan, tidakkah kerajaan mempunyai tindakan-tindakan yang lebih berkesan untuk memaksa ataupun memastikan supaya peniaga-peniaga kita menurunkan balik harga barangan mereka khususnya barang keperluan harian rakyat. Sekian, terima kasih.

■1150

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, saya memanglah biasa mendengar hujah ini dan ianya disampaikan bukan sahaja dalam Dewan atau pun majlis-majlis lain. Akan tetapi melalui SMS telefon saya pun saya menerima pesanan-pesanan seperti itu atau tuntutan seperti itu. Saya rasa memang adanya sebahagian yang benar bahawa dakwaan harga barang itu telah dinaikkan atau naik kerana harga minyak telah naik. Akan tetapi ada juga keadaan yang harus kita terima bahawa soal kenaikan harga barang-barang ini sebenarnya telah berada dengan kita sebelum daripada bulan Jun tahun ini.

Umpamanya, rakan-rakan kita yang telah menjadi calon bertanding dalam pilihan raya umum yang lalu telah berdepan dengan kempen yang menyatakan Barisan Nasional itu barang naik. Jadi, bermakna bahawa sudah pun adanya suasana kenaikan harga barang-barang yang berlaku sebelum bulan Jun. Seperti mana yang saya katakan, kalau saya lihat kepada rekod kementerian dan rekod kerajaan pun subsidi kepada barang-barang perlu seperti tepung, minyak masak, roti putih telah pun diluluskan atau pun disampaikan oleh kerajaan kepada pengilang-pengilang dan pembuat mereka sebelum daripada bulan Jun itu sendiri. Ini bermakna bahawa ketika sebelum daripada kenaikan harga minyak memang sudah pun berlakunya kenaikan harga barang-barang. Itu yang pertama sebahagian suasana yang hendak saya terangkan.

Apa yang dinyatakan bahawa harga keperluan telah naik harganya. Saya berhadapan dengan satu masalah dan saya rasa kerajaan pun berhadapan dengan suatu masalah kerana

tentang tafsiran barang-barang perlu. Bagi pihak kerajaan dari segi Akta Kawalan Bekalan dan Akta Kawalan Harga yang merupakan kuasa yang mengikut undang-undang yang ada kepada kerajaan. Di antara undang-undangnya ialah terhad kepada barang-barang perlu yang tertentu iaitu seperti mana biasa saya nyatakan dalam Dewan ini ialah dari segi beras, dari segi minyak masak, tepung gunaan am, roti dan juga LPG serta gula.

Jadi, ianya terhad kepada apa yang telah difikirkan atau dianggap sebagai barang perlu. Ia terhad kepada yang *basic* atau pun yang asas. Akan tetapi maklumlah kerana masyarakat kita telah berubah dan maju. Tafsiran barang perlu itu sudah masuk kepada barangan seperti milo, masuk kepada soal mihun sup kepala ikan, KFC, McDonald's dan ais krim McDonald's yang juga merupakan antara aduan yang telah saya terima. Jadi, sebab itu dari segi barang kita harus pecahkan barang-barang keperluan ini kepada kumpulan-kumpulannya ini. Seperti mana kumpulan yang saya katakan iaitu kumpulan yang diletakkan oleh kerajaan, barang keperluan asas. Begitu juga barang makanan umpamanya yang dibuat melalui kilang dan dibuat daripada bahan-bahan yang tertentu yang menjadi *manufactured product* atau pun barang keperluan makanan segar yang merupakan daripada sayur, cili, ikan, ayam dan sebagainya.

Pendekatan terhadap barangan yang di luar daripada kumpulan barangan perlu yang digazetkan oleh kerajaan tidak pula meletakkan sebarang kuasa kepada saya, kepada kerajaan ataupun kepada kementerian. Ini kecuali untuk memujuk, menggunakan diplomasi dan hujah dengan pihak pembekal, pihak pembuat, pihak peruncit bagi diturunkan harganya. Di samping dengan kaedah itu pun, setakat ini pun saya lihat bahawa kita sudah berjaya untuk menurunkan harga barang-barang di dalam sektor peruncitan moden. Akan tetapi kita tidak berjaya dalam sektor yang menjadi satu yang sangat dipertikaikan sama ada dari segi yang ditanam, ditangkap, ditenak atau pun yang dimasak.

Jadi, umpamanya dari segi kerajaan kita boleh mengawal harga beras tetapi kita tidak boleh mengawal harga nasi. Harga nasi inilah yang menimbulkan masalah. Ini kerana kita pun juga menganggap nasi itu sebagai asas, satu keperluan dan menjadi satu punca kompelin dan aduan yang begitu hebat kepada kementerian saya dan juga kepada diri saya sendiri.

Saya kurang tahulah macam mana hendak memaksa yang tukang masak, peniaga-peniaga yang terlibat...

**Tuan Yang di-Pertua:** Akan tetapi yang makan gaji pun mahu gaji lebih juga.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** ...Bukan sahaja itu Tuan Yang di-Pertua. Yang menjadi masalahnya kadang-kadang kita hanya melihat kepada barang yang kita makan kalau kita pergi ke kedai atau gerai.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebab itu saya sebutkan makan gaji itu sebab Yang Berhormat sebut tukang masak. Sebelum beras jadi nasi, apabila tukang masak tuntutan gaji naik, kos nasi mesti naik.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Bukan sahaja yang terlibat Tuan Yang di-Pertua. Saya bersetuju tetapi bukan sahaja yang tukang masak terlibat, yang tukang basuh pinggan pun turut terlibat. Pasal kita hanya melihat kepada hidangan di depan kita kalau makan di luar tetapi tidak terfikir bahawa macam mana pula yang tukang basuh pinggan, yang tulang lap meja, yang pakai baju uniform dan sebagainya. Bukan saya hendak menyindir Tuan Yang di-Pertua tetapi ianya saya rasa tidak ada mana-mana keadaan di dunia ini yang boleh kita memaksa penurunan yang mendadak. Ini kecuali seperti mana yang saya katakan di dalam keadaan Amerika Syarikat umpamanya.

Apabila penurunan harga *consumer* itu turun dengan mendadak apabila berlakunya stagflasi dengan penguncupan terus permintaan dalam negeri iaitu *domestic demand* yang terus hilang dan harganya turun kerana tidak adanya permintaan. Kita hendak mengelakkan daripada keadaan itu. Saya berpendapat bahawa yang mustahak sekarang ialah menentukan supaya pertamanya cukup wang di dalam sistem terutamanya di dalam poket *consumer*.

Kedua, agar kita lihat adanya penurunan yang munasabah daripada pihak pembekal, pembuat atau pun mereka yang terlibat di dalam sektor makanan ini atau pun barang-barang keperluan. Seperti mana yang saya katakan adanya kejayaan, adanya sambutan dan lebih-lebih lagi saya rasa yakinlah dalam suku pertama tahun hadapan. Ini menunjukkan bahawa apabila keadaan bahan mentah itu sudah stabil atau sudah mula dapat masuk kepada proses pembuatan itu pada harga yang lebih rendah, maka hasilnya juga ialah harga yang mungkin lebih rendah. Akan tetapi dari segi sektor yang ditanam, yang ditangkap, yang ditanam saya rasa itu ada punca-punca, sebab-sebab yang menguasai harga keluaran sektor-sektor itu. Namun demikian, saya berasa yakin bahawa akhirnya yang menjadi masalah ialah bukan semata-mata harga barang-barang pada masa yang akan datang tetapi lebih cabaran pertumbuhan dalaman negara kita ini.

Oleh sebab itu, semua pihak iaitu termasuklah pembuat, pengedar, peruncit tidak harus mengejar keuntungan yang berlebihan. Akan tetapi menurunkan harga pada harga pada paras yang munasabah supaya adanya simpanan dan lebihan pendapatan atau *income* untuk dibelanjakan bagi memberangsangkan ekonomi negara. Sebab itu adanya sambutan daripada sektor peniaga tetapi dari segi kalangan pengguna juga saya rasa harus juga sama-sama dalam keadaan ini. Kalau tiap-tiap pagi makan nasi lemak, mungkin jangan tiap-tiap hari, selang-selangkan hari. Ini disebabkan oleh penjual nasi lemak mahupun penjual mihun sup kepala ikan ini dia naik harga pun orang masih beli lagi. Jadi, tentunya tiada sebab mengapa patut mereka menurunkan harga kalau permintaan itu masih berterusan seperti itu. Jadi, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1200

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Kuasa Tuhan, kuasa pasaran, kuasa kerajaan sebagai pemerintah. Yang boleh mendisiplinkan pasaran secara mutlak ialah pasaran sendiri. Kita sudah melampaui batas saya tamatkan masa pertanyaan.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan telah tamat]**

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PENDIDIKAN (PINDAAN) 2008**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguh atas masalah "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." **[3 Disember 2008]**

**12.01 tgh.**

**Tuan Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya masa untuk meneruskan sedikit lagi perbahasan kita tentang rang undang-undang satu akta untuk meminda Akta Pendidikan 1996.

**Tuan Yang di-Pertua:** Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat saya akan minta Kementerian Pelajaran mungkin Yang Berhormat Menteri Pelajaran sendiri saya pun tidak tahu untuk menjawab dan menggulung pada pukul 4.00 petang. Yang Berhormat berpeluang berucap sehingga pukul 4.00 petang. Jika terlalu banyak Ahli-Ahli Yang Berhormat hendak berucap saya akan mengehendkan masa.

**Tuan Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Jadi sebagai menyambung perbahasan ini juga saya ingin ambil kesempatan sedikitlah untuk mengucapkan tahniah kepada Ahli-ahli Dewan yang baru dilantik, ada yang dilantik semula. Insya-Allah kita harapkan dengan pelantikan tambahan ini akan menjadikan Dewan ini lebih ruang-ruang yang lebih luas untuk kita berbincang dan berbahas mencari kebaikan untuk negara. Khususnya selepas kematangan kita selepas kita mencapai kemerdekaan dan penubuhan Malaysia yang telah memasuki 45 tahun penubuhan bersama dengan Sabah dan juga Sarawak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator dari Kedah ya?

**Tuan Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf:** Dari Kedah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Barisan Nasional, ya?

**Tuan Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf:** Bukan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Oh, senator kerajaan baru. Terima kasih.

**Tuan Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf:** Yang baru. Dari segi partinya Keadilan cumanya kita mewakili kerajaan negeri. Jadi Tuan Yang di-Pertua isu yang sedang kita bincangkan adalah kita menaikkan taraf maktab kepada IPG, Institut Perguruan yang mana dalam isu ini saya ingin

membangkitkan beberapa perkara yang saya minta kementerian untuk menilai semula walaupun kebajikannya besar dan manfaatnya memang besar. Kita menyokong kenaikan daripada maktab kepada IPG tetapi kita minta kesempatan ini juga dilihat dan dinilai balik beberapa perkara. Di antaranya hasil semakan saya, saya mendapati elaun kepada guru pelatih yang kita ambil untuk pelajar di peringkat program ijazah ini di IPG elaun yang dibayar untuk latihan semasa pra iaitu satu tahun setengah hanyalah dibayar pada elaun RM430 sebulan yang saya rasa nilai ini dan jumlah ini juga merangkumi ditolak semula dengan kadar sewa bilik dan beberapa pembelian buku yang diperlukan semasa pengajian itu. Saya rasa harus disesuaikan balik dan diselaraskan balik dengan keperluan, komitmen yang diberikan oleh anak-anak bangsa kita sebagai guru pelatih di IPG ini.

Jadi kemudian ketika mereka menyambung untuk pengajian empat tahun untuk intensif sebagai ijazah itu mereka dibayar sekitar kurang daripada RM700 sebulan sebagai guru pelatih yang juga saya rasakan satu jumlah nilai yang perlu tindakan segera daripada kementerian. Ini kerana jumlah ini sangat jauh kita bandingkan dengan guru pelatih yang mengikuti pengajian KPLI juga di tempat yang sama di maktab yang sama sebagai mengikuti pengajian KPLI juga di tempat yang sama di maktab yang sama sebagai guru pelatih yang kita bayar sekitar RM1,400 sebulan ataupun lebih spesifik RM1,336.71 sebulan. Jadi sebab itu kita minta supaya dikaji semula kerana sebelum ini pun ketika pengajian di peringkat diploma di maktab-maktab yang terlibat guru pelatih ini dibayar sekitar RM900 sebulan. Jadi saya ucap terima kasih kerana Timbalan Menteri juga turut hadir pada pagi ini memberikan perhatian. Yang keduanya adalah kita minta juga selain diberikan keadilan kepada anak-anak kita yang sedang belajar sebagai guru pelatih kita juga harus berikan keadilan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Keadilan itu bukan Parti Keadilanlah?

**Tuan Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf:** Bukan. Di sini kita Dewan Negara mewakili Kerajaan Negeri dan Persekutuan jadi kita sama-sama bincang tentang kepentingan negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Maksud saya kita juga harus berikan keadilan kepada tenaga pengajar yang kita *upgrade*kan daripada maktab kepada institut perguruan. Mereka juga akan dibebankan dengan skop yang lebih luas untuk membuat satu pendekatan, pemerhatian yang lebih baik untuk membina anak bangsa ini. Seharusnya juga mereka ini dinilai dan dikaji balik status ataupun elaun yang dibayar kepada bukan guru pelatih sahaja, pengajar-pengajar di maktab ini yang kita naikkan sebagai pengajar atau pensyarah institut perguruan. Jadi Tuan Yang di-Pertua sedang kita membincangkan tentang mutu pendidikan negara ini, saya ingin juga kaitkan sedikit dengan Program Pengajian Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris yang menjadi satu topik yang penting untuk kita bincangkan balik tentang kepentingan untuk kita melihat mutu pendidikan negara yang lebih baik.

Jadi untuk sebagai gambaran yang lebih luas dan lebih besar untuk kita melihat tentang kepentingan pendidikan dan penguasaan Sains dan Matematik, pendidikan dan penguasaan

tentang bahasa Inggeris dan juga sebahagian daripada Ahli-ahli Dewan yang mengaitkan dengan perpaduan ini bagi saya semuanya penting. Semua isu-isu yang dibangkitkan ini penting tetapi harus kita lihat dengan lebih terbuka mengambil sikap yang lebih rasional kita melihat di mana yang sebenarnya untuk kepentingan meningkatkan mutu pendidikan negara. Jadi sebab itulah dalam kita membuat percubaan jika kementerian melaksanakan Program Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris ataupun ringkasnya PPSMI ini. Kita lihat balik sedikit latar belakang tentang program yang dilaksanakan sejak tahun 2002. Setelah saya semak saya mendapati kita menginsafi bahawa kerajaan telah berbelanja besar dalam menjayakan program PPSMI ini.

Penelitian saya mendapati peruntukan daripada 2002 hingga 2008 kita telah membelanjakan RM4.99 bilion yang semalamnya disebut cuma tidak sebutkan *figure* oleh kawan-kawan kita tetapi kita telah membelanjakan RM4.99 bilion yang merangkumi pelbagai perkara. Di antaranya pembelian komputer riba yang saya dapati dalam fasa pertama kita beli RM50,065 unit kemudian pada fasa dua hingga fasa lima kita membeli lagi RM126,849 unit. Di samping itu kita juga berbelanja untuk membeli LCD projektor untuk RM43,135 unit pada fasa satu dan fasa dua hingga fasa lima kita membeli lagi RM78,680 unit. Ini menunjukkan bagaimana perbelanjaan yang telah besar kita berikan dan dalam kita hendak melaksanakan PPSMI ini sebab itu kita mengajak Dewan ini kita sama-sama lihat dengan lebih terbuka bahawa kita telah pun berbelanja besar setakat ini setakat keperluan yang ada di fasa satu hingga fasa kelima dan kita ada fasa yang keenam untuk peringkat pertama ini.

Kita harus lihat dengan lebih teliti untuk kepentingan umum, kepentingan yang lebih menyeluruh seperti yang disarankan oleh Tuan Yang di-Pertua Dewan kelmarin kita bincangkan tentang kebaikan bersama untuk semua. Jadi dengan sebab itu tuan-tuan dan puan-puan ....

**Dato' Lee Sing Chooi:** Saya minta laluan.

**Tuan Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf:** Okey.

**Dato' Lee Sing Chooi:** Berkenaan dengan perbelanjaan kementerian untuk membeli komputer. Saya diberitahu setengah-setengah sekolah yang komputer yang dibagi oleh kementerian itu terlebih banyak sampai mereka terpaksa untuk menyimpan komputer-komputer dalam stor tidak dipakai di dalam bilik darjah. Saya tidak tahu macam mana unjuran yang diambil kira atau tidak macam mana pembekalan itu boleh berlebihan? Juga saya hendak tahu juga mungkin kita sudah belanja wang lebih yang begitu banyak tetapi berapa peratusan yang sekolah itu masih menggunakan komputer untuk mengajar atau disimpan di situ sahaja. Itu saya hendak tanya. Apa maklumat dan pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

■1210

**Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf:** Terima kasih kepada Dato' Lee Sing Chooi, rakan kita yang membangkitkan tentang beberapa masalah ini yang saya sebutkan. Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Dewan yang saya hormati sekalian, bila kita bincangkan tadi tentang perbelanjaan besar,

kita ceritakan tentang pembelian, perbelanjaan dan saya tidak mahulah mengambil kesempatan ini untuk bincang bagaimana ia diadakan secara rundingan terus, secara dengan beberapa alasan segera dan sebagainya. Itu soal yang telah dirangkumi dalam bentuk pembelian yang telah menjadi sejarah yang bagi saya itu perlu diambil sebagai amalan dan iktibar.

Akan tetapi yang penting bila kita bincang tentang perbelanjaan besar dalam fasal 1 hingga fasal 5 ini, jadi saya hendak tarik perhatian kita untuk kita melihat hasil penemuan-penemuan yang dapat dilihat hasil rujukan secara rambang oleh pihak Ketua Audit Negara di sekolah-sekolah di seluruh Malaysia. Mereka hanya pergi ke sebahagian kecil daripada sekolah-sekolah di seluruh Malaysia tetapi hasil penemuannya amat menggerunkan dan mencemaskan. *Point* dan fakta yang disebut oleh Dato' Lee Sing Chooi tadi sebenarnya berkenaan dengan senarai yang saya hendak berikan tentang hasil semakan Ketua Audit Negara yang mendapat penemuan-penemuan yang sangat menggerunkan.

Di antaranya memang *point* yang pertama yang disebut oleh Dato' Lee Sing Chooi tadi memang bilangan komputer riba dan juga projektor LCD ini yang diberikan kepada guru-guru yang dibekalkan ini adalah melebihi daripada bilangan guru PPSMI yang terdapat di sekolah tersebut. Terdapat sekolah-sekolah yang guru PPSMI yang layak selayaknya mendapat komputer riba ini secara spesifiknya ada sekolah yang patut mendapat 21 unit tetapi sekolah tersebut dibekalkan dengan 43 unit komputer riba. Ini penemuan yang didapati di sekolah yang dibuat semakan oleh Ketua Audit Negara dan tidak dapat untuk merangkumi semua sekolah yang terlibat. Jadi kita bimbang kalau perkara ini berlaku di banyak lagi sekolah-sekolah yang terdapat di seluruh Malaysia.

Penemuan yang kedua ialah tentang bagaimana pemasangan meja komputer dan juga pemasangan projektor LCD itu yang sepatutnya di pasang di skrin bilik darjah ataupun di bilik makmal dan juga skrin sendiri tidak dipasang dengan sempurna dan kita ada bukti gambar yang jelas bagaimana ia tidak boleh digunakan kerana tidak sesuai dengan tempat yang di pasang. Penemuan yang dibuat oleh Ketua Audit Negara pada Jun 2008 ini mendapati sebahagian daripada sekolah-sekolah yang terlibat, peralatan yang dibekalkan itu masih berada dalam kotak dengan beberapa alasanlah, tidak selamat dibuka, tidak selamat untuk digunakan dan sebagainya. Peralatan yang dibekalkan masih berada dalam keadaan yang cukup selamat dalam kotak yang belum dibuka.

Yang keempat ialah bagaimana penemuan juga mendapati kerja-kerja pendawaian yang cukup penting dalam kes ini dalam keadaan yang tidak kemas dan berselerak yang mana akhirnya di hujungnya masih lagi dalam keadaan yang tidak boleh digunakan. Yang kelima ialah bagaimana peralatan-peralatan yang ada di sekolahnya ini sebahagiannya telah pun rosak dan sebahagian lagi telah pun hilang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi ini adakah dakwaan Parti Keadilan Rakyat atau dalam laporan Ketua Audit Negara?

**Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf:** Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebab itulah saya sebut di sini, Dewan Negara, kita datang sebagai mewakili kerajaan yang memerintah pusat dan negeri dan kita bincang kepentingan nasional. Saya bincangkan tentang penemuan oleh Ketua Audit Negara yang perlu kita kongsi sebelum kita buat keputusan di hujung nanti...

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi tidak semata-mata dakwaan PKR, ya?

**Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf:** Kita tidak boleh mendakwa dan PKR saya nasihatnya kita jangan mendakwa tapi kita buktikan benda-benda yang jadi kepentingan umum. Yang baiknya ialah kita juga mengharapkan pihak kementerian juga keluarlah daripada apa yang kita panggil dengan izin, *state of denial*. Setiap isu yang berlaku kita cuba jangan berada dalam *state of denial* dan kita cuba mengelak.

Jadi Ahli-ahli Dewan yang saya hormati sekalian, tentang hasil penemuan tadi mendapati hilang dalam skop sekolah-sekolah yang mereka sempat melihat dan meninjau itu, terdapat 1,825 kes kehilangan komputer riba dan juga LCD projektor yang saya rasakan bilangan itu memang belum cukup besar berbanding dengan perbelanjaan kita tadi tapi merupakan satu signal atau amaran yang perlu kita ambil perhatian untuk melihat dan menilai setakat mana keberkesanan bahan yang kita berikan kepada sekolah-sekolah untuk melaksanakan program PPSMI ini. Selain daripada pemasangan-pemasangan yang disebutkan tadi tidak sesuai, berselerak, dan berada di tempat yang juga tidak sesuai. Beberapa tempat itu didapati pemasangannya diletakkan di kantin, di bilik prasekolah, di bilik pengetua dan juga di bilik guru besar. Pemasangan LCD projektor yang kita tidak tahu apa kegunaannya dan mungkin mereka menggunakan sebagai bilik tutorial, menggunakan bilik guru besar tapi kita minta kementerian semaklah untuk melihat keadaan sebenar.

Yang juga penting dalam keberkesanan program PPSMI ini ialah tenaga pengajar dan penemuan Ketua Audit Negara juga mendapati latihan kepada guru PPSMI juga jauh daripada menepati sasaran dari segi bilangan kursus dan bilangan peserta yang perlu menghadiri kursus untuk membolehkan mereka menguasai pengajian matematik dan sains ini dalam bahasa Inggeris. Sebab itulah penemuan itu juga mendapati penguasaan bahasa Inggeris majoriti kepada guru-guru yang mengajar PPSMI ini masih di tahap rendah. Akhirnya satu lagi penemuan yang sesuai yang perlu kita berikan perhatian dan keadilan kepada semua anak-anak rakyat Malaysia ini ialah dalam kajian dan penemuan tersebut menyatakan pelajar-pelajar luar bandar khususnya Sabah, Sarawak, Kedah, Kelantan dan Perlis menghadapi masalah mengikuti pengajaran Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris.

Jadi bagi saya Tuan Yang di-Pertua, melihat kepada latar belakang masalah ini dan melihat kepada perbelanjaan besar yang kita belanjakan sehingga setakat ini, pemerhatian semua diberikan untuk melihat hasil kepada pengajian ini ialah apabila kita cuba melihat UPSR 2008 kerana ini adalah kumpulan kanak-kanak yang mengikuti pengajian PPSMI ini sejak mereka mulakan pengajian dalam Tahun 1 sehingga Tahun 6, akhirnya mereka akan mengambil UPSR

tahun 2008 yang baru-baru ini. Akan tetapi sayangnya penilaian yang kita buat ke atas UPSR, kemampuan anak-anak kita mengambil UPSR 2008 tidak dapat diambil sebagai garis panduan yang sebenar kerana kertas UPSR tahun 2008 masih lagi disediakan dengan dwibahasa. Ada bahasa Inggeris dan ada bahasa Malaysia dalam kertas soalan UPSR dan saya dapat bukti sendiri kerana anak saya salah seorang daripada yang terlibat di UPSR 2008.

Jadi kita melihat hasilnya mendapati kajian yang jelas menunjukkan bagaimana 30% daripada kanak-kanak ini mengambil dan menjawab dalam bahasa Malaysia. Itu menunjukkan  $\frac{1}{3}$  telah pun gagal untuk memahami Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris. Yang keduanya, baki 70% ini juga kita meragui kerana mereka masih lagi menyemak soalan tersebut yang ditulis dalam bahasa Malaysia, kemudian digunakanlah untuk menjawab soalan tersebut dalam bahasa Inggeris. Ertinya mungkin 70% kita boleh beri diskaun separuh, separuh lagi benar-benar menguasai Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris yang juga kita perlu akur. Jangan kita tolak seolah-olah anak-anak kita langsung tidak mampu. Bagi saya kemampuan memang ada dan  $\frac{1}{3}$  memang mampu walaupun kita mengajar Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris. Jadi hakikat yang perlu kita perlu insafi ialah kita memang perlukan penguasaan Matematik dan Sains tetapi kita perlu lihat tentang teknikal ataupun tentang pendekatan untuk mengajar itu. Seharusnya kita berikan kaedah yang terbaik ataupun sekali lagi kita kata berikan pendekatan yang kita berikan keadilan kepada anak-anak kita sekali lagi dalam ruang yang lebih luas supaya mereka dapat menguasai sebenarnya. Tujuan murni asal kita, kita hendak mereka menguasai matematik dan sains.

#### ■1220

Yang kita hendak sarankan ialah supaya kita belajar Matematik dan Sains, kita mengajar dan biarlah mereka menguasai sepenuhnya dalam bahasa yang mereka gunakan sebagai bahasa penghantar di sekolah tersebut. Oleh sebab itu saya boleh menyokong kalau kita belajar Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris jika sekolah itu bahasa penghantarnya bahasa Inggeris. Ini kerana kita yakin anak-anak ini boleh menguasai Matematik dan Sains jika bahasa penghantarnya sama dengan bahasa yang digunakan di sekolah tersebut. Sebagai contohnya saya sendiri juga tidak menghadapi banyak masalah ketika saya mula belajar Matematik dan Sains yang mana saya menggunakan bahasa Mandarin sebagai pengajian pertama saya untuk Matematik dan Sains. Saya kenal satu, dua, dan tiga ini sebagai... [*Menyebut dalam bahasa Mandarin*] Bukannya satu, dua dan tiga.

Itulah pengajian pertama saya dalam tahun 1973 di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) Kao Hoa itu kerana bahasa Mandarin adalah bahasa penghantar sekolah tersebut. Alhamdulillah dengan persekitaran dan apa yang saya dapat itu, Matematik dan Sains itu menjadi bekal yang saya gunakan sampai sekarang dalam bahasa penghantar yang pertama sebagai bahasa Mandarin. Bila saya semak balik sekarang ini, laluan yang saya lalui itu...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini bermakna Yang Berhormat berlatarkan profesion kejuruteraan.

**Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf:** Kejuruteraan ini datang daripada *basic* yang kuat Matematik dan Sains dan alhamdulillah, Matematik dan Sains itu di belajar dalam bahasa yang sebagai bahasa penghantar sekolah. Tidak perlulah semua sekolah Cina untuk jadi *engineer...* [Ketawa] tetapi yang pentingnya daripada kekuatan Matematik dan Sains yang diajar dalam bahasa penghantar sekolah tersebut.

Bila saya semak balik laluan yang saya lalui ini sekarang diikuti dengan begitu ramai sekali. Penelitian kita mendapati sekarang ini terdapat 80,000 pelajar Melayu yang sedang belajar di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Ini menunjukkan satu keyakinan yang tinggi kepada ibu bapa untuk melihat kepentingan untuk belajar dalam bahasa yang sebenarnya diiktiraf sebagai bahasa ekonomi oleh sebahagian daripada pengkaji kita. Ini juga menunjukkan bagaimana ia menjadi satu pilihan yang perlu ada kepada rakyat di negara Malaysia ini, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina. Saya rasa ia juga selaras dengan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil yang perlu ada sebagai pendekatan dan pilihan kepada rakyat Malaysia.

Dalam masa yang sama kita juga tidak menafikan tentang keperluan penguasaan bahasa Inggeris bagi tujuan hubungan antarabangsa yang mana kita juga **perlu penguasaan bahasa Inggeris yang kuat di kalangan pelajar-pelajar kita khususnya pelajar-pelajar yang kita akan hantar untuk belajar di...**

**Tuan Yang di-Pertua:** Memang ada sedikit persamaan di antara Kerajaan Barisan Nasional dengan pendirian seorang ahli parti Keadilan Rakyat iaitu sekolah pelbagai jurusan ini patut terus ada.

**Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf:** Ya, bagi saya memang perlu terus ada sekolah pelbagai jurusan iaitu sekolah Tamil, sekolah Cina.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya gunakan ungkapan “patut terus ada”. Di sini saya kesan persamaan di antara pendapat Yang Berhormat dengan pendirian Kerajaan Barisan Nasional.

**Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf:** Memang pendapat dan pandangan saya kita harus terus ada sekolah-sekolah ini sebagai pilihan kepada rakyat Malaysia. Malah bukan sahaja kita perlu belajar bahasa bagaimana kita perlu akur kepentingan bahasa Inggeris tetapi daripada awal lagi kita perlu ingat dan akur dan menghormati Perlembagaan Malaysia yang kita perlu belajar bahasa Malaysia untuk semua sebagai bahasa perpaduan Malaysia. Kemudian bahasa ibunda, baik bahasa Mandarin, bahasa Tamil dan juga bahasa-bahasa yang digunakan oleh rakan-rakan kita yang lain daripada Sabah, Sarawak yang kita juga perlu berikan pendekatan, penekanan supaya lebih ramai rakyat Malaysia boleh memahami dan mengetahui bahasa-bahasa tersebut.

**Tuan Lee Chee Keong:** Minta laluan, Yang Berhormat. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat kerana telah melalui satu sistem pendidikan yang berbagai jurusan dan tahniah saya ucapkan kepada Yang Berhormat kerana menggunakan bahasa Mandarin sebagai bahasa penghantar utama dalam pembelajaran Sains dan Matematik di sekolah SJK(C). Pada saya inilah satu *living*

*example*, dengan izin. *This is a very good living example*. Seseorang murid melalui sistem pendidikan pelbagai jurusan yang membuktikan lebih cekap mengawal Sains dan Matematik dalam bahasa penghantar utama.

Saya rasa Yang Berhormat bersetuju dengan saya kalau hendak kira satu, dua, tiga, empat atau hendak buat sifir dua kali dua, empat; dua kali tiga, enam...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat jangan lupa, Yang Berhormat mengganggu tau?

**Tuan Lee Chee Keong:** ...*[Ketawa]* Jika sebut dalam bahasa Mandarin... *[Menyebut dalam bahasa Mandarin]* Dua kali satu, dua; dua kali dua, empat itu, saya rasa dalam bahasa Mandarin lebih cekap. Saya tidak tahulah bagaimana pandangan Yang Berhormat. Terima kasih.

**Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf:** Terima kasih dengan pandangan Yang Berhormat tadi. Itu merupakan antara sebahagian yang kita boleh akur juga kajian pakar-pakar tentang bagaimana mudahnya bahasa Mandarin untuk kita mempelajari Matematik. Akan tetapi kita juga perlu akur mudahnya itu apabila ia diajar Matematik dan Sains menggunakan bahasa Mandarin ini di sekolah yang bahasanya penghantarnya bahasa Mandarin.

**Tuan Yang di-Pertua:** Mungkin Yang Berhormat dulu budak cerdik, jadi mudahlah. Kalau budak bodoh susah sikit.

**Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf:** Tidak juga. Kita pun anak penoreh getah daripada Kuala Nerang. Maksud saya ialah kita perlu beri peluang; peluang untuk kita melihat potensi kerana tahap...

**Dato' Haji Idris bin Haji Buang:** Mohon laluan, sebelum Yang Berhormat balik kepada *point-point* yang lain. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa bahasa bukanlah menjadi isu di sini, yang sebenarnya ialah cara pembelajaran, cara anak-anak murid kita menerima pendidikan itu sendiri. Kalau saya hendak katakan bahasa Iban, saya pun pandai berbahasa Iban... *[Bercakap dalam bahasa Iban]* Dengan izin, maksudnya apa tujuan kita di sini. Itu maknanya. Akan tetapi maksud saya, seperti saya lihat Yang Berhormat Lee tadi. Dia berbahasa Malaysia dengan loghatnya begitu baik sekali. Kalau kita tidak tengok wajah dia seolah-olah macam orang yang benar-benar Melayu. Itulah saya ingat kekuatan bahasa Malaysia. Kalaulah bahasa Malaysia mencapai tujuan dan semangatnya Yang Berhormat Lee lah dengan izin *the living example*.

Kalau kita bercakap soal bahasa tidak habis tetapi saya rasa di sini *point* yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi ialah sebenarnya bahasa Cina, Inggeris, Iban atau bahasa Melayu tidak menjadi isu tetapi cara kita mengajar anak-anak itu dan penerimaannya. Dalam Malaysia ini saya rasa bahasa Malaysia *the supreme language* yang ada dalam Perlembagaan kita, harus kita hormati sebagai *unifying language*, dengan izin. Kita guna sebaik-baiknya untuk mengajar anak-anak kita sebaik-baiknya dengan apa jua. Bahasa-bahasa lain pun kita gunakan sebaik-baiknya di mana ia diperlukan untuk menyokong cita murni kita untuk menjadi Malaysia ini

sebuah negara yang benar-benar bertamadun dan cerdik pandai di mata dunia. Apa pandangan Yang Berhormat.

**Tuan Ahmad bin Hussin:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencelah sedikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah Yang Berhormat hendak jawab dulu atau Yang Berhormat hendak jawab serentak setelah beri laluan kepada Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Husin.

**Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan apa yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi hampir sekata tentang soalnya. Yang saya rasa boleh dikomen diberikan penerangan sekali gus. Cuma saya tidak pasti, takut Yang Berhormat bangkitkan perkara baru.

■1230

Jadi saya rasa biar saya teruskan sedikit dulu *point* tentang bagaimana kita perlu akur dan insafi tentang pentingnya penguasaan Sains dan Matematik ini sejak daripada peringkat kecil, peringkat permulaan, bagi saya kita haruslah buat pendekatan supaya kita berikan peluang kepada anak-anak kita ini dengan kita mengajar dalam pendekatan yang paling mudah. Yang kita hendak, tujuan murni asal kita hendak anak-anak bangsa kita ini dapat menguasai sepenuhnya pelajaran Matematik dan Sains ini. Carilah pendekatan yang terbaik, maka kita harus kembali kepada bahasa dan pendekatan menggunakan bahasa yang menjadi pengantara kepada tempat mereka belajar.

Hakikat juga kita perlu akui ialah bagaimana pentingnya bahasa Inggeris yang juga kita tidak nafikan sebagai bahasa antarabangsa yang perlu penguasaan yang terbaik di kalangan anak-anak kita. Cumanya kita harus akur juga pendekatan untuk mempelajari bahasa Inggeris ini juga telah diberikan pandangan oleh pakar-pakar yang saya rasa jangan kita menafikan, yang mereka meletakkan pendekatan yang terbaik untuk menguasai bahasa Inggeris ini adalah dengan kita belajar sastera-sastera Inggeris di peringkat pengajian yang lebih khusus menekankan tentang bahasa, yang dengan itu kita akan menguasai bahasa Inggeris dan dalam masa yang sama kita memberikan keadilan kepada anak-anak kita untuk mendapat penguasaan yang cukup baik Matematik dan Sains, menjadi satu asas yang penting untuk bidang teknikal yang kita perlukan, untuk kita ke depan dari segi Malaysia ini. Jadi, Yang Berhormat...

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Ahmad bin Hussin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada sedikit pengalaman. Kalau dilihat pada hujung tahun 1979 memasuki 1980, dasar kerajaan menghantar penuntut-penuntut lepasan SPM, Sijil Pelajaran Malaysia ke luar negara dan juga di dalam negara. Pada masa itu Jabatan Perkhidmatan Awam telah menghantar penuntut-penuntut yang mempunyai kelulusan bahasa Inggeris, tidak semua pencapaian 1, 2 atau 3 dalam *grading* nya, Tuan Yang di-Pertua. Kebanyakan anak-anak kampung sama ada dari Kelantan, Terengganu, Kedah, Perlis yang skornya hanyalah peringkat 4, 5 atau 6. Saya rasa lemahlah.

Kalau diukur sangat lemah, tetapi oleh sebab saya terlibat sama sebagai penemu duga di Jabatan Perkhidmatan Awam, saya mengetahui kalau saya cuba mengambil semua Gred 1 dan 2 sahaja, mana hendak ada *candidate* yang boleh kita hantar ke United Kingdom, Amerika, Kanada, Australia dan sebagainya, tetapi apa yang berlaku, Tuan Yang di-Pertua, apabila mereka memasuki *environment* yang baik, yang betul, yang memang sesuai dengan pendidikan, mereka mendapat ilmu yang sama. Tidak timbul soal sebelum SPM, hendak belajar Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris. Telah terbukti beribu-ribu saintis, doktor, *lawyer*, pensyarah yang ada sekarang ini hasil SPM bahasa Melayu, bahasa Cina, bahasa Tamil. Kenapa kita kalih pula, Tuan Yang di-Pertua, minta pandangan Yang Berhormat?

**Tuan Ir. Haji Zamri bin Haji Yusof:** Terima kasih dengan pandangan ataupun apa yang disebut komen oleh Yang Berhormat tadi, kerana kita yakin pengalaman Yang Berhormat pada ketika itu sebagai pegawai tinggi JPA dan ketika itulah saya dihantar belajar di Amerika daripada SPM, sekolah menengah di kampung dan terus ke Amerika.

Jadi yang disebutkan tadi mengukuhkan pandangan kita bagaimana tentang pengajian, khususnya penemuan dan penguasaan dalam hal-hal teknikal ini tidak sangat menuntut supaya kita mendapat bahasa Inggeris itu yang lebih penting daripada kita harus mendapat penguasaan Sains dan Matematik itu sebagai asas yang cukup kuat, yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, sebab kita memang perlukan bahasa Inggeris yang kuat sebagai sampingan kepada kecemerlangan dalam pendidikan kita sekiranya pelajar-pelajar tersebut kita ingin hantar sambung belajar di negara-negara Amerika dan juga di England. Akan tetapi jangan lupa, kita juga perlukan anak-anak kita ini yang cemerlang dalam pelajaran ini juga harus mahir dalam bahasa Jepun, bahasa Korea dan bahasa Jerman sekiranya kita ingin meneruskan pengajian mereka di Jepun, Korea dan Jerman.

Jadi bukannya bahasa kedua mereka adalah bahasa Inggeris bagi mereka yang meneruskan pengajian teknikal mereka di negara Jepun, Korea, Jerman dan juga lain-lain negara yang tidak menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa utama. Sebab itulah kita hendak mengajak kementerian, Kementerian Pendidikan yang saya harapkan dinamakan balik selepas ini, kita kembalilah kepada Kementerian Pendidikan untuk tujuan murni kita mendidik anak-anak bangsa kita dengan yang terbaik. Kita kembalikan nama kementerian juga daripada Kementerian Pelajaran kepada Kementerian Pendidikan, kemudian kita berikan tumpuan yang terbaik untuk kita bawa, kita didik anak-anak kita mendapat asas yang penting dengan tujuan yang sama.

Bila kita hendak mendidik bahasa Inggeris, hendak bagi mereka dapat dalam bahasa Inggeris, kita ajarlah kaedah yang terbaik bahasa Inggeris yang telah diberikan oleh pakar-pakar kita. Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, tentang soal yang dibangkitkan sedikit sebanyak dalam perbincangan kita, tentang kita kaitkan mengenai pengajian Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris, kita kaitkan tentang keperluan teknikal untuk belajar bahasa Inggeris, kita juga kaitkan sedikit sebanyak mengenai perpaduan yang disebutkan oleh beberapa orang Ahli Dewan

kita kelmarin. Jadi pada saya ialah, pada saat ini kita telah pun mencapai kemerdekaan dan kita juga telah menubuhkan Malaysia bersama dengan rakan-rakan dari Sabah dan Sarawak semenjak 45 tahun yang lalu. Memang kita tahu pelbagai latar belakang rakyat Malaysia ini, bukannya tiba-tiba jadi. Kita menubuhkan Malaysia bersama dalam keadaan kita tahu...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, boleh saya ganggu sebentar? Bolehkah saya dapat gambaran berapa lagi Ahli Yang Berhormat yang ingin berucap?

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Kita ada 110 minit sebelum pukul 4.00 petang, 110 minit waktu perbahasan, ada lima orang. Yang Berhormat sila teruskan.

**Tuan Ir. Haji Zamri bin Haji Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah di peringkat hujung, sekitar tiga ke lima minit sahaja lagi. Yang saya hendak sebutkan ialah sedikit komen saya tentang bagaimana saat selepas kita menubuhkan Malaysia bersama tadi, yang saya sebut bersama dengan Sabah dan Sarawak dalam keadaan yang kita menginsafi ketika itu memang kita ada pelbagai bangsa di Malaysia, kita telah berusaha, saya rasa 45 tahun adalah masa yang cukup panjang untuk kita bina Malaysia bersama. Di saat ini kita tidak perlu lagi memperkenalkan kaedah-kaedah baru kononnya kita membina perpaduan di kalangan masyarakat Malaysia, kerana perpaduan itu seharusnya telah ada dan haruslah kita teruskan apa yang telah kita bina selama ini.

Kalau kita perkenalkan yang baru, saya bimbang persepsinya kita ingin mengatakan bahawa kaedah yang kita ambil, yang kita pakai sejak 45 tahun ini, kaedah yang belum berjaya membina perpaduan Malaysia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Mengapa 45 tahun, Yang Berhormat?

**Tuan Ir. Haji Zamri bin Haji Yusof:** Bagi kemerdekaan Malaysia, bila kita sebut Malaysia ini, bagi saya Malaysia baru lahir 45 tahun sejak tahun 1963 dan saya menghormati rakan-rakan kita dari Sabah dan Sarawak yang baru merdeka bersama dengan kita.

Jadi dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saranan supaya dihapuskan sekolah jenis kebangsaan yang diberikan pandangan baru-baru ini, bagi saya walaupun kita layak untuk membincangkannya, tetapi saya rasa kita harus berikan peluang untuk semua kerana selama ini kita telah bangukan bersama Malaysia ini. Jadi pada pandangan saya, kita harus teruskan sekolah-sekolah jenis kebangsaan yang masih ada ini, yang masih relevan dan masih sesuai sebagai pendekatan yang selama ini memberikan pilihan kepada rakyat Malaysia yang pelbagai itu mendapat ruang alternatif untuk belajar di sekolah yang pelbagai latar belakang ini.

Dalam masa yang sama, kita tidak menafikan Yang Berhormat, kita semua juga perlu akur dan menghormati Perlembagaan yang telah meletakkan kepentingan untuk kita memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

**■1240**

Bahasa Melayu sebagai bahasa perhubungan di antara kita di kalangan rakyat Malaysia dan kita cukup berbanggalah bila di kalangan tadi disebut tentang adanya Yang Berhormat kita yang walaupun asalnya bangsa Cina, tetapi boleh berbahasa Melayu yang cukup fasih. Saya rasa inilah hasil kita selepas merdeka, selepas kita menubuhkan Malaysia dan selepas kita akur bahawa inilah perpaduan yang perlu kita ada.

Sekarang ini kita sudah sampai ke fasa yang kedua untuk kita membangunkan Malaysia ini. Kita tidak harus lagi melihat ke belakang tentang perbezaan bangsa kita. Kita harus menjadi pemimpin yang kalau saya ini juga perlu jadi pemimpin, saya harus jadi Cina lebih daripada Cina, lebih India daripada India dan tentunya saya perlu menjadi pemimpin yang lebih Melayu sebagai Melayu untuk melihat Malaysia sebagai bangsa yang perlu kita akui bersama di sebuah negara yang harus kita bina bersama.

Jadi dengan sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, sebagai akhirnya saya ingin mengajak semua khususnya pihak Kabinet yang diamanahkan dengan tanggungjawab untuk memerintah negara dan khususnya dalam bidang yang kita bincangkan ini Kementerian Pelajaran supaya bersikap terbuka dan akur dengan keperluan suasana. Marilah kita elakkan daripada terus berada dalam dengan izin, *syndrome of denial* yang kita cuba mengelak yang kita cuba mengelak setiap isu yang menimpa dan menguji negara ini dengan kita cuba menafikan, dengan kita cuba menyimpankan hal-hal yang membolehkan kita bangun dengan lebih baik, membina Malaysia yang lebih berjaya ke hadapan.

Jadi saya mengucapkan terima kasih di atas ruang yang diberikan untuk sama-sama bincangkan isu ini dan saya mengucapkan terima kasih kepada Dewan dan Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat sokong tak rang undang-undang?

**Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf:** Ya, memang saya menyokong rang undang-undang ini dan sebab itu saya menyebut, saya tidak kurang daripada tiga kali kerana ini untuk satu kepentingan untuk mutu pendidikan negara.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Tan Sri Jins Shamsuddin. Saya tekankan 'S' itu, nanti orang ingat 'Jin' Shamsuddin.

**12.42 tgh.**

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh* dan salam perpaduan kepada semua Ahli Yang Berhormat. Terima kasih sekali lagi kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah memberikan saya peluang untuk membahaskan Rang Undang-Undang (Pindaan), Akta Pendidikan 1969 yang telah pun dibahaskan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat dan saya berhasrat untuk memberi pandangan dan juga membahaskan akta ini bersesuaian dengan apa yang telah diusahakan.

Akta ini bertujuan untuk menaikkan taraf, menaikkan taraf satu institusi maktab pendidikan guru kepada institut pendidikan guru. Apabila kita ingin menaikkan taraf itu tentunya

kita akan ada beberapa perubahan dan juga menjadikannya sebagai satu institut yang lebih berwibawa dan memberikan kita, menghasilkan guru-guru yang mempunyai pengalaman dan juga ilmu pengetahuan yang tinggi. Ini kerana guru adalah merupakan orang yang pertama saya hormati selain daripada ibu bapa saya kerana guru adalah orang yang memberikan saya ilmu. Kalau tidak barangkali saya tidak kenal 'A', 'B', 'C' atau alif 'ا', ba 'ب', ta 'ت' pun, kalau tidak ada guru. Maka dengan itu saya ambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada guru-guru...

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau tak kenal 'A', 'B', 'C', macam mana nak baca skrip?

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** Ha, itu dia. Kalau tak ada guru, tak bolehlah baca skrip pun. Jadi gurulah yang telah mengajar saya. Jadi gurulah yang telah mengajar saya. Jadi maka itu, saya menghormati guru-guru selain dari ibu bapa saya. Orang yang kedua saya hormat iaitu guru-guru. Kita semua sedia maklum bahawa guru adalah merupakan pada peringkat awal lagi pemimpin-pemimpin negara kita bermula daripada guru-guru.

Untuk itu, pindaan perlembagaan ini adalah merupakan sesuatu yang amat penting. Undang-undang ini adalah sesuatu yang amat penting di dalam kita meningkatkan lagi profesion guru yang ada di negara ini. Apa yang saya lihat ialah perkara yang saya hendak bangkitkan ialah perkara seperti yang telah saya sebutkan tadi guru iaitu dengan perkataan guru kepada pendidik dan guru itu merupakan sesuatu yang amat penting di dalam kita menentukan masa hadapan anak-anak kita untuk belajar di sekolah-sekolah yang ada.

Saya juga ingin menyentuh perkara ketiga di dalam pindaan akta ini. Perkara ketiga ialah yang mengemukakan institusi pendidikan guru ini daripada maktab dipindahkan kepada institut tentunya akan membawa kepada sesuatu pengertian yang berbeza. Jadi kita harus melihat bahawa dianya mempunyai juga perkara yang ketiga, perkara (c) juga mengatakan bahawa menyediakan keperluan pendidikan khas murid. Dengan perkataan disediakan kepada murid berkeperluan khas. Barangkali ini juga harus dikaji dan harus mendapat penjelasan apakah yang dimaksudkan pendidikan khas. Apakah dari segi teknikalnya ataupun dari segi ilmu pengetahuannya? Bila kita menyebut itu tentunya kita harus menyediakan guru yang juga mempunyai pengalaman dan pengetahuan di dalam mengajar ilmu pendidikan khas kerana tidak semua guru boleh mengajar di dalam semua bidang. Jadi ini adalah perkara yang amat luar biasa.

Pendidikan khas ini barangkali murid-murid ini mempunyai permasalahan. Misalnya OKU atau apa-apa lain yang kita sebutkan mereka ini barangkali memerlukan pendidikan khas. Jadi tentunya harus juga ada guru atau tenaga pengajar yang mempunyai ilmu pengetahuan dalam pendidikan khas. Apakah di dalam pindaan akta ini juga termasuk di dalam akta ini berhubung dengan guru yang mempunyai pendidikan khas. Sama ada dari segi ilmu pengetahuannya ataupun keperluan-keperluan khas murid. Kalau di sini dikatakan murid berkeperluan khas sama ada dari segi teknikalnya ataupun daripada ilmu pengetahuan.

Seterusnya, saya ingin menyentuh perkara 7 di dalam ini. Yang lainnya telah pun diperbahaskan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Perkara 7 di dalam akta ini, seksyen 44 Akta Ibu dipinda. Maksud selepas itu diberi perkataan selepas perkataan “sijil”, perkataan “diploma dan ijazah”. Tidakkah juga kita merasakan bahawa di dalam ini juga mungkin kementerian boleh memikirkan apakah dia setaraf dengan ijazah yang diterbitkan oleh UPSI, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Apakah dia mempunyai taraf yang sama dengan pendidikan Universiti Pendidikan Sultan Idris yang dahulunya kita kenali dengan nama TTC, *Teachers Training College*, Tanjung Malim.

Jadi ini semua adalah merupakan sesuatu yang boleh kita fikirkan bersama apakah yang boleh kita berikan pandangan di dalam Dewan yang mulia ini. Bahawasanya kita memerlukan seorang pendidik, seorang guru yang mempunyai pengetahuan yang tertinggi untuk menyampaikan ilmu mereka kepada anak dan generasi kita akan datang. Untuk menghasilkan pendidikan ilmu yang tinggi kepada guru-guru ini, sudah tentulah kita harus ada pensyarah-pensyarah yang lebih bijak untuk mengajar mereka menimba ilmu supaya ilmu yang disampaikan kepada mereka itu yang terbaik.

Saya juga berpendapat mungkin satu ketika nanti walaupun tidak di dalam pindaan akta ini, satu ketika nanti bukan sahaja kita berikan diploma, ijazah, tetapi juga mungkin dinaikkan lagi taraf kepada *Master* dan juga *Ph.D.* Seorang guru mempunyai *master* dan *Ph.D* ilmunya tentu sahaja akan lebih tinggi lagi daripada apa yang kita ada pada hari ini. Inilah perkara-perkara yang harus kita lihat dengan secara serius.

Di dalam hal yang sama, perkara 8 juga, diploma, ijazah perguruan ini juga yang seharusnya kita lihat sama ada ia juga telah mempunyai atau mendapat pengiktirafan daripada LAN, Lembaga Akreditasi Negara. Sama ada ia juga dimestikan atau diwajibkan untuk mendapat pengiktirafan negara. Sama ada ia juga dimestikan atau diwajibkan untuk mendapat pengiktirafan daripada LAN kerana dengan adanya pengiktirafan itu, maka statusnya dengan izin akan menjadi lebih baik dan lebih tinggi lagi.

#### ■1250

Jadi untuk itulah maka kita harus melihat perkara ini di dalam akta ini, Perkara 7 ini amat penting kepada kita di dalam menaikkan dan Institusi Pendidikan Guru. Menganugerahkan diploma dan ijazah ini boleh dipertingkatkan dari semasa ke semasa selaras kenaikan taraf ini kita harus terlibat bahawa ianya merupakan sesuatu yang amat penting di dalam kita melahirkan guru-guru yang berilmu.

Guru-guru yang berilmu tidak hanya setakat mendapat pengetahuan sebagai pendidik. Tidak semua guru bolehlah saya jadikan dia juga sebagai contoh, sebagai guru juga macam pengarah filem kerana saya dalam bidang ini. Saya boleh ambil contoh pengarah filem tidak semua pengarah filem boleh mengarah semua jenis filem. Ada filem komedi, bukan semua orang boleh mengarah filem komedi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau pengarah jabatan?

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** Pengarah jabatan berbeza sedikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah sama? Tidak semua pengarah jabatan boleh mengarah semua jabatan.

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** Tidak boleh. Berbeza. Jadi contoh saya ambil dari segi filem. Jadi pengarah filem ini, pengarah filem *action* mesti juga orang yang mempunyai pengetahuan dalam filem *action*. Begitu juga filem drama, filem komedi, filem-filem yang ada kaitan dengan wanita dan sebagainya dan mempunyai kelebihan. Begitu juga kalau kita kaitkan dengan guru-guru, tidak semua guru boleh mengajar semua bidang. Oleh kerana itulah kita ada guru ini ada guru itu dan sebagainya. Maka itu saya berpendapat bahawa guru yang hendak kita latih ini sepatutnyalah mempunyai ilmu dalam banyak bidang kalau pun tidak semua, tetapi dalam banyak bidang.

Khususnya dalam bidang-bidang agama kerana agama itu amat penting bagi seorang pendidik. Ini kerana pendidik yang tidak berlatarbelakangkan agama maka dia akan boleh terpesong dan boleh membawa kepada satu akibat yang tidak baik kepada murid-murid. Kita pernah terbaca di dalam akhbar-akhbar atau menonton dalam televisyen dan sebagainya, guru-guru melakukan sesuatu perlakuan yang tidak boleh diterima. Ada juga di antara guru yang merogol anak muridnya. Kita pernah terbaca perkara ini. Ini kerana latar belakang agamanya tidak kuat. Maka itulah hari ini kalau kita lihat di sekolah-sekolah rendah semua mengajar agama Islam kerana Islam itu adalah agama rasmi Persekutuan maka itu agama Islam menjadi agama rasmi di diajar di sekolah-sekolah kepada mereka yang beragama Islam.

Akan tetapi kita juga harus melihat menuntut agama Islam ke peringkat rendah sahaja tetapi apabila ke peringkat universiti, ke peringkat kolej maka kita tidak dapat melihat bahawa ada *syllabus* yang khusus dalam agama Islam. Maka saya juga mengingatkan bahawa institusi ini yang akan dipinda bahagian ini supaya sebagai pendidik dan hendaklah mempunyai ilmu dalam bidang agama yang cukup.

Kemudiannya juga dalam bidang kebudayaan kerana kebudayaan juga amat penting bagi melahirkan budaya kita yang sihat. Jadi budaya ini banyak, berbagai-bagai yang datang dari luar. Kita terdedah dengan budaya-budaya asing melalui *internet*, melalui satelit, melalui televisyen, melalui video, melalui CD, melalui berbagai-bagai cara yang kadang-kadang membawa kepada anak-anak kita dan mereka ini terdedah kepada budaya-budaya asing. Maka itu apabila kita hendak melatih seseorang itu ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah Yang Berhormat bagi masa sedikit kepada kawan-kawan? Bolehkah Yang Berhormat beri masa sedikit untuk kawan-kawan mula buat tempahan untuk terus berucap petang ini.

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** Saya ada hendak sambung sedikit kalau boleh lepas makan, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apa. Biarlah Yang Berhormat selesaikan dalam masa enam minit ini supaya banyak lagi yang hendak berucap.

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** Kalau begitu, saya cuma...

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita ada 90 minit dan tadi yang berdiri enam orang.

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** Saya cuba, Insya-Allah. Jadi sebagai tenaga pengajar, sebagai pendidik memerlukan juga latar belakang agama dan juga kebudayaan. Ini kerana ia mempunyai satu ilmu pengetahuan yang boleh disalurkan kepada anak-anaknya apabila dia menjadi seorang pendidik nanti. Jadi untuk itu saya melihat bahawa juga institut pendidikan guru ini merupakan satu institut yang akan menjadi asas kepada membangunkan anak-anak murid kita di masa hadapan.

**Datuk Akhbar bin Ali:** *[Bangun][Berjalan keluar Dewan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk tidak mahu buat tempahan? Silakan Yang Berhormat. Saya pun belum tentu bila Yang Berhormat hendak duduk. Mungkin dia tidak duduk. Sila teruskan Yang Berhormat.

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak hairanlah banyak yang ada buah-buah fikiran mengenai perkara ini. Sudah 51 tahun ataupun 45 tahun kita sebagai bangsa meraba-raba lagi mencari penyelesaian muktamad.

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** Di dalam bidang pendidikan kerana kita semua sedia maklum bahawa pendidikan adalah merupakan asas yang terpenting; sebab itulah dari sudut agama Islam ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Polemik ini ataupun perbahasan ini berterusan daripada dikatakan tahun 49 di masa Tun Razak dan kini diteruskan lagi.

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** Sudah pun dibangunkan. Jadi saya mengambil kesempatan dari sudut yang lain kerana sudah banyak Ahli-ahli Yang Berhormat telah membahaskan perkara-perkara itu. Jadi saya ingin membawa dari sudut agama kerana kita semua tahu saya bukanlah tokoh agama tetapi saya belajar juga agama untuk menentukan masa depan saya dan keluarga saya. Maka itu kita semua sedia maklum yang beragama Islam harus memahami ini bahawa ayat yang pertama diturunkan oleh Allah SWT ialah Iqra' iaitu suruh kita belajar.

*Bismillaahir Rahmaanir Rahiim...* *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* Kita di suruh belajarlah dengan nama Tuhan. Jadi ilmu itu adalah yang pertama untuk kita menuntut. Jadi manusia itu dijadikan oleh Allah SWT ialah makhluk yang terbaik. Jadi maka itu kita haruslah ada rasa tanggungjawab dan rasa cinta, kasih, sayang kepada keluarga kita dan juga sahabat handai dan juga bangsa di Malaysia ini. Maka itu di dalam perpaduan kaum ini adalah amat penting dalam kita menentukan masa depan negara ini. Semua kaum haruslah bersatu bagi menentukan masa depan ini, bagaimana kita harus mencorakkan pendidikan negara kita ke arah satu kaum

yang boleh menentukan masa depan negara ini. Sepertimana yang telah saya katakan tadi bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara iaitu Bahasa Malaysia yang telah pun perakui dan dalam Perlembagaan pun telah disebut.

Jadi maka itu kalau kita lihat di negara-negara lain juga menggunakan bahasa mereka. Tidak salah kita belajar bahasa lain. Kalau kita lihat Hang Tuah sebagai contoh dia mempunyai 12 bahasa sedangkan masa itu tidak ada pun institusi pengajian tinggi, tidak ada. Namun, Hang Tuah belajar 12 bahasa. Dia boleh bercakap bahasa Cina, bahasa India, bahasa Jepun berbagai-bagai. Ini adalah satu contoh yang baik dan kita tidak salah mempelajari bahasa-bahasa lain. Saya juga bermula dari sekolah Melayu dan selepas itu saya masuk ke sekolah Inggeris kerana saya berhasrat untuk belajar ke luar negara. Jadi itu adalah sesuatu yang digalakkan, tidak ada sebab kita tidak boleh belajar bahasa apa pun dan saya juga pernah belajar bahasa jepun kerana di musim Jepun kita diperintah oleh Jepun.

Kalau boleh bercakap bahasa Jepun, cukup baiklah itu. Saya belajar “ka, ki, ku, ke, ko”, semua saya belajar. Bila sudah penat “kaki ku bengkok”... *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, begitulah keadaan kita pada ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Betul kah itu?

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** ...*[Ketawa]* Oleh kerana masa telah pun hampir tiba maka dengan itu saya dengan ini menyokong Pindaan Akta Pendidikan 2008. Terima kasih, *assalamualaikum*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat kerana kerjasama yang diberi dan peluang yang diberikan untuk rakan-rakan yang lain untuk berucap. Ahli-ahli Yang Berhormat masa pun sudah cukup dan saya tangguhkan Mesyuarat sekarang dan Dewan akan bersidang semula pada pukul 2.30 petang.

***Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

***[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat]****

**Tuan Yang di-Pertua:** Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad kemudian Datuk Akbar, kemudian Tuan Rawisandran. 15 minit seorang.

**2.32 ptg.**

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya mengambil bahagian dalam perbahasan bagi meminda Akta Pendidikan 1996 setelah satu pindaan terhadap Akta Pendidikan 1996 ini ialah bagi memasukkan peruntukan menaik taraf 27 buah maktab perguruan di seluruh negara kepada Institusi Pendidikan Guru (IPG), menganugerahkan diploma dan ijazah penggunaan kepada lulusannya.

Saya mengucapkan syabas kepada KPM, Kementerian Pelajaran Malaysia kerana mengambil langkah yang sangat positif dan tepat dalam usaha memartabatkan profesion

perguruan di negara ini. Selain itu, langkah ini dapat membantu Kementerian Pelajaran mencapai sasaran untuk memastikan 100% guru berijazah di sekolah menengah dan 50% guru berijazah menjelang 2010.

Saya yakin dengan impak positif yang akan terhasil dari pindaan-pindaan ini, bakal guru yang akan dilahirkan oleh IPG terdiri dari mereka yang berkualiti tinggi. Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha kementerian untuk mengeluarkan guru-guru berijazah, saya terpenggil untuk bertanya hal ini iaitu tidakkah nanti berlaku keadaan di mana terdapat terlalu ramai guru pemegang ijazah melebihi permintaan di sekolah-sekolah dan akhirnya terdapat lambakan guru pula. Sekiranya kesemua 27 buah IPG menawarkan ijazah, berapakah agaknya bilangan calon pelatih guru yang akan diambil oleh setiap IPG setiap tahun.

Soalan kedua saya ialah selepas kementerian mencapai sasaran membekalkan 100% guru siswazah di sekolah menengah pada 2010, adakah kementerian akan mewujudkan sasaran baru iaitu 100% guru siswazah di sekolah rendah dan 100% di prasekolah dan berapa lama tempoh yang akan diberikan untuk mencapai sasaran itu.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun ini difahamkan bahawa seramai lebih kurang 1,800 lepasan Sijil Pelajaran Malaysia mengemukakan permohonan untuk memasuki 27 Institut Pendidikan Guru di seluruh negara untuk kira-kira 4,726 tempat. Sekiranya bilangan yang memohon menjadi petunjuk bahawa guru ialah pilihan utama kerjaya, ini adalah satu petanda yang sangat baik namun sebaliknya jika permohonan ke IPG disebabkan tidak ada pekerjaan lain, pihak kementerian perlu berhati-hati, takut tersalah pilih calon-calon yang tidak benar-benar berminat menjadi guru.

Kita mesti memilih calon-calon yang benar-benar berminat kerana mahu mereka terus dengan kerjaya guru mereka. Seperti apa yang dikatakan oleh Menteri Pelajaran, saya petik, *“Hasrat kita ialah untuk memastikan, bukan sahaja kita dapat melahirkan guru yang berkualiti tetapi lebih jauh daripada itu iaitu untuk memastikan mereka yang berkualiti ini kekal dalam sistem pendidikan negara dan kekal berkualiti di sepanjang tempoh perkhidmatan mereka”*, dari ucapan Perutusan Tahun Baru 2006.

Kita tidak mahu ada guru yang hilang minat mengajar selepas beberapa tahun bekerja, memohon untuk bersara awal dan tertarik dengan tawaran gaji lumayan bidang pekerjaan yang lain. Sehubungan dengan ini, saya ingin bertanya kepada kementerian setakat ini adakah rekod berkaitan bilangan guru yang memohon untuk berhenti atau bersara awal kerana tidak berminat lagi untuk mengajar.

Tuan Yang di-Pertua, ini berkaitan dengan latihan kurikulum IPG. Menjadi harapan kita supaya kurikulum IPG dibentuk, digubal semantap mungkin supaya guru-guru yang dihasilkan yang tahan lasak, mampu menghadapi cabaran demi cabaran dan paling penting guru itu mesti mempunyai sikap yang positif dan senantiasa bersedia untuk memperbaiki diri untuk memperoleh kemahiran dan pengetahuan secara berterusan.

Kelayakan yang tinggi sahaja tidak dapat menjamin kualiti seseorang guru jika tidak mempunyai sikap positif, komited, dedikasi dan bersemangat, *passionate* terhadap profesion perguruan. Latihan guru perlu menekankan dan memperbanyakkan latihan amali, *practical training*. Semasa latihan amali, bakal guru mesti didedahkan dengan pelbagai keadaan termasuk menempatkan mereka di kawasan pedalaman. Pengalaman ini berguna supaya guru-guru tidak menghadapi kejutan apabila di tempatkan di sekolah-sekolah yang jauh di pedalaman.

Setelah tamat latihan perguruan, guru-guru perlu bersedia berkhidmat di mana-mana sahaja termasuk di kawasan luar bandar di Sabah dan Sarawak.

#### ■1440

Sesungguhnya guru-guru pada masa ini sangatlah beruntung kerana kerajaan sangat prihatin terhadap kebajikan mereka. Pelbagai elaun insentif diberikan kepada guru termasuk mereka yang bekerja di pedalaman pun diberi insentif antara RM500 hingga RM1,500. Pada tahun lepas, Kementerian ada menimbang memberikan beberapa elaun lain termasuk bagi guru-guru yang sanggup mengajar lebih lama di luar bandar. Sebagai balasan kepada keprihatinan kerajaan ini, guru-guru harus berterima kasih dengan melipatgandakan usaha mendidik anak-anak bangsa. IPG juga perlu melengkapkan guru-guru pelatih dengan semua kemahiran yang diperlukan dalam pengajaran dan pembelajaran termasuk kemahiran ICT, kemahiran Bahasa Inggeris dan kemahiran menyelidik supaya guru-guru tidak perlu keluar sekolah terlalu kerap untuk menghadiri kursus di luar.

Kekerapan guru keluar berkursus bukan sahaja mengganggu perjalanan sekolah tetapi juga melibatkan perbelanjaan yang besar. Kadang-kadang ada hanya dua, tiga orang sahaja guru di sekolah kerana menghadiri kursus atau bercuti bersalin. Seperkara lagi mengenai pengambilan guru ini, saya ingin bertanya boleh tidak Kementerian menyeimbangkan pengambilan calon guru wanita dengan lelaki kerana pada masa ini bilangan guru lelaki sangat kurang berbanding guru perempuan. Kehadiran guru lelaki dan perempuan di sesebuah sekolah diperlukan supaya pelajar ada *role model* dari kedua-dua jantina guru. Kementerian Pelajaran perlu menggalakkan lebih ramai pelajar lelaki berminat dalam profesion perguruan.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada pindaan seksyen 2 Akta 550 iaitu takrif pendidikan khas yang menyediakan keperluan pendidikan khas murid diganti dengan maksud disediakan kepada murid berkeperluan khas. Pengertian baru ini saya difahamkan bahawa selain bertanggungjawab kepada murid-murid bermasalah pembelajaran, penglihatan dan pendengaran. Kementerian Pelajaran juga bertanggungjawab memberi pendidikan kepada Orang Asli dan Penan, pendidikan banduan muda di penjara. Memastikan tidak ada golongan yang tertinggal dalam sistem pendidikan negara. Langkah yang diambil Kementerian ini sangat-sangat murni dan patut diberi pujian kerana inisiatif yang bersungguh-sungguh untuk merealisasikan pendemokrasian pendidikan dengan menyediakan peluang dan akses pendidikan kepada semua golongan.

Menyediakan jawatan guru dan pinjaman buku teks untuk meningkatkan mutu pendidikan pesalah juvana dan banduan-banduan muda di sekolah integriti dan di Sekolah Henry Gurney adalah sangat wajar dan tepat pada masanya. Menyentuh tentang Orang Asli ini, masalah ponteng sekolah di kalangan anak-anak mereka masih tinggi walaupun pelbagai usaha diambil kerajaan bagi mengatasinya termasuk mengadakan kelas dewasa untuk ibu bapa Orang Asli peribumi bagi mempertingkatkan motivasi anak-anak Orang Asli mendapatkan pendidikan. Adakah Kementerian mempunyai strategi lain untuk menggalakkan anak-anak Orang Asli untuk belajar bersungguh-sungguh seperti menyediakan pengangkutan kepada pelajar yang berjauhan dari sekolah ataupun guru pergi ke rumah-rumah Orang Asli dan mengajar mereka di rumah?.

Pencapaian anak-anak peribumi di Sabah dan Sarawak serta Semenanjung dalam pelajaran masih ketinggalan berbanding kaum lain. Oleh itu, mereka perlu diberi bantuan dan perhatian sebaik mungkin selaras dengan komitmen kerajaan mahu rakyat hidup sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, sedikit mengenai peruntukan yang membolehkan Ketua Pendaftar mengawal apa-apa kurikulum tambahan yang akan dilaksanakan di tadika supaya selaras dengan sistem pendidikan kebangsaan dan sesuai dengan tahap pendidikan tadika. Oleh kerana pra sekolah dikendalikan oleh pelbagai agensi, bagaimanakah modus operandi Kementerian Pelajaran untuk menyelaraskan, mengawal atau memantau kurikulum termasuk kurikulum tambahan yang digunakan supaya selari dengan sistem pendidikan kebangsaan?.

Apakah hukuman yang akan dikenakan kepada agensi yang didapati menggunakan kurikulum tambahan tetapi tidak memaklumkan kepada kementerian? Apakah contoh kandungan kurikulum tambahan yang diluluskan oleh kementerian dan apakah contoh yang tidak dibenarkan oleh Kementerian Pelajaran? Pada masa ini, tenaga pengajar yang berada di pra sekolah mempunyai kelulusan akademik dan ikhtisas yang berbeza-beza. Ada agensi mempunyai tenaga pengajar yang berkelulusan tinggi, ada dalam pendidikan pra sekolah manakala ada yang lain pula hanya mempunyai latihan asas berhubung dengan pendidikan pra sekolah.

Setakat ini, adakah Kementerian Pelajaran mempunyai perancangan untuk memberi latihan yang selaras untuk semua guru pra sekolah sama ada di bawah Kementerian atau agensi lain. Sekian dengan ini saya ingin menyokong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada rakan seperjuangan kerana tidak mengganggu. Alhamdulillah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Datuk Akbar Ali.

**2.47 ptg.**

**Datuk Akbar bin Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana ini ucapan sulung saya dari segi membahaskan pindaan Akta 1996 ini, izinkan saya Tuan Yang di-Pertua untuk merakamkan setinggi penghargaan kepada kerajaan khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dewan Undangan Negeri Melaka Yang Amat Berhormat dan seterusnya kepada bahagian saya di Jasin kerana memilih saya sebagai Senator untuk Dewan yang mulia ini. Bagi menyambung perbahasan ini, saya tertarik hati dengan saranan Tuan Yang di-Pertua bahawa

kita perlu ada koheren di dalam perbahasan ini dan untuk memastikan adanya koheren itu saya perlu *recap* beberapa perkara penting supaya satu, akan mengingatkan saya supaya tidak berlaku *repetition* dengan izin, tetapi dalam masa yang sama untuk memastikan ada *complementarity* dalam perbahasan ini.

Sebelum saya pergi lebih jauh lagi, saya perlu berhati-hati kerana perkara yang disentuh ini nampaknya agak sensitif kerana itu saya perlu mengingatkan diri saya sendiri dan mungkin agaknya kawan-kawan yang lain bahawa sawah itu berpermatang dan ladang itu berbintalak. Oleh itu saya amat sedar ingatan kawan saya semalam tentang perkara 152(1)(b). Dengan kata-kata itu...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ianya sensitif hanya jika dilihat dalam konteks ranjau prasangka. Kalau terlalu banyak prasangka terhadap apa yang diucapkan ianya sensitif, tetapi kalau dilihat dalam konteks ianya meneruskan perbahasan yang bermula sebelum zaman Tun Razak dan dimasukkan dalam Laporan Razak dan bermula daripada tahun 1949 seperti dikatakan, ianya tidak perlu terlalu sensitif. Jadi dia bergantung pada pendekatan. Terima kasih

**Datuk Akbar bin Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali semalam cukup bagus dan unik bahawa kita ditarik perhatian untuk membezakan antara bahasa yang terpacat di bawah Perlembagaan 152(1) di mana memberi penghormatan kepada bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Satu lagi yang diasingkan ialah sistem pendidikan itu sendiri.

#### ■1450

Di sini saya pula ingin menarik perhatian untuk membezakan dalam sistem pendidikan itu ialah antara bahasa dan medium *instruction* adalah dua perkara yang berbeza. Apa yang tercatat di bawah 152(1)(b) ialah berkenaan gerenti, yang di gerenti oleh perlembagaan. Kalau mengikut kefahaman saya, saya bukan peguam, kebetulan berada dalam Dewan ini kita menjadi *legislator*. Sekiranya ada perbezaan dari segi pentakrifan atau *interpretation* dan kita boleh serah pada mahkamah untuk menentukannya.

Mengikut kefahaman saya, apa yang dijamin di bawah 152(1)(b) ialah pengajian pengajaran bahasa ibunda. Di samping itu, dia tidak bercakap pasal bahasa pengantar, medium *instruction* di sekolah-sekolah, so elok kita jangan *confusekan* antara dua perkara itu, seperti mana yang ada dalam surat khabar hari ini. Dalam pada itu, semalam ditanya, yang mana didahulukan atau yang mana lebih penting antara bahasa dengan medium *instruction* ataupun sistem pendidikan. Kalau kita ambil daripada lirik lagu P. Ramlee, pada saya dan seperti mana yang diperkatakan oleh rakan-rakan semalam atau bahasa utara, kelmarin. Bahasa dan sistem pendidikan itu tidak dapat diasingkan umpama irama dan lagu tak dapat dipisahkan.

Seterusnya, saya juga telah menyarankan bahawa semalam ada ditanya ataupun tadi pun ada diulang. Kita hendakkan *uni-polar*, *mono-system*, *uni-system*, *poly-system* ataupun *multiple-system* iaitu dari segi sistem pendidikan. Saya rasa sebelum kita menjawab soalan itu

kita harus lihat *in the bigger picture* apa yang kita mahu yang saya katakan semalam. Justeru, apa yang kita mahukan Malaysia pada tahun 2050, pada tahun 2100 misalnya, dengan itu kita mungkin dapat membantu menjawab dengan jawapan yang lebih tepat lagi.

Jadi kalau kita mahukan keharmonian kaum, kita mahukan perpaduan yang boleh membawa keamanan dan kemakmuran. Maka saya katakan sekali lagi, saya ingin menekankan serta menyarankan betapa pentingnya kita mesti ada *mother policy* atau dasar induk. Ini supaya semua dasar yang lain akan dibuat *consistently* ataupun konsisten dan selari, selaras dengan *mother policy* ini. Kalau saya boleh terangkan sedikit betapa pentingnya polisi induk ini atau dasar induk ini. Kita boleh ambil contoh sama ada yang jauh di Switzerland ataupun yang dekat di Singapura.

Mereka ada satu dasar induk dan saya fikir rakan-rakan saya yang lain juga tahu, apa yang dipanggil *Total Security*. Bukan saja mereka cuba membina ketenteraan masing-masing, tetapi kalau di Switzerland, gunung itu juga digunakan, bagaimana boleh menjaga keselamatan rakyatnya. Di Singapura yang memang kita tahu mempunyai pertahanan yang canggih dan kuat. Akan tetapi mereka juga lihat betapa air dan pasir itu penting dalam *implementing*, dalam memperkukuhkan, dalam menjayakan *Mother Policy Total Security* itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Di antara *mother policy* dengan nasional ideologi, ada perbezaan tak?

**Datuk Akhbar bin Ali:** Secara spontan saya rasa dia ada perbezaan tetapi boleh melengkapkan Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Di antara *Mother Policy* dengan *National Ideology*?

**Datuk Akhbar bin Ali:** Ya, Nasional Ideologi. Jadi, kalau kita tidak ada *mother policy* ini dan saya haraplah KeKKWA ataupun mana kementerian yang sesuai, kalau *unity* memanglah KeKKWA. Secara serius memikirkan dasar induk ini supaya kita tidak lagi bertelagah, berhubung dengan dasar-dasar yang lebih kecil, dasar pendidikan ialah lebih kecil kalau berbanding tadi dengan dasar induk.

Jadi, kalau kita lihat kekuatan Singapura, bukanlah kita nak puji dan kekuatan Switzerland yang tidak begitu besar adalah antara lain terletak pada *mother policy* ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pada pandangan Yang Berhormat, kita di Malaysia ada Nasional Ideologi atau tidak?

**Datuk Akhbar bin Ali:** Pada saya Nasional Ideologi yang satu kalau *equivalent to* pancasila yang paling dekat ialah Rukun Negara. Akan tetapi kalau nak guna perkataan nasional, kita ada *National Language Policy*, kita ada Dasar Pendidikan Kebangsaan. Akan tetapi kalau kita kata ideologi itu ialah rukun Negara, yang paling dekat kalau kita banding Indonesia, Pancasila Tuan Yang di-Pertua, dan mungkin saya salah dan mungkin kawan-kawan lain boleh perbetulkan.

Berbalik pada soalan tadi, kita segera terjun bersama-sama yang lain apabila Obama menang di Amerika Syarikat dan tentu juga kita mahu adanya Obama Malaysia. Di Amerika, Obama wujud selepas 232 tahun merdeka. Kita mungkin tidak sabar menanti 232 tahun dan kalau boleh ada yang mahu esok, ataupun melalui pilihan raya ke 13 nanti. Akan tetapi kalau kita ikut bahasa Perdana Menteri ada kemungkinan dalam masa terdekat itu kalau di Malaysia tidak mungkin tetapi kalau di Singapura sudah tegas tidak boleh. Akan tetapi di Malaysia kalau kita ada *mother policy* ini, insya-Allah. Kalau semua sudah mahu sama ada perpaduan atau *one Malaysia* yang kita terdengar ini kerana dia akan membantu ke arah itu. Jadi di sini, kalaulah kita sudah ada *mother policy*, maka apakah *Plan of Action* untuk mencapai, untuk *concretized mother policy* ini yang masih ilusif itu.

Sudah tentu salah satu daripada *Plan of Action* ialah sistem pendidikan yang memang terbukti...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang masih ilusif atau yang masih ilusi?

**Datuk Akhbar bin Ali:** Boleh jadi dua-dua Tuan Yang di-Pertua, satu ilusi, mungkin bagi saya dia satu ilusi dan kalau saya nak kejar dia masih lagi ilusif.

**Tuan Yang di-Pertua:** *It is illusive or it is an illusion?*

**Datuk Akhbar bin Ali:** Kalau soalan itu ditujukan kepada saya. Bagi orang yang tidak begitu *confident* dengan kemungkinan *concretization of this policy* dan tidak berusaha ke arah itu maka itu satu *illusion*. Akan tetapi bagi orang yang cuba mengejanya, berusaha tetapi masih belum dapat dan dia masih mengelak-elak dia satu ilusif.

Jadi di sini Tuan Yang di-Pertua, sistem *education* itu sudah tentu menjadi *an integer part of that policy* dan satu lagi sudah tentulah bahasa. Kalau kita melihat contoh di Amerika Syarikat, di Indonesia dan di Singapura. Di Singapura kita telah dengar semalam, di mana negara itu mempunyai satu sistem pendidikan. Sehubungan itu, di Indonesia yang lebih seribu pulau, beratus-ratus *ethnic group* yang menyatukan Indonesia ialah satu bahasa, bahasa Indonesia dan satu ideologi iaitu Pancasila.

Jadi contoh-contoh ini ada, mahupun begitu kita boleh juga cari contoh-contoh yang mana bahasa juga tidak boleh menyatukan perbezaan agama. Walaupun satu kaum seperti di India boleh membezakan, satu kaum dan satu *ethnic group*, satu bangsa berbeza agama pun berkelahi seperti di *Northern Island*, contoh ini ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya rasa cukup bangga di saat-saat ini, nampaknya perbahasan di Dewan Negara ini lebih tinggi mutunya daripada polemik dalam media kita, nampaknya media kita cetek juga.

**Datuk Akhbar bin Ali:** Kalau boleh diizinkan sedikit Tuan Yang di-Pertua. Jadi di sini kita terus menjurus kepada yang lebih realiti iaitu PIPP bermula 2006 hingga 2010. Di mana tadi Yang Amat Berhormat Menteri telah sebut salah satu teras daripada enam teras ialah memperkasakan sekolah kebangsaan.

## ■1500

Semalam Tuan Yang di-Pertua *eluding* kepada sekolah kebangsaan dari segi kualiti. Jadi kita sama-sama kena ikhlas bertanya, kita kena mengaku di peringkat awal Timbalan Menteri bahawa sekolah kebangsaan mungkin ada banyak masalah terutama dari segi kualiti kerana itu agaknya. Ini bukan tohmahan, ini adalah soalan-soalan yang perlu kita tanya dan dijawab dengan ikhlas kerana ditanya dengan ikhlas.

Adakah dari segi bilangan murid kalau kita ambil *indicator*, penyertaan murid bukan Melayu dalam sekolah rendah kebangsaan, pada tahun 1956 semasa saya masuk Darjah Satu ramai kawan-kawan Cina saya ada di sekolah, sekelas dengan saya tetapi mengikut statistik bilangan penyertaan kaum Cina dan kaum India di sekolah kebangsaan menurun dan sebaliknya kalau ikut kawan kita daripada Kedah tadi ramai yang Melayu pula menyertai sekolah Cina.

Kalaulah kualiti menjadi isunya maka kita kena *tackle* isu kualiti. Adakah kerana gurunya kurang berkemahiran atau kemudahan kurang cukup, prasarana di sekolah kurang cukup maka menyumbang kepada kualiti yang rendah ataupun menimbulkan persepsi, persepsi *is the devil* bahawa kerana kualiti kononnya rendah. Kemudian kita kena lihat sama ada sikap cikgu, sikap guru adalah positif atau negatif yang juga berdasarkan persepsi dilihat oleh sama ada kaum Melayu dan juga bukan Melayu.

Ketiga, kita kena lihat adakah timbul persepsi bahawa ini adalah sekolah kebangsaan tetapi nampaknya ia sudah menjadi sekolah Melayu, dia diMelayukan mengikut persepsi bukan Melayu maka mereka takut atau dia diIslamkan. Kita ada sekolah agama Islam tetapi mungkin sekolah kebangsaan ini dilihat semakin Islam maka dia menimbulkan persepsi takut kerana nanti mungkin anak mereka diIslamkan.

Ini adalah persoalan-persoalan yang perlu ditanya dan akhirnya adakah satu usaha yang secara sedar atau tidak sedar ingin melihat supaya sekolah ini gagal dan dengan itu lebih mudah memperkukuhkan hujah untuk memantapkan lagi *vernacular school*. *These are the questions I have no answer.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat telah ketengahkan satu statistik yang cukup menarik pada mula Yang Berhormat bersekolah, lebih ramai bukan Melayu masuk sekolah kebangsaan daripada sekarang. Tahun demi tahun semakin kurang bukan Melayu masuk sekolah kebangsaan maka adakah sebabnya bahasa atau kualiti.

**Datuk Akbar bin Ali:** Jadi adalah lebih elok ataupun lebih bermanfaat Kementerian Pelajaran membuat *study* ini dan kemukakan kepada Dewan ini untuk dilihat daripada meminda beberapa perkataan dalam akta ini. Pada saya, *this is very administrative*. Dia dari segi impaknya kepada masyarakat, dari segi sumbangannya kepada perpaduan negara saya tidak nampak begitu berkesan kalau banding apa yang saya lontarkan tadi. Jadi di sini saya fikir dia memerlukan *a guts*, semalam disebut *political will*. Bagaimana Abraham Lincoln dilihat, dinilai.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan kata *gut*, katalah *courage*.

**Datuk Akbar bin Ali:** Ini bahasa yang digunakan oleh Truman.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Moral courage.*

**Datuk Akbar bin Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak memetik apa yang Truman menilai Abraham Lincoln *who used* orang kata *rephrasing* dia memerlukan a *very strong moral courage*. Kenapa Lincoln dianggap sebagai pemimpin besar kerana mengikut Truman *he has the guts, he has a strong moral courage to do the right things in the face of strong opposition* nya.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Abolishing slavery is one of them.*

**Datuk Akbar bin Ali:** *And* saya rasa *they have to admit and* dalam suasana keadaan sekarang terutama di luar, di dada akhbar dan sebagainya. *I would like to conclude* memetik apa Lincoln kata. *I would like to urge and I would like to remind, we are not enemies, we are friends. Though passion may have strained, it must not break it must not break our affection.* Itu nasihat Lincoln kepada orang selatan dan orang utara pada kurun ke-19 dan saya rasa kalau ini dapat dilaksanakan *with the strong moral courage* Tuan Yang di-Pertua dengan izin, maka benarlah kata orang tua-tua, sambang penuh jala terletak, lauk kering ikan mengempas. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat di atas sumbangan. Tuan Rawisandran a/l Narayanan.

**3.05 ptg.**

**Tuan Rawisandran a/l Narayanan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan kesempatan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan untuk meminda Akta Pendidikan 1996. Saya amat mengalu-alukan pindaan ini terutama peruntukan untuk menaik taraf kesemua 27 maktab perguruan kepada Institut Pendidikan Guru atau IPG. Langkah ini bukan sahaja dapat mengeluarkan calon guru yang mempunyai ijazah tetapi juga memberi peluang kenaikan pangkat untuk pensyarah-pensyarah Institut Pendidikan Guru.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan kepada kementerian apabila memilih guru-guru bagi penempatan agar mengambil kira perkara-perkara sensitif, pecahan kaum bagi jawatan pengetua dengan menempatkan guru-guru kaum India dan Cina yang layak ditempatkan di sekolah-sekolah menengah sebagai pengetua. Jurang perbezaan perkauman amat ketara terutama bagi jawatan pengetua walaupun terdapat ramai calon bukan bumiputera yang layak.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin mendapatkan maklumat tentang kedudukan pensyarah-pensyarah kaum India yang sedia ada dalam sistem pelajaran IPTA dan juga IPTS di negara ini. Jika terdapat kekurangan dalam perjawatan ini apakah perancangan jangka pendek dan perancangan jangka panjang kementerian untuk menepati sasaran untuk memenuhi kekosongan atau kekurangan ini.

Selain daripada itu, kebanyakan guru-guru di sekolah rendah pula sedang giat meningkatkan taraf pendidikan mereka melalui beberapa kursus di universiti tempatan yang telah diiktiraf oleh kementerian. Adakah kementerian mempunyai perancangan untuk memberikan peluang kenaikan pangkat kepada guru-guru seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya juga ingin menyentuh isu kekurangan guru di SRJK(T) dan SRJK(C). Berkaitan dengan ini, saya ingin mencadangkan supaya krisis kekurangan guru terutama di SRJK(T) dan SRJK(C) perlu di atasi dengan kadar segera dan memerlukan satu kaedah yang proaktif bagi menjamin masa depan pendidik-pendidik di negara kita ini.

Isu kekurangan guru, berkaitan dengan guru in saya ingin mencadangkan krisis kekurangan guru termasuk SRJK(T) dan SRJK(C) di atasi dengan segera. Guru sandaran tidak terlatih atau GSTT telah dilantik mengisi kekosongan guru tetapi langkah ini hanya untuk menangani masalah bagi tempoh jangka masa pendek sahaja. Untuk jangka masa panjang sekolah-sekolah perlu dibekalkan dengan guru-guru terlatih dan berkecukupan.

Bagi saya terdapat masalah kekurangan guru ini perlu di atasi dengan menggunakan mekanisme yang betul menerusi perangkaan, ramalan dan perancangan yang teliti kementerian. Menerusi perangkaan dan unjuran tepat dan betul kita sewajarnya dapat meramalkan jumlah guru yang diperlukan dan dikurangkan, guru yang tidak sepatutnya berlaku.

Pada Jun 2008, sebanyak 3095 jawatan guru sandaran tidak terlatih bagi sekolah Cina diluluskan oleh kementerian. Bilangan ini agak besar. Saya tidak mempunyai angka yang tepat kepada guru sandaran Tidak Terlatih kepada sekolah Tamil. Saya minta kementerian memberi statistik ini dalam Dewan yang mulia ini. Tuan Yang di-Pertua, ada segelintir Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini berpendapat bahawa SRJK(T) dan SRJK(C) perlu dicantumkan.

■1510

Akan tetapi saya berpendapat ianya pendirian peribadi mereka. Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah membuat kenyataan terbuka iaitu sekolah-sekolah seperti ini akan dipelihara di negara ini. Maka dengan ini saya merakamkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional yang terlalu prihatin kepada sekolah SRJK(T) dan SRJK(C). Yang Amat Berhormat juga telah mengumumkan di Dewan Rakyat baru-baru ini bahawa akan menyediakan peruntukan lebih RM50 juta untuk mengubahsuaikan atau membina semula sekolah baru Tamil di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengatasi masalah kekurangan guru untuk jangka masa panjang, saya mencadangkan supaya Kementerian Pelajaran menyerapkan guru sandaran tidak terlatih ini kepada jawatan tetap dengan menghantar guru-guru mengikuti kursus dalam perkhidmatan. Kami menyambut baik keputusan Menteri Pelajaran untuk menambah bilangan tempat kursus dalam cuti daripada 200 kepada 300 dalam tahun ini bahkan angka ini perlulah dinaikkan dan kursus ini perlulah diadakan setiap tahun. Melalui langkah ini, dijangka dapat menyelesaikan masalah kekurangan guru di SRJK(T), tambahan pula pada kuota pengambilan

guru sandaran tidak terlatih tidak terlatih bukan siswazah dari sekolah Tamil untuk mengikuti kursus dalam cuti pun disambut baik oleh masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, selain kekurangan guru, didapati bahawa jawatan guru besar di SRJK(T) juga tidak diisi untuk sekian lama. Untuk memastikan sesebuah sekolah ini aktif, peranan guru besar merupakan antara faktor utama yang akan menentukan kejayaan dan kecemerlangan sesebuah sekolah. Guru Besar yang berkesan mampu mengubah keadaan sesebuah sekolah menjadi cemerlang. Segala perubahan yang sentiasa berlaku khususnya dalam pendidikan negara kita memerlukan para guru besar bersedia untuk berubah untuk menerima cabaran-cabaran baru ini di peringkat akar umbi iaitu agar kualiti dan kecemerlangan pendidikan yang menyeluruh dapat dicapai dengan berkesan. Saya ingin bertanyakan Kementerian Pelajaran mengapa jawatan guru besar di SRJK(T) masih tidak diisi. Adakah tidak ada calon-calon yang layak untuk mengisi jawatan ini? Selain daripada ini, saya juga ingin tahu apakah sebabnya sekolah-sekolah terutama SRJK(T) dan SRJK(C) sentiasa mengalami masalah sedemikian. Dengan kata-kata ini, saya mohon menyokong pindaan ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Puan Hajah Mumtaz, kemudian Tuan Lee.

**3.13 ptg.**

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk sama-sama membahaskan rang undang-undang untuk meminda Akta Pendidikan 1996.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita telah dengar pandangan-pandangan senator-senator Barisan Nasional, tadi kita dengar pandangan senator Parti Keadilan Rakyat dan sekarang kita nak dengar pula pandangan-pandangan senator dari negeri Kelantan, senator dari Parti PAS.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang pertama sekali saya ingin merakamkan ucapan takziah kepada Kementerian Pelajaran kerana kehilangan pemimpin besar iaitu Timbalan Menteri Pelajaran yang bagi saya begitu pakar dalam soal-soal pelajaran dan kita mengharapkan sekiranya akan diganti, dapatlah diganti dengan orang yang walaupun mungkin tak sama tapi sekurang-kurangnya seimbang dengan yang telah pun pergi.

Seterusnya berkaitan dengan Akta Pendidikan 1996 ini, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian berhubung dengan matlamat yang akan dicapai oleh IPG iaitu institusi perguruan negara kita ini. Adakah ia mempunyai satu *target* sebagaimana IPT iaitu ingin mencapai kalau IPT dia ada APEX, untuk IPG ini ada tak sebarang ranking yang kita akan kejar untuk kita jadikan sasaran untuk kerajaan bertindak bila mana kita mengubah nama daripada maktab kepada institusi pendidikan guru ini. Itu yang pertama.

Seterusnya yang kedua, berkaitan dengan Maktab Perguruan Pendidikan Perempuan Melayu Durian Tunggal yang saya rasa merupakan satu keunikan yang dimiliki kerana hanya mengkhususkan pelatih perempuan sahaja di situ. Saya ingin bertanya apakah kerajaan membuat satu kajian implikasi fenomena pendidik wanita lebih ramai berbanding dengan

pendidik lelaki terhadap keseimbangan sahshiah pelajar di negara kita. Sekiranya perkara ini ada dibuat kajian, saya mohon untuk pihak kementerian menyatakan apakah laporan daripada kajian tersebut. Yang seterusnya berkaitan dengan akta ini di bawah seksyen 9A(2) yang mengatakan bahawa walaupun pindaan ini dibuat kepada nama institusi ini, ianya tidak menyentuh apa-apa kuasa yang melibatkan pentadbiran pihak pendaftar iaitu tidak boleh menyentuh apa-apa kuasa hak keistimewaan, kewajipan dan obligasi.

Saya ingin tahu apakah rasionalnya bila kita membuat satu penjenamaan semula, satu kenaikan daripada maktab kepada institusi pendidikan guru dengan kita tidak mengubah langsung daripada segi hak ataupun keistimewaan ataupun tanggungjawab yang perlu dipegang oleh sama ada ketua pendaftar ataupun siapa-siapa sahaja yang baru dilantik berdasarkan kepada akta yang baru kita pinda. Seterusnya, berkaitan dengan perbezaan yang saya ingin ketahui daripada pihak Kementerian Pelajaran berkenaan dengan penghasilan ataupun kualiti pendidik yang dilahirkan daripada IPG berbanding dengan pendidik yang dilahirkan daripada IPT khususnya yang menawarkan *courses* ataupun kursus-kursus pendidikan. Ini kerana kita melihat di IPG, mereka dah terdidik daripada awal lagi berniat untuk menjadi guru sedangkan yang baru dilantik ataupun yang mengambil KPLI, mereka ini baru sahaja menukar nawaitu mereka daripada kerja lain kepada kerja guru.

Sekiranya perkara ini belum dibuat kajian, saya minta pihak kementerian membuat kajian kerana kita melihat perkara ini mungkin memberi impak yang cukup besar kepada proses, bukan proses pengajaran tapi proses pendidikan kerana kita percaya proses pengajaran, mereka ini adalah orang yang berijazah, mereka mampu mengajar. Akan tetapi daripada segi mendidik, adakah orang-orang ini berjaya untuk mendidik dan kita melihat prestasi yang telah dikemukakan oleh guru-guru yang tersebut. Seterusnya berkaitan dengan undang-undang bilamana kita menukar nama daripada maktab kepada institusi pendidikan guru, apakah undang-undang yang terpakai ke atas institusi ini? Adakah AUKU akan dipakai kepada institusi pendidikan ini kerana AUKU ini terlibat untuk IPT. Jadi IPG ini adakah dia akan mengguna pakai AUKU? Sekiranya AUKU ini diguna pakai, adakah kerajaan bercadang untuk menggubal mana-mana dasar yang sesuai agar guru-guru yang kita lahirkan ini mampu menjadi pemimpin di masa hadapan kerana mereka akan mencorakkan pemimpin-pemimpin kecil di sekolah mereka.

Jadi sekiranya mereka ini tidak dibenarkan berpolitik, bagaimana cara pihak kementerian memastikan keseriusan daripada segi memahami struktur pentadbiran negara ini difahami sebaik-baiknya oleh guru. Yang seterusnya berkaitan dengan cabaran pendidik agama di sekolah. Pagi tadi kita mendengar jawapan daripada Menteri Pelajaran bahawa kita mengalami kekurangan guru agama yang serius. Jadi kita memahami bahawa cabaran pendidikan agama ini memang sememangnya diletakkan ke bahu guru agama sedangkan yang kita fahami daripada guru agama ini, mereka juga mempunyai *syllabus* dan jam kredit yang terhad yang perlu mereka habiskan dalam masa mereka mengajar. Oleh yang demikian, kerana perkara agama ini

bukanlah perkara pengajaran semata-mata tetapi perkara pendidikan. Bagaimana pihak kementerian mengatasi masalah ini kerana kita mengharapkan yang kita lahirkan adalah generasi minda kelas pertama, mindanya kelas pertama, akhlaknya juga kelas pertama. Jadi kita bimbang kalau kita hanya boleh melahirkan generasi yang hanya mindanya kelas pertama tapi tiada akhlak kerana tidak ada guru yang boleh memantau ataupun bersepadu untuk memantau pendidikan akhlak kepada anak-anak murid.

Saya juga ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan agar menubuhkan lebih banyak SMKA di seluruh negara bagi menampung keperluan kepada pendidik ataupun guru agama yang seimbang di seluruh negara. Saya mengucapkan terima kasih kerana saat ini pihak Kementerian Pelajaran masih lagi memegang janji dengan Kerajaan Kelantan yang telah pun membenarkan 20 buah sekolah diambil alih oleh kerajaan untuk menjadi juga sebagai satu sumber bekalan guru-guru agama kepada kerajaan. Sekiranya perkara ini dapat dibuat dengan cara lebih baik, insya-Allah bekalan guru-guru ini dapat ditangani dengan sebaik-baiknya. Seterusnya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya terdengar perbincangan Yang Berhormat mengenai dikotomi minda dan akhlak. Adakah ianya mutlak atau ada *loop feedback* di antara minda dan akhlak?

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw:** Dalam konteks ini saya suka untuk merujuk...

**Tuan Yang di-Pertua:** Walaupun adakah dikotomi itu mutlak?

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw:** Terima kasih. Kalau dulu kita mungkin menyatakan bahawa bila orang itu pandai dengan sendirinya mereka beradab tapi kesan yang kita lihat akhir-akhir ini kita nampak tak semestinya orang pandai itu mereka akan jadi anak yang bersopan santun, mahupun pelajar yang tahu menghormati guru. Ini perkara yang bagi saya cukup-cukup menyedihkan yang perlu kita atasi di dalam mana kita membincangkan tentang Akta Pendidikan dalam negara kita.

#### ■1520

Begitu juga saya ingin bertanya kepada pihak kementerian berhubung dengan penawaran kursus-kursus baru di semua IPG yang akan diperkenalkan. Adakah pihak kementerian mempunyai kuota jumlah paling minimum pelatih yang akan diambil atau maksimum untuk mengikuti mana-mana kursus dan bilakah pemantauan ataupun pengemaskinian *syllabus* pengajaran guru ini dibuat.

Saya juga ingin bertanya adakah negara kita ini mempunyai mana-mana pelajar perguruan di dalam negara kita yang berasal daripada luar negara? Adakah pihak kerajaan bersedia dengan peningkatan prestasi IPG ini untuk menerima pelajar-pelajar daripada luar negara untuk belajar di IPG-IPG di negara kita. Adakah kita juga menghantar guru-guru untuk belajar di luar negara khususnya untuk ijazah pertama mereka? Berkaitan dengan persediaan fiskal untuk guru-guru dan juga untuk maktab ini, saya melihat dalam akta yang dibentangkan dikatakan tidak akan ada sebarang penambahan kos. Jadi kita agak hairan bagaimana kita ingin meningkatkan prestasi maktab-maktab ini tanpa kita tambah ataupun kita berikan satu

peruntukan yang sewajarnya bagi semua maktab ataupun IPG-IPG ini boleh berfungsi selaras dengan *rebranding* yang telah pun diberikan kepada pihak IPG-IPG ini.

Saya juga dalam minggu lepas teruja bila melihat Kerajaan Negeri Terengganu bercadang untuk memberikan *laptop* kepada semua pelajar di Terengganu untuk mengatasi masalah beg gelas yang berat. Jadi kalau tadi kita mendengar bagaimana dalam masalah pendidikan Sains dan Matematik, banyak komputer yang tidak digunakan ataupun disimpan dalam stor, adakah kerajaan memikirkan bagaimana cara agar semua pendidik seharusnya dapat dibekalkan dengan kemudahan *laptop* ini bukan hanya terhad kepada guru-guru Sains dan Matematik dan mungkin penggunaan ini adalah terhad di kawasan sekolah sahaja. Kerana kita melihat untuk isu-isu berkaitan dengan pendidikan agama pun, sebenarnya kalau kita boleh melayari internet, mendapat pendidikan melalui siber ini, sudah tentu masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar kita ini dapat diatasi dengan lebih baik kerana ini merupakan zaman mereka, zaman siber.

Begitu juga dengan polisi. Tadi saya bersetuju dengan pandangan yang dikemukakan oleh Senator Akbar Ali, berkaitan dengan *mother policy* ataupun kajian polisi dan *syllabus* pendidikan negara. Kita ingin melihat bagaimana negara kita akan memacu pertumbuhan pendidikan. Sebagai contohnya dalam kes-kes yang melibatkan J-QAF, kita meletakkan untuk peringkat fardu Ain, untuk peringkat sekolah rendah. Pelajar-pelajar ini mesti memahami sepatutnya ibadah asas untuk seorang Muslim itu dibereskan di peringkat sekolah rendah. Mana mungkin kita menghadapi pelajar-pelajar di sekolah menengah yang tidak tahu membaca Al-Quran, kerana sepatutnya penekanan yang diberikan kepada Kementerian Pelajaran bukan hanya 3M.

Mereka tahu membaca tetapi untuk pelajar Islam, mereka sepatutnya mempunyai satu skala ataupun satu piawaian yang tertentu agar mereka ini kita boleh berikan kelebihan ataupun *upgrade* dari segi pendidikan. Bila di sekolah menengah, mereka tidak lagi diajar berwuduk kerana perkataan berwuduk ini haruslah difahami di peringkat sekolah rendah. Begitu juga dengan hala tuju bila mana negara kita membatalkan dulu tulisan jawi. Bagaimana hari ini kesan yang kita lihat berlaku kepupusan ataupun pelajar-pelajar kita sekarang mengalami masalah buta Al-Quran.

Jadi perkara ini juga harus diberikan satu perkara yang selari supaya apabila kita merancang untuk kepentingan pendidikan di sekolah menengah, dipandu daripada sekolah menengah. Maknanya *blueprint* itu mesti diperhatikan dengan cara yang betul dan saya rasa dalam keadaan sekarang, bila mana kita meletakkan agama hanya cukup lulus atau gagal, ini akan menyebabkan ibu bapa sama ada dia Islam ataupun bukan Islam memandang sudut akhlak dan moral ini sebagai perkara sampingan yang hanya cuma perlu tahu lulus atau tidak. Sedangkan yang kita harapkan daripada anak bukan hanya mereka ini pandai tetapi mereka ini berakhlak.

Seterusnya saya juga ingin mencadangkan daripada pihak kementerian...

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Yang Berhormat minta laluan. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan guru-guru ataupun j-QAF ini. Kita tengok hari ini Kementerian Pelajaran Malaysia sering mengatakan bahawa kekurangan guru-guru j-QAF yang mana sekarang kita lihat calon-calon yang ingin dipilih adalah terdiri daripada yang memiliki ijazah, yang mana ada latar belakangnya daripada pengajian Islam ataupun bahasa Arab. Dan kita nampak pemilik ijazah ini begitu berkurangan, calon-calon ini tidak terdapat di negara kita. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya, kita beri peluang kepada calon-calon ataupun yang lepas SPM ataupun diploma yang ada kelulusan daripada pengajian Islam dan bahasa Arab, mereka diberi peluang untuk mengikuti kursus-kursus sebagai guru j-QAF. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi:** Saya rasa ini merupakan cadangan yang amat baik Tuan Yang di-Pertua sebab ini boleh mengatasi masalah. Kerana kita percaya agama ini bukan hanya kita pelajari tapi kita amati. Sekiranya guru-guru ini boleh kita latih kerana mereka telah mempunyai asas-asas pendidikan agama ini, kemungkinan kita akan mempunyai guru-guru agama lebih ramai. Cuma mungkin untuk guru-guru tersebut, satu kursus yang lebih intensif perlu kita adakan kerana mereka ini banyak kekurangan dari segi subjek-subjek berkaitan agama yang lain.

Seterusnya berkaitan dengan cabaran yang lebih besar yang perlu ditangani oleh guru-guru pada masa hadapan. Sekarang ini di negara Dubai, pelajar-pelajar di bawah seliaan Lootah Group telah berjaya melahirkan, guru-guru mereka telah berjaya melahirkan jurutera di umur 15 tahun. Bagaimanakah kerajaan kita boleh memberikan satu fenomena yang sama kepada guru-guru melahirkan pelajar yang menjadi *engineer* ataupun jurutera pada umur mereka 15 tahun. Kerana sekarang kita menganggap bahawa proses ini mesti bermula dengan sedikit demi sedikit. Adakah kita mempunyai satu mekanisme untuk mengenal pasti sedemikian-sedemikian pelajar yang boleh menjadi ataupun menyaingi penduduk-penduduk di negara lain khususnya dalam isu pendidikan.

Berkaitan juga dengan akhlak tadi, saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian sekiranya belum ada iaitu bentuk-bentuk ujian personaliti yang perlu dikenal pasti di peringkat IPG untuk memastikan guru-guru yang kita lahirkan, mereka ini bukan hanya lulus peperiksaan, tetapi lulus juga ujian personaliti secara intensif. Kerana kita melihat ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat merupakan seorang peguam ya?

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi:** Ya, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Mengenai hujah Yang Berhormat tadi, jurutera ketika berumur 15 tahun, pada kefahaman sayalah, seseorang profesional itu sama ada jurutera atau peguam atau pengamal perubatan, selain daripada ilmu dan keterampilan, *skill* juga ada soal *judgment*. Sebagai peguam dengan segala ilmu, segala keterampilan, umur 15 soal *judgment* itu saya

khuatirlah kalau nak ambil dia sebagai *lawyer* saya. Begitu juga sebagai *engineer* dengan segala ilmu yang ada dan segala *skill* dan keterampilan yang ada, kerana soal *judgment* itu saya pun ragu hendak suruh dia buat rumah saya. Jadi itulah, kalau Yang Berhormat sarankan kita itu menjadi matlamat dasar pendidikan kita, kita kena fikir soal *judgment* ini juga. Terima kasih.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw:** Saya bercakap soal ini Tuan Yang di-Pertua sebenarnya.. terima kasih atas isu yang dikemukakan oleh Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya melihat balik kepada sejarah Islam di mana dalam peringkat sirah Islam, Ali berada di tempat Nabi menggantikan semasa hijrah Nabi ke Madinah itu, Ali menggantikan tempat Rasulullah itu umurnya 15 tahun. Usamah juga menjadi jeneral untuk peperangan yang besar semasa usianya 19 tahun kerana Islam mengiktiraf bahawa apabila seseorang anak itu yang telah mencapai umur taklif, iaitu umur 12 tahun sekiranya mereka bermimpi bagi lelaki atau perempuan sekiranya mereka datang haid. Mereka telah mampu memikul tanggungjawab sendiri.

Jadi dalam konteks ini, kita mungkin melihat apa yang dilaksanakan oleh Lootah Group ini bukanlah mereka menjadi *engineer* secara berseorangan, mungkin mereka ini akan ada pemantau sehingga usia mereka 25 tahun. Akan tetapi sekurang-kurangnya kita memberikan keyakinan kepada anak-anak kita bahawa pendidikan mesti bermula daripada kecil, persediaan untuk menjadi sebagai contohnya Imam Ghazali, Imam Shafie, mereka ini pada usia 7 tahun mereka telah menjadi Hafiz. Jadi dalam konteks ini kita sepatutnya melihat kepada kebolehan yang ada pada anak-anak kita untuk kita berfikir, bahawa mereka ini mungkin walaupun tidak semua, ada anak-anak yang berpotensi untuk menjadi orang-orang yang muktabar seperti ini.

Kita melihat juga kes seperti Imam Annawi, semuanya mereka ini adalah orang-orang yang muncul sebagai ulama di usia mereka 20 tahun. Jadi dalam keadaan ini sepatutnya dengan kemudahan internet ini, kita membuka satu lagi minda guru bahawa kita kena bersedia untuk menghadapi saat kanak-kanak sebegini akan muncul dan mereka ini perlu dipandu. Oleh sebab itu, kita menekankan adab, walaupun mereka ini mungkin menjadi jurutera, mereka mungkin menjadi peguam, mereka mungkin menjadi penasihat. Kisah Hang Nadim dengan raja di Singapura, bagaimana Hang Nadim yang kecil boleh menasihati raja di Singapura juga menjadi iktibar kepada kita kerana mereka ini perlu kita berikan asuhan adab.

■1530

Menghormati orang yang lebih berpengalaman kerana ada perkara yang boleh kita pelajari tetapi pengalaman tidak boleh kita pelajari melainkan diberi secara rela dan restu oleh orang yang mengajar kita. Oleh yang demikian, dalam kes ini apabila menyebut tentang Akta Pendidikan ini, saya ingin menyarankan kepada pihak kerajaan agar mengubah sistem sambutan terhadap Hari Guru, kemungkinan Hari Guru ini perlu kita manfaatkan supaya pelajar-pelajar dan guru-guru menyedari bahawa proses penerimaan dan pemberian ilmu ini merupakan proses ibadah. Mereka perlu menghormati guru, mereka perlu mendapat restu daripada guru kerana

keberkatan ini sebenarnya kunci kepada mereka untuk mereka mendapat ilmu-ilmu yang bermanfaat pada masa hadapan dan saya juga mencadangkan kepada pihak kementerian agar mewujudkan laman-laman web yang mengandungi maklumat guru-guru dan pelajar di semua sekolah agar pelajar-pelajar ini boleh akses atau boleh lagi menghubungi guru apabila mana mereka tamat pengajian kerana kita lihat sekarang ini kita akan kehilangan guru sebaik sahaja tamat peperiksaan SPM ataupun kita akan kehilangan guru sebaik sahaja kita tamat pendidikan universiti.

Sedangkan untuk kita menjadi orang yang lebih baik, kita sentiasa perlu berhubung dengan guru kerana guru ini kita harapkan menjadi pakar rujuk kita dari segi pendidikan. Saya juga ingin mencadangkan kepada pihak kementerian, saya mungkin tidak tahu sama ada benda ini ada dalam pendidikan ataupun tidak, tetapi dari segi penglibatan ibu bapa dilibatkan di dalam Akta Pendidikan sebab di negara-negara lain, kita melihat bagaimana ibu bapa ini memainkan peranan yang cukup penting. Di negara kita, kita mempunyai PIBG tetapi penglibatan PIBG yang kita lihat dalam negara kita ini mungkin asasnya lebih kecil, ataupun mungkin tidak berapa efektif.

Kemungkinan adalah lebih baik kalau kita masukkan juga dalam akta ini berkaitan dengan penglibatan wajib ibu bapa untuk pendidikan. Sebagai contohnya bila mana kerajaan ingin merancang mana-mana polisi, kerajaan sepatutnya membuat satu kaji selidik tentang apakah kesan perubahan polisi itu kepada pendidikan ibu bapa dan anak-anak mereka di rumah. Kerana kita melihat sebagai contohnya cuti dua hari seminggu, bagaimana perkara ini berimpak kepada pendidikan anak-anak sekiranya perkara ini tidak dipantau dengan baik oleh kerajaan yang telah melaksanakan beberapa polisi, kita akan melihat bahawa mungkin dua hari ini boleh dijadikan cuti santai tanpa mereka memanfaatkan kualiti pendidikan kepada anak-anak sedangkan kita mengetahui bahawa tidak cukup pelajaran hanya di sekolah, bagaimana pihak kerajaan boleh memastikan penglibatan ibu bapa ini menjadi sebahagian daripada dasar pendidikan yang ingin kita jana dalam negara.

Saya juga tertarik dengan isu yang dikemukakan oleh beberapa rakan senator dalam Dewan yang mulia ini berhubung dengan apakah sistem yang perlu kita pilih, sistem ataupun dasar. Kita melihat hari ini kita tidak menafikan bahawa sistem yang diajar di sekolah Cina nampaknya lebih baik berbanding dengan sekolah-sekolah lain. Jadi di sini kita minta kalaulah guru-guru yang dihantar mengajar di sekolah Cina berasal dari IPG, kenapa kesan mereka menjadi lain? Daripada IPG ke sekolah Cina, daripada IPG ke sekolah Tamil, daripada IPG ke sekolah kebangsaan, kenapa kita mempunyai tiga jenis guru yang berlainan. Kerana mungkin mereka menganggap bahawa IPG ini merupakan penamat kepada pendidikan mereka.

Sedangkan mereka perlu diperingatkan bahawa di IPG itu permulaan untuk mereka mengetahui sistem yang lebih baik dan sekolahlah tempat mereka menunjukkan segala disiplin ini dan kita mohon sekiranya perkara ini memang berasaskan daripada disiplin dan mutu yang tinggi di sekolah-sekolah Cina, sepatutnya dibuat pembentangan secara peringkat kebangsaan untuk

kita kaji apakah perkara-perkara yang ada ataupun sikap yang wujud di sekolah Cina yang tidak ada di sekolah kebangsaan yang boleh ditiru oleh sekolah-sekolah lain kerana kita mengharapkan mutu yang dilahirkan oleh mereka ini adalah mutu yang sama. Seterusnya yang terakhir, saya juga ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan berkenaan dengan kajian, berkenaan dengan solat.

Kalau dibuat kajian, didapati kajian sebelum ini bahawa kebanyakan 90% daripada penghuni serenti yang ada di seluruh negara kebanyakannya mereka itu Islam, mereka ini tuang solat. Jadi kita mohon dalam membincangkan soal-soal pendidikan ini untuk pelajar-pelajar Muslim, masalah solat ini dikenal pasti dengan cara yang baik kerana ini merupakan penentu ataupun asas kepada akhlak mereka kerana kalau sekiranya mereka ini orang yang sembahyang, kemungkinan untuk mereka membuat jahat itu rendah berbanding dengan orang yang meninggalkan sembahyang kerana mereka tidak memahami apakah konsep yang dilahirkan daripada sembahyang. Dan yang terakhir saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan berkaitan dengan Akta Pendidikan ini, apakah kesan program *zero defect* yang telah dilancarkan pada awal 90an dan perbezaan yang dikenal pasti yang ada dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan yang baru dilancarkan oleh kerajaan. Sekiranya ada, saya mohon untuk dikemukakan kepada Dewan ini. Saya dengan demikian, turut menyokong, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Lee Chee Keong, kemudian saya minta pihak Kementerian Pelajaran sedia untuk menjawab dan menggulung.

**3.36 ptg.**

**Tuan Lee Chee Keong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang telah diberikan kepada saya untuk sama-sama mengambil bahagian dalam perbahasan meminda Akta Pendidikan 1996.

**Tuan Yang di-Pertua:** Puan Heng Seai Kie hendak cakap?

**Tuan Lee Chee Keong:** Setelah banyak kita dengar pandangan-pandangan Yang Berhormat sekalian dan semalam saya membuat lontaran tiga kali kepada Datuk Wira Syed Ali. Hari ini juga saya akan buat tiga kali lontaran kepada Kementerian Pelajaran. Sebelum itu marilah kita mengimbas kembali sedikit sejarah perkembangan pendidikan guru di Malaysia. Kita bermula daripada zaman pra-merdeka. Saya masih ingat pada zaman itu, guru-guru di sekolah yang bertugas di sekolah-sekolah Melayu setakat darjah tiga di kampung-kampung datangnya dari Indonesia. Begitu juga guru-guru sekolah Cina datangnya dari negara China. Guru sekolah Tamil datangnya dari India dan sebagainya. Maka selepas merdeka muncullah pusat-pusat latihan guru yang kita beri nama DTC dan MTC. DTC itu *Day Training Center*, MTC itu *Malayan Training Center* yang berjaya melatih kumpulan pertama guru....

**Tuan Yang di-Pertua:** *Malayan Teacher's College.*

**Tuan Lee Chee Keong:** *Malayan Teacher's College.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang melatih guru-guru kita yang bertugas kalau DTC itu di sekolah rendah, kalau MTC itu

sekolah menengah, itu zaman selepas kemerdekaan. Guru-guru pelatih di MTC dan DTC itu cuma menerima elaun bulanan RM45 sebulan dan selepas tamat, *graduate*, dia akan dapat sijil. Selepas itu semua MTC dan DTC itu ditukar pula jadi Maktab Perguruan, itu dalam tahun 70an dan 80 an.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dan ada pula LI.

**Tuan Lee Chee Keong:** LI, *Language Institute*. Jadi maktab perguruan pada masa itu lebih kurang 20 buah pelatih menerima lebih kurang 150, meningkatlah daripada 45 sebab DTC itu namanya duit tidak cukup, MTC itu *money* tidak cukup maka meningkatlah ke 150. Menjelang apabila tamat pendidikan di maktab-maktab perguruan, mereka menerima Diploma Pendidikan. Saya nampak mulai tahun lepas, sebelum akta ini dipinda di luluskan di Parlimen ke maktab-maktab perguruan telah pun menggunakan nama Institut Pendidikan mulai tahun lepas. Maka mahu tidak mahu kita kena luluslah di sini. Kita lihat...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebab apa mahu tidak mahu kita kena lulus?

**Tuan Lee Chee Keong:** Sebab sudah pakai pun.

**Tuan Yang di-Pertua:** Hendak menghalalkan apa yang...

**Tuan Lee Chee Keong:** Menghalalkan apa yang telah berlaku... [*Bunyi loceng dari Dewan Rakyat*] Maka graduan-graduan...bakar itu!

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak cukup kuorum...

**Tuan Lee Chee Keong:** Panggil...

**Tuan Yang di-Pertua:** Di Dewan ini tidak berlaku, teruskan... [*Ketawa*]

**Tuan Lee Chee Keong:** Maka graduan-graduan di maktab-maktab atau institut-institut pendidikan ini diberi sijil yang kita panggil Sarjana Muda. Itulah sedikit...

**Tuan Yang di-Pertua:** Atau kerana kurang tepat, bukan sahaja tidak cukup kuorum mungkin Belah Bahagian, *division*.

**Tuan Lee Chee Keong:** Tidak apalah, kita boleh teruskan Tuan Yang di-Pertua. Maka pada saya imbasan kembali kepada sejarah ini adalah penting untuk sama-sama kita lihat sama ada kita mahu tidak kita luluskan pindaan Akta Pendidikan ini. Pada saya sendiri, saya sokong. Sebab saya pernah jadi pelatih maktab.

#### ■1540

Saya kembali kepada maktab yang sama menjadi pensyarah selepas 10 tahun. Jadi, saya kira saya lah yang paling layak untuk berbahas dan juga untuk membantu meluluskan pindaan pendidikan ini. Tuan Yang di-Pertua,...

**Tuan Yang di-Pertua:** Nasib baik jadi Senator, kalau tidak jadi Senator, tidak layak juga.

**Tuan Lee Chee Keong:** ...[*Ketawa*] Tidak layak lah. Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat sekalian, saya sudah cakap saya hendak lontar tiga kali juga. Lontaran saya yang pertama, saya lihat pada kuantiti guru yang ada sekarang. Saya lihat tahun demi tahun, masalah yang sama timbul, guru tidak cukup. Akan tetapi, saya tengok sebahagian guru misalnya guru

Bahasa Malaysia bertambah, berlari di tepi jalan tunggu. Saya tahu juga ada sekumpulan guru telah graduan, tunggu di rumah berbulan-bulan untuk *appointment* pelantikan menjadi guru. Guru yang telah terlatih melanjutkan pelajaran, kemudian tidak dilantik semula. Mereka menunggu berbulan-bulan di rumah.

Jadi, dari segi kuantiti guru ini, saya salahkan Bahagian Pendidikan Guru. BPG tidak merancang dengan teliti. Guru yang melanjutkan pelajaran ke universiti dibuat sewenang-wenangnya. Guru yang dilatih yang tidak mengikut keperluan semasa itu dibuat juga tahun demi tahun. Maka, kita nampak yang memerlukan tidak dapat, yang tidak perlu berlambak di tepi jalan. Jadi, kalau kita kaji dari segi kuantiti guru ini saya salahkan Bahagian Pendidikan Guru dan Bahagian Sekolah. Maka, saya berharap, Kementerian Pelajaran tengok baliklah, kaji balik perancangan kita, *projection* kita, dengan izin. Dalam masa lima tahun, dalam masa 10 tahun, berapa ribu lagi kita perlu guru subjek sejarah kah, guru subjek bahasa Inggeris kah dan sebagainya. Dengan perancangan yang teliti ini maka barulah kita dapat mengatasi masalah kuantiti guru yang tidak mencukupi bagi sesetengah pelajaran, sesetengah sekolah. Itu lontaran yang pertama.

Lontaran yang kedua, saya lihat dan saya dengar tadi ada Yang Berhormat mengatakan bahawa mutu pendidikan kita di sekolah kebangsaan tidak begitu memuaskan. Saya setuju, saya tidak pernah mengajar di sekolah Cina, saya mengajar di sekolah kebangsaan. Pada pakar-pakar pendidikan, golongan guru ini boleh kita bahagikan kepada tiga kumpulan iaitu kumpulan yang *born teachers*, kumpulan yang *trainable*, boleh dilatih dan yang ketiga, kumpulan *dead wood*, kayu mati. Saya tengok hari ini, guru-guru yang muda masih *trainable* dan dikatakan *born teacher*, *sorry* tidak ramai. Dua, tiga ekor sahaja.

Yang dikatakan *dead wood* ini adalah guru-guru yang telah lama mengajar, yang tidak mahu menerima input baru, yang tidak mahu mengikuti kursus-kursus baru, yang menolak segala cadangan baru, falsafah baru dalam pendidikan, pendekatan baru dalam pendidikan. Kumpulan guru ini dianggap sebagai *dead wood*. Jadi, saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian. Kalau guru-guru kumpulan *dead wood* ini yang merosakkan, yang menjadi nila setitik itu, kita ketepikan. Kita nasihatkan supaya dia berpencen. Kita jangan kasi dia bertugas sampai umur 58 tahun sebab nila ini akan merosakkan susu sebelanga.

Yang *trainable* itu kita beri peluang. Saya rasa sekumpulan guru yang tidak berminat dalam profesion keguruan ini adalah disebabkan semata-mata kerana peluang naik pangkat tiada, sebab kumpulan guru ini terlalu besar. Jawatan guru besar atau jawatan pengetua tidak mencukupi. Pengetua-pengetua yang saya anggap sebagai *dead wood* ini selalunya saya panggil mereka ini penyu tua bukan pengetua.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Kementerian Pelajaran harus menelitilah masalah ini iaitu kualiti guru yang bertugas. Yang masih dianggap sebagai *dead wood* ini, minta jasa baik kita ketepikan. Kalau kita mementingkan masa depan anak-anak muda kita, kalau kita mahu

meningkatkan mutu pendidikan di sekolah-sekolah kita, maka kumpulan guru yang dianggap *dead wood* ini minta diketepikan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Macam mana mekanisme dan parameter kita hendak pastikan *born teachers, trainable and dead wood*.

**Tuan Lee Che Keong:** Tuan Yang di-Pertua, *born teachers* ini macam dia ada bakatlah, cara dia cakap, cara dia layan anak murid, cara dia merancang pengajaran, pembelajarannya. Macam Dato' Samsiah lah bekas cikgu. Jadi, *born teacher* memang dia punya gaya ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Bermakna kena lalu satu proses temu duga yang intensif?

**Tuan Lee Che Keong:** Yes. Sebelum dia masuk maktab, dia kena melalui satu proses. Proses yang agak panjang juga. Yang pertama mereka harus menghadiri satu temu duga. Temu duga yang dipanggil Malaysian Teachers Selection Test (MTST). Kedua, ujian Bahasa Inggeris mesti lulus. Ketiga ada satu inventori sahshiah guru. Semasa *interview* dia kena beri markah untuk penilaian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Maknanya kita adalah parameter itu dengan saintifik?

**Tuan Lee Che Keong:** Ada. Akan tetapi, adakah penemu duga kita membuat kerjanya dengan serius. Pemilihan itu, proses pemilihan itu. Atau sesetengah guru masa pemilihan dia baik. Saya sudah cakap tadi selepas mengajar 10 tahun, 20 tahun. Daripada *trainable* dia jadi *wood*. Itulah kumpulan guru yang saya katakan tidak boleh kita harapkan bersama-sama meningkat mutu pendidikan di negara kita.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat.

**Tuan Khoo Soo Seang:** Tuan Yang di-Pertua, boleh ganggu sedikit? Ini cadangan saya. Mungkin sistem temu duga kita tidak berapa sesuai untuk perguruan. Oleh kerana sekarang kita gunakan sistem temu duga yang sama dengan kerjaya yang lain. Kita menyoal, dan mereka jawab. Jadi, tadi Yang Berhormat Lee sebut tentang cikgu yang berbakat dan sebagainya. Kita tidak akan nampak dengan cara temu duga itu tetapi sebaliknya saya cadangkan kalau kita misalnya minta cikgu itu ajar di dalam kelas.

Tadi, Yang Berhormat Lee sebut tentang cikgu yang berbakat, misalnya ada GSTT yang tidak pernah dapat latihan. Mereka masuk kelas, mereka boleh ajar dengan sangat berkesan tetapi, ada cikgu yang sudah selepas tiga tahun latihan dia masuk ke kelas tidak boleh kontrol, dia tidak boleh kawal disiplin kelas. Ini perbezaan yang paling ketara. Jadi, saya percaya kalau kita mungkin ubah suai cara temu duga kita, yang mereka masuk kelas, yang mereka ajar satu waktu, saya percaya kita akan kesan dengan lebih baik sekali mereka ini cikgu yang berbakat atau ini yang tidak mungkin menjadi cikgu yang baik. Sekian, terima kasih.

**Tuan Lee Chee Keong:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya bersetuju. Ada orang itu temu duga esok, kita beri peluang kepada bakal *student* kita ini buat satu demonstrasi, mengajar satu kelas. Barulah kita nampak bakat dia. Kadang-kadang bakat itu tidak boleh dilatih, dia

memang ada pada kita. Para senator kita tidak pernah jadi senator dahulu. Datang ke Dewan ini boleh jadi senator yang baik. Itu bakat kita. Setuju tidak?

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya sahaja yang boleh tanya soalan itu... [Ketawa]

**Tuan Lee Che Keong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin:** Mohon laluan.

**Tuan Lee Che Keong:** Ya.

**Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih tuan Yang di-Pertua. Tadi, yang terhormat ada menyebut bahawa mutu pendidikan di sekolah kebangsaan dianggap rendah dan Yang Berhormat bersetuju. Kemudian dikaitkan dengan kualiti guru yang ada tiga yang disebutkan tadi iaitu lahir sebagai guru, yang kedua boleh dilatih dan yang ketiga adalah kayu mati.

■1550

Saya ingin bertanya kepada yang Berhormat, adakah kayu mati ini yang berada di sekolah-sekolah kebangsaan, maka mutu pendidikan di sekolah rendah kebangsaan menjadi menurun? Terima kasih.

**Tuan Lee Chee Keong:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Hajah Samsiah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jaga baik-baik itu mungkin soalan *booby trap* itu.

**Tuan Lee Chee Keong:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Hajah Samsiah orang kampung saya. Saya tidak mengatakan bahawa sekolah kebangsaan ini mempunyai guru *dead wood*. Saya katakan guru ini ada tiga golongan secara umumnya maka golongan-golongan ini adalah yang berbakat, yang *trainable* boleh dilatih dan yang tidak boleh dilatih. Tidak pernah saya sebut yang tidak boleh dilatih itu berada di sekolah kebangsaan, tidak ada. Pada saya, guru yang tidak boleh dilatih ini berada di mana-mana, di mana-mana ada. Macam manusialah orang baik macam saya di sini, orang jahat di mana-mana ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada tidak senator *dead wood*?

**Tuan Lee Chee Keong:** [Ketawa] Belum nampak sebab senator semua boleh cakap boleh bahas semua ada bakat.

**Dato' Musa Bin Haji Sheikh Fadzir:** Yang Berhormat minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat saya ingin minta pandangan Yang Berhormat. Yang Berhormat juga pernah menjadi guru di sekolah kebangsaan, tidak silap sayalah. Jadi sekolah kebangsaan ini mutu dia..., kurang bermutulah kalau banding dengan sekolah lain. Namun Yang Berhormat kata tadi ada tiga kumpulan di sekolah kebangsaan ini. Jadi saya ingin tanya Yang Berhormat ada kumpulan pertama ini ada bakat, yang kedua yang boleh dilatih, yang ketiga ini kayu mati. Yang Berhormat ini daripada kumpulan mana? Terima kasih.

**Tuan Lee Chee Keong:** Itu sudah sentuh hal peribadi ini. Bagaimanapun saya katakan tadi...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak menyalahi Peraturan Mesyuarat sebab tidak menimbulkan sangkaan jahat.

**Tuan Lee Chee Keong:** Bagus itu jawapan saya. Pada saya, Tuan Yang di-Pertua dan rakan-rakan saya sekalian mutu proses pembelajaran pengajaran di sekolah bukan hanya ditentukan oleh mutu guru sahaja. Pada saya mutu murid dan juga sikap ibu bapa semua sekali dirangkumkan maka kita hasilkan jenis pelajar yang kita buat di sekolah tidak kira mana sekolah. Jadi kalau mutu sekolah tidak begitu baik jangan salahkan golongan guru sahaja, sebab prestasi sekolah itu adalah satu kombinasi antara jenis guru, mutu murid atau sikap murid dan juga sikap ibu bapa mereka. Boleh saya sambung? Satu lagi...

**Tuan Osman bin Bungsu:** Yang Berhormat boleh minta laluan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi laluan Yang Berhormat?

**Tuan Osman bin Bungsu:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat. Yang telah banyak menyentuh tentang kualiti guru yang mana ada tiga perkara tadi guru yang saya rasa perlu ada latihan dan juga kecekapan untuk mendidik anak-anak yang lebih berjaya. Saya rasa di sekolah pedalaman terutama di kawasan guru ada nama guru di sebut Hari Isnin bin Rabu, Isnin bin Rabu kerana ada guru datang hari Isnin dan balik hari Rabu itu sebabnya hari Isnin bin Rabu. Ini kerana saya melihat agaknya dia jauh di pedalaman dan kita melihat prestasi di kalangan pelajar-pelajar agak merosot di kawasan-kawasan pedalaman.

Adakah pada pandangan Yang Berhormat perlu guru cemerlang untuk dihantar ke kawasan pedalaman ini supaya pelajar-pelajar yang dapat khidmat daripada pengajaran guru ini dapat meningkatkan prestasi mereka. Daripada dihantar yang kata orang hendak dibuang tetapi dibuang bukan suruh pencen dihantar kawasan pedalaman. Jadi ini apakah pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

**Tuan Lee Chee Keong:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang dihantar ke kawasan pedalaman ini kalau sikapnya negatif maka yang kumpulan cemerlang ini akan jadi *dead wood* satu hari. Pada saya, kumpulan guru yang harus ditugaskan di kawasan-kawasan pedalaman haruslah terdiri daripada guru-guru yang ada hati, ada hasrat betul-betul hendak menyumbang untuk membangunkan anak-anak muda kita. Itulah kumpulan guru yang bersikap positif dan harus kita hantar ke kawasan pedalaman. Itulah dia saya katakan tadi, bagi golongan guru yang kualitinya tidak begitu baik maka saya minta pihak kementerian untuk melatih mereka semula. Melatih supaya mereka berasa bersyukur pada masyarakat, pada keluarga, pada kementerian. Melatih supaya mereka sanggup menerima input baru pendekatan baru.

Baru-baru ini saya dapati di Jepun pendekatan pendidikan yang baru ialah mereka men *synergize* cara hidup ke dalam pendidikan itu satu pendekatan baru. Jadi kementerian haruslah memberi input-input baru supaya guru-guru ini diberi nafas yang baru dan mahu terus menunjukkan prestasi yang baik, yang mahu terus membantu negara membangunkan bangsa kita. Itulah kumpulan guru yang betul-betul dedikasi bukan setakat cakap sahaja tetapi dia buat,

yang dedikasi yang betul-betul boleh menunjukkan keprofesionalan mereka. Saya terus kepada lontaran saya yang ketiga...

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Yang Berhormat Yang Berhormat...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Tuan Lee Chee Keong:** Ya?

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Saya bangun dua tiga kali itu sebab ingatkan hujah sudah habis jawab. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dari segi hujah-hujah yang diberi oleh Yang Berhormat menunjukkan bahawa ramai ke tidak peratusan guru ada dikategorikan tidak memberangsangkan seperti *dead wood* tadi. Sebab kebanyakan yang kita ungkit dan bahaskan diperkatakan dalam Dewan ini berapa peratuskah yang betul-betulnya di kalangan guru seperti ini? Yang saya bertanya begini adalah kerana prestasi pendidikan kita di negara kita ini adakah baik ataupun tidak? Oleh kerana mungkin disebabkan oleh keadaan ubahnya sesuatu Menteri ubahnya sesuatu dasar pendidikan.

Sebab mengikut fahaman saya satu dasar pendidikan ini memerlukan satu generasi kesannya di masa yang akan datang. Oleh kerana satu generasi itu memakan masa 25 tahun, kita baru merdeka 50 tahun baru dua generasi sahaja yang boleh kita lihat daripada dasar pendidikan yang dahulu dapat dikesan pada tahun 1980 dan kemudiannya pada tahun 2005 dan sebagainya. Kemudian dari segi sudut ini saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat iaitu kalaulah biasanya dibahaskan bahawa guru ini tidak baik, peratusan yang tidak baik itu adakah ianya lebih besar daripada peratusan yang baik? Sebab kalau peratusan yang tidak baik ini jauh lebih besar maka kegagalan daripada dasar pendidikan ataupun institusi perguruan itu telah tercemar.

Institusi perguruan ini merupakan salah satu mekanisme membangun negara kita ini pada masa-masa yang akan datang. Adakah kita ini berdiri di dalam Dewan ini hasil daripada dasar yang dahulunya tidak baik. Kalau ianya baik kenapa ianya perlunya perubahan untuk kebaikan? Sebab fahaman saya *training* ini perlu kepada *retraining* dengan izin, tidak boleh statik sebagaimana itu sebab ianya satu *cycle* yang begitu putarannya yang begitu kuat. Oleh kerana dengan keadaan teknologi yang ada sekarang, pendekatan dan pendedahan oleh guru dan murid. Saya amat tertarik daripada pandangan Yang Berhormat iaitu pendidikan akhlak dan sebagainya tidak hanya terdiri daripada guru. Ianya merupakan satu golongan terdiri daripada guru, ibu bapa dan murid itu sendiri. Apa pandangan Yang Berhormat?

■1600

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebelum Yang Berhormat jawab dan gulung, dan saya harap Yang Berhormat gulung sekarang dan saya akan menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab dan menggulung kerana mungkin beliau diperlukan di sebelah sana, di Dewan Rakyat. Jadi cuma sebelum itu mengikuti segala perbahasan khususnya perbahasan yang diketengahkan oleh Yang Berhormat. Jadi saya tertanya-tanya dalam sanubari sama ada masalah ini ialah

masalah dasar ataupun masalah *quality of human resource* atau masalah motivasi semata-mata kerana adakah mungkin sebilangan besar cikgu-cikgu kita telah di *motivated* oleh keadaan dan pelbagai ataupun kombinasi faktor-faktor ini. Itu saja Yang Berhormat boleh lengkapkan perbincangan ini.

**Tuan Lee Chee Keong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya balik kepada soalan YB Datuk Haji Roslan bin Awang Chik. Saya tidak tahu sama ada kementerian ada satu sistem sukatan untuk membeza-bezakan antara prestasi guru di sekolah. Akan tetapi pada mata kasar biasanya kita buat graflah, *U-shape graph*. Yang dikatakan *trainable* ini menduduki kawasan majoriti mungkin 60%, yang dikatakan *born teachers* itu 20% dan *dead wood* 20% itulah.

Jadi saya rasa Kementerian Pelajaran harus melihat pada kategori-kategori guru ini yang berbakat, yang *trainable*, yang *dead wood*. Apakah caranya kita hendak layan mereka. Apakah nasihat yang patut kita beri kepada mereka. Saya pergi ke lontaran saya yang ketiga iaitu peningkatan maktab-maktab perguruan menjadi institut pendidikan memang satu langkah yang bijak.

Apa yang memungkirkan saya, pandangan saya ialah tidak terdapat penyelarasan antara Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi. Sebab apa saya cakap macam itu? Kerana kita dapati 27 buah maktab perguruan yang akan ditingkatkan menjadi institut pendidikan tetapi kita dapati ada sebuah lagi iaitu Universiti Pendidikan Sultan Idris atau UPSI, ini diletakkan di bawah jagaan Kementerian Pengajian Tinggi. Institut pendidikan yang 27 buah itu diletakkan di bawah Kementerian Pelajaran. Dengan matlamat yang sama melatih guru menghasilkan guru yang boleh bertugas di sekolah-sekolah sama ada sekolah rendah ataupun sekolah menengah tetapi diletakkan di bawah dua kementerian yang berbeza. Maka saya tidak nampak kesinambungan antara dua ini. Antara Kementerian Pengajian Tinggi dengan Kementerian Pelajaran.

Jadi saya ingin cadangkan kepada Kementerian Pelajaran dan juga Kementerian Pengajian Tinggi, UPSI dengan 27 buah institusi yang lain harus diletakkan di bawah satu bumbung yang sama. Barulah kita dapat menyesuaikan ataupun merancang bilangan guru yang diperlukan dalam tempoh lima hingga sepuluh tahun lagi. Barulah kita dapat membuat penyelarasan dan kesinambungan, tidak menimbulkan kekeliruan atau salah faham antara satu sama lain.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Jadi saya mengambil kesempatan ini semasa kita membincangkan pindaan pendidikan ini. Saya cadangkan bahawa sama ada UPSI itu diletakkan di bawah Kementerian Pelajaran atau 27 buah maktab perguruan yang akan ditingkatkan statusnya semuanya diletakkan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi. Barulah kita boleh merancang satu *projection* yang *complete* dan *perfect* untuk masa akan datang.

Dengan kata-kata itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Pindaan Pendidikan 1996. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

**4.05 ptg.**

**Timbalan Menteri Pelajaran I [Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli Yang Berhormat seramai 11 orang yang telah memberi hujah-hujah yang bernas dan seterusnya menyokong pindaan kepada Akta Pendidikan 1996. Ada beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Ada yang tergolong dalam pindaan kali ini, ada yang merupakan isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Pelajaran. Jadi pada hari ini saya bercadang untuk menjawab pertanyaan Ahli-ahli Yang Berhormat secara khusus terhadap pindaan akta dan seterusnya ada dua tiga perkara yang secara umum boleh juga saya memperjelaskan dalam Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Dato' Gooi Hoe Hin mahukan kementerian memastikan falsafah pendidikan kebangsaan difahami dan diamalkan oleh warga pendidik. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua, kurikulum yang digunakan oleh warga pendidik di prasekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah di Malaysia memberi penekanan kepada perkembangan yang menyeluruh dan seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani selaras dengan falsafah pendidikan kebangsaan. Bagi melaksanakan kurikulum dengan berkesan, guru mesti melalui dan lulus latihan perguruan sebelum menjadi guru dan menghadiri kursus peningkatan profesionalisme dari semasa ke semasa yang akan membolehkan mereka menangani perubahan dan tuntutan terkini.

Yang Berhormat Dato' Gooi Hoe Hin juga menyebut tentang wujudnya jawatan baru iaitu Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan. Sudah tentunya mengikut andaian Yang Berhormat melibatkan perbelanjaan wang tambahan dari segi gaji dan elaun. Untuk menjelaskan perkara ini, untuk makluman Yang Berhormat Dato' Gooi Hoe Hin, pindaan ini tidak melibatkan pewujudan jawatan baru tetapi hanya melibatkan perubahan ataupun penukaran gelaran jawatan sedia ada. Ini bermaksud kalau Timbalan Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri yang sebelum itu mengikut undang-undang mungkin kita perlukan lagi satu timbalan pendaftar, maka kita wujudkan untuk mengemaskinikan cara-cara dan pentadbiran kita. Jadi saya rasa Timbalan Pengarah JPN tetap memegang jawatan ini secara sambilan. Jadi tidak wujudnya satu pewujudan jawatan baru dalam konteks ini.

Yang Berhormat turut membangkitkan tentang latihan perguruan mesti memahami Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Terima kasih atas input tersebut. Kurikulum latihan perguruan yang digubal oleh Bahagian Pendidikan Guru kementerian ini adalah digubal berdasarkan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Yang Berhormat turut menyarankan agar pengusaha

juga bertanya tentang pengusaha tadika swasta mengatakan kononnya mereka akan menghadapi kesukaran untuk mendapatkan kelulusan untuk kurikulum tambahan. Itu yang dikatakan kerenah birokrasi. Saya rasa ini ada sesuatu yang tidak diingini oleh mana-mana pihak. Akan tetapi ingin saya memperjelaskan kepada Yang Berhormat walaupun pindaan ini dibuat daripada memaklumkan kepada mendapatkan persetujuan bertulis, namun kesannya adalah sama.

Oleh itu, kegagalan memaklumkan mengikut peruntukan sedia ada membolehkan pengusaha tadika didakwa di mahkamah yang mana jika disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM10,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya. Dengan pindaan ini, penalti berkenaan kekal. Oleh itu pindaan ini tidak mengubah kesan kepada ketidakpatuhan seksyen 22(3). KPM hanya bercadang untuk menimbangkan kurikulum tambahan dan bukan ko-kurikulum tambahan seperti yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat. Tadika swasta masih mempunyai autonomi untuk menentukan hala tuju pengoperasian institusi masing-masing serta cara dan pendekatan melaksanakan pendidikan prasekolah.

Yang Berhormat Puan Hajah Syarifah Azizah binti Dato' Syed Zain pula bertanya tentang apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian untuk menambah bilangan pensyarah di IPG. Sebagaimana yang telah dilaksanakan di sekolah iaitu penambahan norma guru daripada 1.5 kepada 1.7, IPG juga mengalami penambahbaikan norma iaitu daripada 2.3 kepada 3.5 pensyarah. Penambahbaikan norma membawa kepada pertambahan bilangan pensyarah di IPG Malaysia. Gred jawatan permulaan di IPG kini iaitu Gred DG44 juga adalah galakan kepada guru-guru untuk memohon jawatan pensyarah yang wujud di IPG di mana sebelum ini ia hanya DG41.

#### ■1610

Kini wujudnya jawatan Pensyarah Kanan, JUSA C, Pensyarah Utama DG54, Pensyarah; DG44, DG48, DG52 di IPG. IPGM juga menawarkan peluang yang luas kepada pensyarah bagi melanjutkan pengajian di peringkat sarjana dan *PhD* melalui program pensarjanaan pensyarah IPGM unjuran bagi 2008 hingga 2012 adalah seperti berikut iaitu *Ph.D* sepenuh masa unjurannya ialah 45 setiap tahun, separuh masa ialah 50 setiap tahun. Bagi Sarjana pula; sepenuh masa 60 setiap tahun, separuh masa ialah 60 setiap tahun. Maka jumlah unjurannya ialah 1,075.

Yang Berhormat Dato' Hajah Saripah Aminah bertanya tentang bilangan guru siswazah di sekolah rendah. Bilakah pula pendapatan guru siswazah sepenuhnya di sekolah rendah akan dilaksanakan. Untuk makluman, bilangan guru siswazah di sekolah rendah pada 1 Oktober ialah 39,975. Ingin saya memberitahu Dewan yang mulia ini, sebenarnya mengikut data yang ada pada kementerian pada satu ketika dahulu kita telah membenarkan pergerakan untuk kita genapkan ataupun kita memberi keutamaan kepada sekolah menengah. Maka kita lihat untuk sekolah menengah, guru siswazah kita mencapai lebih daripada 90%. Pada waktu yang sama juga kita berusaha menjelang 2010 kita hendak mencapai sasaran 50% bagi guru siswazah.

Akan tetapi setakat ini kita hanya mampu melaksanakan lebih daripada 30%. Maka banyak lagi ruang boleh dipertingkatkan untuk melatih guru. Sebab itulah pindaan ini amat penting bagi membolehkan IPG mengeluarkan ijazah kepada pelatih.

Latihan kepada guru dalam bidang ICT turut dibangkitkan oleh Yang Berhormat Hajah Saripah Aminah bagi merealisasikan usaha KPM dalam pembestarian sekolah supaya guru mampu membimbing murid dalam bidang ICT. Untuk makluman Dewan, pada tahun ini seramai 52,500 orang guru telah dilatih dan mengikuti kursus ICT di seluruh negara. Pada tahun 2009, diunjurkan seramai 36,000 akan diberi latihan ICT. Antara kursus ICT yang dilaksanakan ialah *ICT Literacy*, *ICTL Year Four* bagi sekolah menengah, manfaat SchoolNet, PPSMI fasa 6 dan web TV.

Yang Berhormat Hajah Saripah Aminah juga bertanya tentang walaupun pelbagai usaha telah dilaksanakan, masalah penguasaan kenapa masih lagi terdapat masalah penguasaan 3M di kalangan murid Orang Asli. Perkara ini perlu diatasi. Untuk makluman Yang Berhormat, antara langkah yang telah dilaksanakan ialah pelaksanaan Program Rintis Kurikulum Asli/Penan (KAP) yang menggunakan *minimum adequate syllabus*, pelaksanaan program pemulihan khas murid-murid Orang Asli, pelaksanaan pedagogi peribumi bagi memudahkan guru-guru mendekati anak-anak Orang Asli, pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran secara berpasangan dan pengajaran secara bimbingan.

Juga ditanya sejauh mana KPM dapat mengatasi kekurangan guru khususnya bagi subjek-subjek kritikal. KPM menawarkan kursus latihan guru dengan satu bidang pengkhususan dan dua bidang minor bagi Kursus Perguruan Lulusan Ijazah (KPLI) sekolah rendah, Kursus Diploma Perguruan Malaysia (KDPM) pula menawarkan satu bidang pengkhususan dan tiga bidang minor. Dengan ini diharap guru dapat mengajar pelbagai mata pelajaran sekolah yang lain selain daripada bidang pengkhususan guru berkenaan termasuklah subjek-subjek kritikal.

Yang Berhormat Hajah Saripah Aminah juga mencadangkan tambahan kemahiran melukis kepada 3M yang sedia ada. Juga mencadangkan sukan dan seni diberi secukupnya. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kemahiran melukis diajar kepada murid melalui mata pelajaran pendidikan visual yang merupakan mata pelajaran wajib mulai tahun satu di sekolah rendah. Sukan adalah sebahagian daripada aktiviti dalam mata pelajaran pendidikan jasmani yang juga merupakan mata pelajaran wajib yang mesti dipelajari mulai tahun satu. Sukan juga adalah satu daripada tiga kegiatan kokurikulum yang diwajibkan kepada semua murid di peringkat rendah dan menengah.

Seterusnya Yang Berhormat Hajah Saripah Aminah turut bertanya apakah KPM boleh melahirkan guru-guru yang berkualiti. Kalau berdasarkan Teras kelima PIPP iaitu martabatkan profesion perguruan telah memperketat syarat asas dan kelayakan dan kemasukan calon ke IPG. Kurikulum Pendidikan guru yang digubal adalah berkonsepkan kepada amalan nilai profesionalisme ilmu dan pengetahuan dan kemahiran proses pengajaran dan pembelajaran.

Latihan perguruan juga menitikberatkan pembangunan insan melalui aktiviti kokurikulum dan bina insan. Guru dalam perkhidmatan diberikan pembangunan profesionalisme melalui kursus dalam perkhidmatan agar guru berkualiti kekal berkualiti dalam perkhidmatan.

Seterusnya disarankan guru disiplin diberikan elaun insentif. Untuk makluman, semua guru di sekolah adalah merupakan guru disiplin. Pemberian insentif kepada guru disiplin akan membawa implikasi kewangan yang besar kepada kerajaan dan agak sukar dilaksanakan.

Seterusnya Yang Berhormat juga memohon untuk menubuhkan satu kelas murid pintar cerdas iaitu *gifted child*. Latihan untuk guru mengajar murid pintar cerdas perlu dilaksanakan. Sebelum Program Pintar Cerdas dan Berbakat (PCB) dilaksanakan, murid-murid yang ada di sekolah perlu dikenal pasti mempunyai ciri-ciri sebagai pintar cerdas dan berbakat. Sebagai langkah permulaan, KPM merancang akan melaksanakan projek mengenal pasti murid pintar cerdas dan berbakat di sekolah-sekolah kluster mulai tahun 2009.

Apabila jumlah murid PCB dikenal pasti, program pendidikan khas untuk murid-murid ini akan dilaksanakan di sekolah aliran perdana. Pada tahun ini, IPG Raja Melewar dan Universiti Sains Malaysia menyediakan kursus yang berkaitan pendidikan pintar cerdas dan berbakat kepada penuntut-penuntut pendidikan.

Seterusnya Yang Berhormat juga berpendapat bahawa masih ramai pelajar berpendidikan khas yang masih belum menguasai 3M dan nyatakan faktor-faktor dan sejauh manakah keberkesanan program pemulihan di sekolah. Untuk makluman, ada banyak faktor yang menyebabkan berlakunya murid yang tidak dapat menguasai 3M ini. Pertama dari segi persekitaran, kurang bahan bacaan tambahan di rumah, tiada kesinambungan pembacaan di rumah, pengaruh rakan sebaya, kedudukan sekolah yang jauh dari rumah menyebabkan ponteng, rumah jauh di pedalaman, masalah kemudahan pengangkutan ke sekolah, sosial ekonomi, faktor kemiskinan, mempunyai bilangan anak yang ramai, penggunaan bahasa ibunda, dan dialek, tiada pendedahan awal prasekolah, sikap keluarga murid yang tidak pentingkan pelajaran, faktor penceraian keluarga, belajar di luar negara dalam tempoh yang lama, terdapat kes murid dengan ciri-ciri pendidikan khas, dan kurang kemampuan kognitif yang disaring atau disahkan sebagai pendidikan khas.

Saya rasa apa yang telah saya nyatakan tadi sebenarnya faktor-faktor ini yang menyebabkan berlakunya mereka tidak dapat menguasai 3M. Walau bagaimanapun kita ada program. Sepintas lalu ingin saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini, sebenarnya untuk mereka yang tidak boleh membaca atau tidak dapat menguasai 3M, di sekolah rendah tahap satu kita telah mulakan program KIA2M iaitu satu program yang kita kenal pasti mereka yang tidak boleh membaca langsung ataupun tidak dapat menguasai 3M, mereka akan diwajibkan dimasukkan dalam program KIA2M.

Selepas setahun apabila kita mendapati pelajar itu masih lagi kurang, tidak dapat menguasai 3M, maka pada tahun dua dan tiga kita masukkan pelajar itu ke dalam kelas

pemulihan khas. Ini bermakna kita sentiasa prihatin. Kita tidak mahu anak-anak kita sampai ke tahun empat atau lima masih tidak dapat menguasai 3M. Jadi, dalam konteks ini pelbagai usaha telah dibuat dan saya yakin apa yang telah disarankan oleh Yang Berhormat, perkara ini telah dilaksanakan oleh pihak Kementerian Pelajaran lebih awal.

Yang Berhormat Tuan Khoo Soo Seang membangkitkan tentang isu pengambilan GSTT mengikuti KDC yang perlu dibuat lebih mudah tanpa perlu melalui temu duga dan ditawarkan kepada mereka yang betul-betul berminat. Untuk makluman Yang Berhormat, saya bersetuju dengan Yang Berhormat yang mengatakan bahawa dalam pemilihan pelatih-pelatih iaitu GSTT yang memasuki KDC ini kita perlukan satu sistem yang lebih mantap.

■1620

Saya setuju, khususnya di beberapa negeri, khususnya di negeri Johor. Maka sebelum itu Yang Berhormat sendiri pun pernah bangkitkan ada sebilangan kecil di mana mereka yang telah memiliki ijazah, mereka turut disaring dan dimasukkan untuk temu duga KDC. Saya rasa itu adalah dari kesilapan teknikal dan ianya telah pun diperbetulkan. Kami ingin memberi jaminan bahawa perkara sebegini kita telah mantapkan dan satu perbincangan yang mendalam telah dibuat antara saya dengan Pengarah JPN Negeri dan saya yakin perkara ini mungkin disebabkan maklumat yang disampaikan itu dalam keadaan sebelum hari raya, maka mungkin maklumat itu tidak sampai secara meluas.

Maka perkara ini telah ditindak dan saya rasa tindakan yang diambil itu adalah ke arah memantapkan dan kita memberi keutamaan kepada mereka yang layak, mempunyai sekurang-kurangnya lima kredit dalam SPM, mereka telah berkhidmat sebagai GSTT kian lama, umurnya tidak lebih daripada 30 tahun. Maka bagi mereka yang dalam lingkungan umur 28 atau 29 tahun, wajarlah sekiranya mereka layak, mereka mempunyai pengalaman mengajar dan mereka mempunyai minat bersungguh-sungguh untuk menjadi seorang guru. Maka saya rasa perkara ini boleh kita mantapkan dari segi pemilihan. Jadi saya rasa itu tidak menjadi sebarang masalah.

Seterusnya Yang Berhormat juga bertanya, apakah nisbah guru di sekolah dan adakah KPM bercadang untuk menambah nisbah guru. Secara teorinya, kita ingin memulakan dengan pertambahan guru di sekolah rendah, nisbahnya 1:5 kepada 1:7 tetapi nampaknya oleh kerana banyak jawatan yang telah diwujudkan di sekolah, secara praktikalnya perkara ini mungkin kita kena lanjutkan ke tahun yang akan datang termasuk mungkin melebihi 2010, tetapi dalam tempoh terdekat, kita kena isikan mana-mana kekosongan yang perlu diisi.

Yang Berhormat Datuk Wira Syed Ali pula bertanya, adakah IPG akan dinaikkan taraf kepada universiti dan adakah KPM bercadang untuk mengambil semula UPSI dan Program Ijazah Perguruan perlu disatukan di bawah KPM supaya unjuran guru di sekolah dapat dibuat dengan tepat. Ingin saya memberi respons mengikut pandangan yang berbeza, tetapi saya yakin pandangan bernas ini daripada Ahli-ahli Yang Berhormat adalah untuk kita memperkasakan profesionalisme perguruan ini. Jadi saya ucapkan ribuan terima kasih kepada rata-rata Ahli

Dewan Negara yang telah memberi sokongan padu kepada kementerian. Ada yang mengesyorkan, ada yang mendesak supaya Kementerian Pelajaran Malaysia mengambil alih atau terima semula UPSI ke dalam keluarga KPM.

Sebenarnya kami di KPM, saya rasa UPSI itu bermula sebagai satu maktab perguruan yang memang mempunyai nilai nostalgianya kepada kementerian. Kita seolah-olah macam kehilangan anak didik ataupun bayi kita, yang kita sudah dukung begitu lama sekali. Jadi disebabkan ada keputusan Kabinet yang dibuat pada tahun 2006, yang mana universiti itu adalah di bawah jagaan atau penguatkuasaan atau di bawah penyeliaan Kementerian Pengajian Tinggi, maka Kementerian Pelajaran terpaksa akur dengan keputusan Jemaah Menteri, tetapi memandangkan rata-rata di Dewan Negara dan juga Dewan Rakyat, ramai Ahli Parlimen yang telah mendesak supaya perkara ini dapat dirujuk balik.

Kami menerima baik cadangan tersebut dan saya rasa memang ada asas-asasnya dan saya nampak hujah-hujah bernas daripada Ahli Yang Berhormat, sebenarnya membantu kita mencari satu penyelesaian dan saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat, sebenarnya Kementerian Pelajaran Malaysia kini hanya menumpukan latihan keguruan di peringkat sekolah rendah. Untuk sekolah menengah, sudah ada persetujuan, kita serahkan bulat-bulat kepada universiti dan saya rasa UPSI adalah merupakan satu institusi yang melatih guru-guru sekolah menengah.

Maka wajarlah sekiranya kita hendak melihat kesinambungan dari segi latihan guru berdasarkan kepada kurikulum yang telah direka bentuk oleh kementerian, maka dari segi memudahkan kerja dan juga kita ke arah pemantapan *syllabus* dan juga memastikan kualiti guru, ia sepatutnya digabungkan menjadi satu keluarga. Jadi saya rasa kita menyambut baik. Mungkin ada pandangan yang sedikit berbeza seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Lee Chee Keong, tetapi ingin saya mengatakan bahawa memang terdapat perbezaan antara IPG dengan IPTA.

IPG ini merupakan institusi keguruan yang unggul. Ia tidak ada kursus lain. Terus kepada bidang keguruan. Bermakna ia mencari *niche* market, *niche* keguruan itu yang kita titik beratkan. Jadi perbezaan ketara antara IPG dan IPTA ini dapat kita lihat, sebagai contoh kalau di IPTA mereka mengeluarkan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dan itu sebagai graduan daripada universiti, tetapi bagi kita pula, kita melahirkan Sarjana Muda Keguruan dan kita hendak lahirkan insan guru yang unggul. Sebab itu terdapat perbezaan yang ketara antara falsafah untuk kita latihkan guru-guru.

Jadi untuk menghormati keputusan Kabinet, kita masih berpandukan kepada keputusan Jemaah Menteri, di mana satu jawatankuasa bersama antara Kementerian Pelajaran Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi masih wujud, kita duduk semeja, kita berbincang. Dan penerapan guru-guru yang dilahirkan dari Sarjana Muda Pendidikan, dilahirkan oleh IPTA itu akhirnya juga akan membolehkan mereka masuk ke sistem aliran sekolah ini, mereka terpaksa

melalui proses di KPM. Saya rasa wajarlah pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya yakinlah sekiranya perjuangan ini dapat disokong oleh kami semua, saya yakin ianya adalah untuk kebaikan negara. Terima kasih kepada Ahli-ahli Dewan yang telah memberi sokongan tentang perkara ini dan memang wajarlah ianya digabungkan untuk pemantapan *syllabus* kita dan untuk memastikan kualiti guru sentiasa kita pertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Wira Syed Ali juga menyarankan agar semua guru perlu memiliki ijazah supaya setanding dengan negara lain dan juga taraf pensyarah IPT sepatutnya sama seperti pensyarah di universiti. Ingin saya memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa kedua-dua pandangan ini adalah pandangan yang benar dan memang bernas. Dasar pendidikan negara telah pun meletakkan sasaran 100% guru siswazah di sekolah menengah dan 50% guru siswazah di sekolah rendah menjelang 2010.

Untuk mencapai hasrat ini, KPM telah melaksanakan pelbagai program. Yang pertama, program khas pensiswazahan guru dan kedua, pensiswazahan guru sekolah rendah dan ketiga, Ijazah Sarjana Muda Perguruan dan keempat, Ijazah Sarjana Muda Pengajaran dan saya yakin melalui teknik-teknik inilah, cara-cara inilah dapat kita memperbanyakkan lagi guru siswazah dan KPM telah menambah baik gred jawatan pensyarah di IPG iaitu bagi pensyarah kanan, ianya adalah gred DG54, pensyarah iaitu DG52, DG48 dan DG44 dan di samping itu KPM juga menawarkan Program Kesarjanaan Pensyarah IPGM.

Saya rasa KPM juga bercadang untuk menawarkan penambahbaikan jawatan pensyarah IPG kepada JUSA C, iaitu sebagai pensyarah utama dan memberi kemudahan cuti sabatikal dan menyediakan geran penyelidikan. Ingin saya mengatakan kepada Yang Berhormat semua, sebenarnya IPG ini adalah berstatuskan universiti dan ianya memberi setelah pindaan ini, penganugerahan ijazah itu. Apabila kita sebut ijazah dalam bahasa Inggeris adalah *degree*. *Degree* bermaksud *First Degree Basic* ataupun ianya boleh jadi ijazah lanjutan, *Master* dan *Ph.D.* dalam konteks ini.

Maka saya rasa demi memastikan kualiti guru kita sentiasa dipertingkatkan dan demi kita memartabatkan profesionalisme keguruan, saya yakin IPG ini memang pun berperanan walaupun namanya pada ketika ini bukan universiti tetapi ianya adalah IPG, Institut Pendidikan Guru yang berperanan sebagai satu universiti dan tidak ada perbezaan yang ketara dengan universiti lain.

Yang Berhormat Datuk Wira Syed Ali juga bertanya, adakah KPM bercadang untuk memansuhkan UPSR dan menggantikan dengan kaedah yang lebih baik, mohon kajian dan pandangan pelbagai pihak sebelum membuat keputusan. Ingin saya memaklumkan kepada Yang Berhormat Datuk Wira Syed Ali, KPM sedang dalam usaha ke arah transformasi sistem pentafsiran untuk melahirkan modal insan yang lebih holistik. Untuk tujuan tersebut, sistem pentafsiran yang berasaskan sekolah akan diperkenalkan bagi mengurangkan *exam-oriented* dalam sistem pendidikan sekarang. Untuk makluman, pada masa ini KPM sedang merintis

pentafsiran berasaskan sekolah di 50 buah sekolah dalam peringkat prasekolah dan Tahun 1 dan pada tahun hadapan ia akan diperluaskan kepada 500 buah sekolah.

■ **1630**

Isu sama ada UPSR akan dimansuhkan ataupun digantikan dengan kaedah lain, akan bergantung pada kejayaan rintis penaksiran berasaskan sekolah tersebut. KPM juga tidak akan tergesa-gesa dalam melaksanakan sistem tersebut. Beberapa siri persidangan meja bulat telah dan akan dilaksanakan untuk mendapatkan pandangan semua pihak sebelum keputusan dibuat. Untuk makluman juga, di bawah sistem penaksiran baru, murid akan dinilai sepanjang proses pembelajaran mereka dan bukannya di akhir sesuatu tahap persekolahan seperti sekarang.

Yang Berhormat Datuk Wira juga mencadangkan agar semua sekolah sistem pelajaran kebangsaan sepenuhnya tidak mengira kaum dan diberi secara sama rata dengan bermatlamatkan untuk integrasi. Ini mungkin saya secara khusus akan membincangkan dan menggabungkan pandangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat selepas ini. Yang Berhormat Datuk Wira turut memohon dilihat semula mengenai persaraan guru besar dan pengetua kerana masih banyak belum diisi penggantinya khususnya di Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur. Berapakah bilangan sekolah yang masih belum diisi? Untuk makluman, di seluruh Malaysia ada laporan yang melaporkan kononnya ada 780 kekosongan bagi pengetua dan guru besar. Itu adalah laporan yang tidak berasas. Mengikut rekod kementerian setakat ini, pada hari ini, hanya 170 kekosongan baik untuk jawatan pengetua ataupun guru besar.

Bagi jawatan guru besar, ingin saya menyatakan di sini bahawa bilangan perjawatan pengetua DG48, ini dalam konteks Wilayah Persekutuan. Di Wilayah Persekutuan ada 45, dan dari jumlah itu 44 telah diisi dan hanya satu belum diisi. Satu kekosongan itu adalah di Sekolah Menengah Kebangsaan Desa Petaling. Cadangan pengisian ini telah pun dikemukakan dan surat arahan penempatan akan dikeluarkan dalam masa terdekat. Bagi jawatan pengetua DG52 pula, adalah sebanyak 37 di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan kesemuanya 37 jawatan itu telah pun diisi. Bagi perjawatan guru besar, adalah sebanyak 191 dengan..

**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Mohon laluan. Terima kasih, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta Yang Berhormat Timbalan Menteri sebab saya dapati sebuah sekolah yang mana menjadi Sekolah Angkat Yayasan Pendidikan Cheras iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Bintang Utara yang mana pengetuanya telah pun bersara dan sehingga hari ini belum diisi. So minta penjelasan Yang Berhormatlah sebab Yang Berhormat kata semua telah diisi tetapi nama sekolah ini tidak disebut. Akan tetapi sekolah itu masih lagi kosong. Pengetuanya sudah bersara. Terima kasih. Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Bintang Utara.

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Yang Berhormat Datuk Wira, saya akan meminta Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan untuk menyemak perkara ini dan memang menjadi dasar kita kalau boleh 170 kekosongan itu termasuk mungkin apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat

akan diisi sebelum 31 Disember tahun ini. Bermakna ia tidak akan menjejaskan P&P di sekolah pada sesi akan datang. Jadi bagi jawatan guru besar pula, sebanyak 191 dengan 190 perjawatan telah diisi. Satu kekosongan iaitu di SK AU Keramat, penyandang sebelum ini telah bersara pada 1 November 2008. Penggantiannya sedang dalam proses untuk menawarkan kepada calon yang layak. Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah membangkitkan sama ada KPM dapat memastikan guru yang dikeluarkan oleh IPG menguasai sekurang-kurangnya dua bahasa atau jika guru itu guru agama, ia seharusnya menguasai tiga bahasa.

Dalam latihan guru, KPM telah menetapkan dalam struktur kursus sama ada Kursus Diploma Perguruan Malaysia (KDPM), Kursus Perguruan Lulusan Ijazah (KPLI), Program Ijazah Sarjana Muda (PISMP), pelajar akan mengikuti dua kursus bahasa iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Ini bagi kursus mata pelajaran biasa. Walau bagaimanapun, bagi kursus pendidikan Islam, pelajar diwajibkan belajar subjek bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Arab. Begitu juga yang mengikuti kursus bahasa Arab, mengikuti kursus tiga bahasa bersesuaian dengan bidang pengajaran mereka. Dalam perkara ini, memang guru biasa ditetapkan menguasai dua bahasa dan guru agama atau guru bahasa Arab menguasai tiga bahasa. Seterusnya Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid juga bertanya sama ada KPM mengkaji Akta Pendidikan, dan sistem pendidikan yang tidak dibuat secara cebisan seperti sekarang. Kajian ke atas peruntukan sedia ada kepada Akta Pendidikan 1996 sememangnya kerap dibuat. Pindaan ini adalah pindaan kali yang kedua dan ia dibuat mengikut keperluan serta perubahan dasar kementerian.

Oleh yang demikian, pindaan ini bukannya secara cebisan tetapi ia bertujuan bagi memenuhi keperluan terkini malahan di masa hadapan jika wujudnya perubahan dasar yang baru, sekiranya ia memerlukan akta ini dipinda, maka masa tersebut juga KPM akan melaksanakan tindakan untuk meminda akta ini. Yang Berhormat Ir. Haji Zamri Haji Yusof minta KPM menggunakan tempoh masa latihan guru yang lebih panjang untuk mendidik pelatih guru dengan pelbagai kemahiran untuk mendidik, contohnya dalam bidang psikologi. Pada masa ini, KPM menjalankan latihan guru dengan beberapa program dengan tempoh tertentu. Contohnya Kursus Diploma Perguruan Malaysia (KDPM) tempohnya ialah tiga tahun untuk sepenuh masa, dan tiga tahun enam bulan bagi separuh masa iaitu dalam kaedah mod, kursus dalam cuti (KDC). Melalui Program Ijazah Sarjana Muda (PISMP) selama lima tahun enam bulan dan melalui program KPLI selama satu tahun. Pelbagai aspek termasuklah pedagogi, psikologi, gerko dan sebagainya terdapat di dalam kandungan kursus.

Buat masa ini, KPM sedang menunggu keputusan untuk memanjangkan tempoh kursus KPLI dari dua semester kepada tiga semester. Bagi kursus-kursus lain, tempohnya sudah agak panjang. Yang Berhormat Datuk Wira Syed Ali juga membincangkan tentang proses kenaikan pangkat guru kerana didapati agak lama secara kalau dibandingkan dengan PTD dan KPM

mengambil masa yang terlalu lama menggantikan. Itu yang telah saya jawab tadi. Untuk maklumat, terdapat lima laluan kenaikan pangkat bagi guru di KPM.

Yang pertama, kenaikan secara hakiki iaitu tertakluk kepada kekosongan jawatan. Bagi guru siswazah iaitu dari DG44 kepada DG48, DG48 kepada DG52, DG52 kepada DG54 dan untuk DG54 kepada gred yang lebih tinggi. Bagi guru bukan siswazah, ada dua cara iaitu DGA29 kepada DGA32 dan DGA32 kepada DGA34. Laluan kedua ialah laluan kenaikan pangkat guru cemerlang yang telah dipendekkan tempoh menunggunya daripada tujuh tahun kepada lima tahun dan itu juga melibatkan gred yang telah saya sebutkan tadi.

Untuk laluan kenaikan pangkat yang ketiga, iaitu laluan kenaikan pangkat pengetua dan guru besar cemerlang dan lazimnya guru siswazah iaitu terdapat tiga kategori iaitu DG48 kepada DG52, DG52 kepada DG54 dan DG54 kepada gred khas C iaitu JUSA C. Bagi guru bukan siswazah, DGA34 kepada DGA38. Laluan yang keempat ialah laluan kenaikan pangkat pegawai cemerlang dan pengetua cemerlang di mana 10% daripada kuota pengetua cemerlang dan pengelola cemerlang dan ini melibatkan kenaikan pangkat bagi guru siswazah DG48 kepada DG52, DG52 kepada DG54 dan DG54 ke gred JUSA C.

Bagi guru bukan siswazah DGA34 kepada DGA38. Bagi laluan yang terakhir ialah laluan kenaikan pangkat secara *time based* iaitu dari DG41 ke DG44 dan DG44 ke DG48 bagi guru siswazah manakala guru bukan siswazah DGA29 ke DGA32. Pengisian jawatan telah saya jawab tadi dan Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid juga minta KPM supaya mengkaji Akta Pendidikan, saya telah jawab tadi.

Yang Berhormat Ir. Haji Zamri mencadangkan supaya pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris juga menyentuh aspek-aspek sastera dan bahasa Inggeris yang lebih baik.

#### ■1640

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Sastera Bahasa Inggeris di ajar dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris melalui komponen sastera dalam Bahasa Inggeris tahap 2 iaitu tahun empat sekolah rendah sehingga Tingkatan 5 di peringkat menengah atas. Murid juga digalakkan membaca bahan sastera bermula daripada peringkat rendah melalui Program Bacaan Ekstensif sekolah rendah Tahun 3 dan 4 dan Program Sastera Kontemporari Kanak-kanak sekolah rendah Tahun 4, 5, 6.

Yang Berhormat Ir. juga minta selaraskan pemberian elaun kepada guru-guru pelatih di IPG. Bagi makluman prinsip pemberian elaun guru pelatih adalah berdasarkan kepada kelayakan akademik dan kemasukan ke IPG iaitu Sijil Pelajaran Malaysia ataupun Ijazah. Bermakna bagi mode yang berlainan ianya diberi elaun yang berlainan.

Yang Berhormat Ir. juga minta supaya KPM mengkaji semula perubahan nama KPM kepada Kementerian Pendidikan. Bagi makluman, sebelum ini nama Kementerian Pelajaran Malaysia ataupun KPM sememangnya adalah Kementerian Pendidikan. Walau Bagaimanapun

nama KPM kemudiannya dipinda kepada Kementerian Pelajaran. Oleh yang demikian KPM tidak ada halangan untuk mempertimbangkan cadangan tersebut.

Sebenarnya kami sebagai warga pendidik, kami akur dengan keputusan di peringkat atasan yang mana pertukaran nama itu dibuat di peringkat Jemaah Menteri sebelum itu. Maka mungkin cadangan ini kena pada masa kita melihat. Walau bagaimanapun Kementerian Pelajaran ini tidak berfungsi hanya mengajar dan tidak mendidik sepertimana yang dapat dilihat ada persepsi yang tidak tepat. Ingin saya mengatakan bahawa dari segi peranan fungsi, falsafahnya tidak ubah. Kandungan tidak ubah, jenama itu diubah mengikut keputusan yang telah diambil oleh pihak atasan. Jadi saya rasa itu adalah soal penting dan kita kena tengok perisiannya, bukan pada nama sahaja. Saya rasa itu adalah perkara yang telah dibangkitkan. Saya mengalu-alukan cadangan tersebut.

Yang Berhormat Ir. juga bertanya tentang latihan kepada guru-guru PPSMI jauh daripada sasaran dan saya akan secara khusus membincangkan PPSMI dan juga tentang pendidikan ini dalam *chapter* yang akan datanglah.

Yang Berhormat Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin bertanya mungkin KPM boleh mengeluarkan kursus *master* untuk guru-guru yang diiktiraf oleh MQA. Ada beberapa Ahli Dewan Negara membangkitkan tentang kursus ataupun ijazah yang telah dikeluarkan. Kekhawatiran kepada Ahli-ahli Parlimen mendapati mungkin ianya tidak diiktiraf. Soal pengiktirafan oleh MQA ini tidak menjadi satu masalah.

Sebenarnya untuk makluman Dewan yang mulia ini LAN, Lembaga Akreditasi Negara telah dibubarkan pada tahun lalu iaitu pada 2 November. Selepas itu digantikan dengan MQA. Apabila MQA ini mengambil alih sudah ada perbincangan di antara Kementerian Pelajaran Malaysia dan khususnya KSU nya adalah ahli tetap di dalam MQA dan pelbagai usaha telah dibuat di antara dua pihak MQA dengan BPG kementerian kita untuk melihat. Untuk makluman, apa yang telah dilakukan oleh BPG memang memenuhi syarat.

Dari segi prasarana, dari segi *syllabus* yang kita ajar itu memang wajar ianya diberi penganugerahan ijazah. Jadi saya rasa dari masa ke semasa pematuhan peraturan-peraturan MQA itu akan kita patuhi sepenuhnya dan saya tidak nampak di manakah masalahnya dan apatah lagi MQA ini berpotensi menjadi satu badan rujukan apabila pihak negara asing mahu merujuk tentang standard di Malaysia dan saya yakin BPG ini memang sebagai salah satu institusi yang diiktiraf dari segi melahirkan guru yang berkualiti.

Saya rasa jenis keguruan itu masih lagi dilatih oleh IPG dan ianya tidak jadi masalah segala kerangka di dalam MQA itu dipatuhi oleh Kementerian Pelajaran Malaysia...

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi:** Saya pohon laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Berkenaan dengan sekiranya mana-mana IPG itu tidak menerima pengiktirafan secara langsung oleh MQA . Adakah perkara

ini akan mengakibatkan skim gaji ataupun pelantikan guru terbabit akan jadi lambat ataupun akan menjadi tergendala kerana tiada pengiktirafan daripada MQA secara *direct*. Terima kasih.

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya ini satu pertanyaan yang baik. Kalau kita lihat mode KPLI, kalau kita terima pelatih-pelatih ini bermakna mereka ini merupakan graduan daripada IPTA atau IPTS yang diiktiraf. Selepas itu mereka sudah masuk ke IPG untuk mengikuti kursus KPLI. Bermakna dalam konteks ini kita hendak melatih guru kita yang benar-benar faham tentang pedagogi dan tentang PNP. Jadi dalam konteks ini saya rasa dari segi mutunya kalau kita kata bila masuk ke IPG mereka tidak sama taraf mungkin peringkat awalnya dari segi pengiktirafan terhadap kualiti calon itu sebelum masuk ke universiti itu perlu kita lihat. Maka kalaulah ianya bermula daripada peringkat IPTA ianyalah merupakan satu universiti yang telah diiktiraf, saya rasa tidak akan menjadi masalah, Itu sebagai satu contoh.

Keduanya bagi mode PISMP dan juga KDC. Oleh kerana syarat-syarat kemasukan minima ini berpandukan kepada syarat-syarat yang telah termaktub dalam peraturan MQA, saya yakin ianya seperti IPTA dan IPTS yang lain. Akhirnya mendapat pengiktirafan. Saya rasa soal ini tidak akan menjadi masalah kerana Malaysia ini hanya da satu institusi yang melahirkan guru yang unggul tidak lain dan tidak bukan IPG di Kementerian Pelajaran Malaysia.

Jadi Yang Berhormat Tan Sri juga bertanya sama ada kursus *master* dapat dianjurkan. Kalau kita melihat pindaan akta ia ada menulis secara jelas, termaktub dalam akta ini bahawa ijazah ataupun kelayakan yang lain bermaksud kalau kita sebut ijazah ia tidak semestinya pada *basic degree, first degree* ia mungkin ijazah sarjana dan ijazah doktor falsafah. Saya rasa dalam konteks ini ia tidak menjadi satu kekangan kepada kita untuk menganjurkan kursus tersebut.

Yang Berhormat Tan Sri turut menyarankan agar guru perlu memiliki ilmu dalam pelbagai bidang terutamanya Pendidikan Islam. Penekanan mengenai agama perlu dan diberikan di peringkat latihan guru. Juga perlu pengajian di dalam bidang kebudayaan. Pelatih-pelatih perguruan yang beragama Islam sememangnya diwajibkan mengambil kursus pengajian Islam yang diberikan kredit di dalam tempoh pengajian di IPG. Jadi kursus pengajian Islam ini pelatih diberi pendedahan dan latihan mengenai ilmu dan amalan agama Islam. Manakala aspek kebudayaan, pelatih guru di kehendaki mengikuti aktiviti-aktiviti kebudayaan dalam kegiatan kokurikulum.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini sebenarnya pelatih-pelatih guru ini mereka bukan semata-mata mengikuti kursus. Mereka akan dihantar untuk menjalankan latihan amali di sekolah. Bermakna, mereka telah diberi pendedahan tentang adat resam, tentang kebudayaan, pantang larang masyarakat Malaysia. Saya rasa itu tidak secara langsung tapi pendedahan itu membolehkan mereka menguasai ataupun mempunyai pemahaman tentang aspek kebudayaan ini.

Yang Berhormat Tan Sri juga bertanya adakah taraf ijazah yang akan diperoleh guru pelatih tajaan KPM setaraf dengan ijazah yang dikeluarkan oleh UPSI. Untuk makluman, ijazah yang akan dianugerahkan oleh IPG adalah setaraf dengan ijazah yang dianugerahkan oleh IPTA dan ini adalah kerana semua institusi pengajian tinggi menganugerahkan ijazah dan perlu mematuhi kod amalan jaminan kualiti yang ditetapkan oleh MQA.

Yang Berhormat Tan Sri juga bertanya apakah yang dimaksudkan dengan Pendidikan Khas. Adakah latihan diberikan pada guru yang akan mengajar pendidikan khas. Dalam Akta Pendidikan 1996 sedia ada takrif pendidikan khas adalah pendidikan yang menyediakan keperluan pendidikan khas murid dan dalam konteks ini ia merujuk kepada murid yang mempunyai satu kecacatan sahaja, *single disability*. Pindaan ini memperluaskan skop pendidikan khas kepada kategori lain iaitu merangkumi pendidikan Orang Asli, Penan, pemberian khas dan KIA2M sepertimana yang telah saya huraikan tadi.

Yang Berhormat Datuk Hajah Azizah bertanya berapakah bilangan guru yang memilih untuk berhenti atau bersara awal.

■1650

Jumlah guru yang telah bersara awal sehingga 1 Disember 2008 adalah 431 orang manakala jumlah guru yang meletak jawatan sehingga 1 Disember 2008 adalah 315 orang. Yang Berhormat Datuk Hajah Azizah juga bertanya apakah strategi lain untuk menggalakkan anak-anak Orang Asli untuk ke sekolah. Antara usaha yang telah dijalankan oleh kementerian adalah pemberian KWAMP kepada murid Orang Asli, pelaksanaan kelas dewasa kepada ibu bapa dan murid Orang Asli bertujuan menggalakkan anak-anak ke sekolah dan melaksanakan Program Sekolah Model Khas Komprehensif (K-9), membina asrama untuk menempatkan anak-anak Orang Asli yang tinggal jauh dari sekolah.

Yang Berhormat Datuk Hajah Azizah juga bertanya sama ada kementerian memberi latihan ICT, bahasa Inggeris dan menyelidik diberikan di IPG supaya semua perkhidmatan tidak perlu menghadiri kursus. Kurikulum latihan perguruan di IPG telah mewajibkan aspek ICT, bahasa Inggeris dan penyelidikan dipelajari oleh setiap pelatih. Walau bagaimanapun, oleh kerana aspek-aspek tersebut sentiasa berkembang maju maka kursus dalam perkhidmatan perlu diadakan bagi menambah ilmu pengetahuan dan kemahiran guru dalam bidang tersebut.

Tadi saya juga mendengar pandangan daripada Ahli Dewan Negara juga tentang sebelum itu ada rintihan di mana guru-guru dihantar mengikuti kursus semasa dalam perkhidmatan menyebabkan dalam sekolah itu kucar-kacir. Akan tetapi sebenarnya Kementerian Pelajaran mulai tahun ini kita telah mengembalikan satu sistem iaitu *school based* berdasarkan kepada sekolah latihan untuk mempertingkatkan lagi penguasaan ilmu pada guru itu kita serahkan secara bulat-bulat sama ada melalui JPN ataupun melalui sekolah. Saya rasa kalau dahulunya terdapat rintihan mereka terpaksa pergi jauh dan kelas ditinggalkan ianya dapat dikurangkan ke tahap minima. Saya rasa ini adalah satu perkara yang ingin saya tambah.

Yang Berhormat Datuk Hajah Azidah juga menyarankan agar seimbangkan ambilan guru wanita dan lelaki supaya seimbang; lelaki boleh menjadi *role model* kepada pelajar lelaki. Ingin saya memberitahu Dewan yang mulia ini sebenarnya pengambilan pelajar ataupun pelatih lelaki ini ke IPG sebenarnya berdasarkan maklumat yang ada satu kepada empat. Bermaksud 80% adalah pelatih perempuan dan selebihnya 20% adalah lelaki. Jadi dalam konteks ini, ingin saya menyatakan tidak ada diskriminasi terhadap pelatih lelaki ataupun kita tak kata sengaja tak membenarkan mereka melatih dan saya ingin memberitahu Yang Berhormat sebenarnya perkara ini patut dilihat secara total.

Untuk kursus teknikal kebanyakan yang dihantar menjadi pelatih ini mereka adalah kaum lelaki. Jadi saya rasa untuk IPG sahaja yang menjadi guru peratusannya agak tinggi dan perkara ini merupakan fenomena di seluruh dunia. Saya mengambil contoh di IPTA kini ada 67% mahasiswi. Bermakna mahasiswi ini merupakan 2/3 daripada jumlah mahasiswa dan mahasiswi di IPTA, kerana ini adalah satu fenomena dan kerana ini adalah satu fenomena dan kita cuba mengatasinya. Sekiranya ada calon lelaki yang layak, saya rasa kita tidak keberatan untuk menerima mereka masuk dan mereka perlu melalui ujian dan temu duga seperti mana yang disyaratkan baik untuk kaum lelaki ataupun perempuan

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, panjang lagikah Yang Berhormat?

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Saya cuba habiskan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya minta Yang Berhormat duduk sekejap kerana Dewan ada menerima satu Usul untuk dikemukakan. Silakan Yang Berhormat.

### USUL

#### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**4.54 ptg.**

**Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1) saya mohon mencadangkan bahawa Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai diputus dan diluluskan Rang Undang-undang Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara 2008 dan selepas itu Majlis mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi pada hari Rabu 10 Disember 2008”.

**Timbalan Menteri Pengajian Tinggi I [Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat untuk sambung jawapan.

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seterusnya Yang Berhormat Datuk Hajah Azizah turut bertanya adakah KPM akan mengadakan latihan untuk guru-guru dan pembantu di prasekolah. Untuk makluman, KPM sentiasa mengadakan latihan prasekolah di IPG mengikut unjuran keperluan guru yang telah ditetapkan setiap tahun.

Seterusnya Yang Berhormat Datuk Hajah Azizah juga mencadangkan supaya latihan amali untuk guru-guru pelatih diadakan dan ditempatkan di kawasan pedalaman supaya tidak terkejut sekiranya ditempatkan di luar bandar. Kurikulum latihan guru telah mewajibkan para pelatih lulus dalam latihan amali, praktikum. Semasa latihan juga mereka telah ditempatkan di kawasan pedalaman.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini sebenarnya ianya tidak menjadi satu masalah kerana pelbagai ujian genting telah dilalui dan ada sanggup sampai mengajar di sekolah di pedalaman yang kadangkala mungkin dua tiga jam baru sampai ke sekolah. Saya rasa itulah antara rintangan yang perlu dilalui sebagai guru yang berjaya.

Seterusnya, ditanya pula sekiranya IPG mengeluarkan ijazah tidakkah nanti terdapat lambakan guru ijazah. Adakah KPM menetapkan akan menetapkan setiap SK dan SMK mempunyai 100% guru ijazah dan bilakah sasaran ini akan tercapai. Untuk makluman, tidak akan berlaku lambakan guru berijazah kerana pengambilan pelatih ke IPG berdasarkan unjuran dan keperluan norma perjawatan dan kedua tambahan norma perjawatan daripada 1.5 kepada 1.7 menuntut penambah bilangan guru. Mengenai bilakah sasaran ini akan dapat tercapai ini kita masih lagi berusaha. Seperti mana yang telah saya huraikan mungkin kita tidak sempat buat 2010 tetapi peratusannya menghampiri sasaran kita.

Yang Berhormat Datuk Hajah Azizah turut bertanya bagaimanakah KPM selaras memantau kawal kurikulum yang diamalkan oleh pengusaha tadika swasta. Apakah contoh kurikulum tambahan yang dibenarkan atau tidak dibenarkan. Setiap tadika yang beroperasi di Malaysia diwajibkan menggunakan kurikulum prasekolah kebangsaan dan memperuntukkan masa minimum sekurang-kurangnya pada setiap hari persekolahan untuk kurikulum ini seperti yang diperuntukkan dalam Akta Pendidikan 1996, Peraturan-peraturan Pendidikan Kurikulum Prasekolah Kebangsaan 2002 di bawah Peraturan 3 dan Peraturan 5.

Kurikulum tambahan yang akan dijalankan oleh pengusaha tadika swasta perlu dimaklumkan kepada ketua pendaftar pengendalian kurikulum tambahan tanpa memaklumkan dan mendapat kelulusan ketua pendaftar adalah menjadi satu kesalahan di bawah Akta Pendidikan 1996. Beberapa contoh kurikulum tambahan yang telah diluluskan oleh KPM ialah Smart Reader, Kumon dan MRC.

Seterusnya, Yang Berhormat Tuan Rawisandran ada membangkitkan tentang kekurangan guru di SJK(C) dan SJK(T) yang perlu diatasi dengan segera dan GSTT hanya

mengatasi masalah untuk jangka pendek dan unjuran tepat perlu diramalkan bagi mengatasi kekurangan guru ini..., tidak beri statistik GSTT di SJK(T)

Saya masih ingat ketika saya dilantik sebagai Timbalan Menteri Pelajaran kalau tidak silap saya semasa itu pada 8 Disember 2007 telah dikeluarkan waran dan bersertakan dengan waran kali kedua pada Mac 2008 dan ianya lebih kurang 1,000 waran GSTT yang dikeluarkan. Selepas itu, atas permintaan dan kita meninjau di mana SJK(T) masih memerlukan waran GSTT maka ditambah lagi 399 berkuat kuasa pada 1 Julai dan jumlahnya lebih kurang 1,400 GSTT.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini waran GSTT tidak semestinya jumlah GSTT kerana waran GSTT untuk membolehkan pengambilan GSTT dan kalau dibuat secara praktikalnya kadangkala yang diisi mungkin 1,000 orang atau 1,200 orang dari semasa ke semasa. Maka saya rasa itu secara spontan ingin saya berikan statistik untuk SJK(T).

Manakala untuk SJK(C) pula saya masih ingat lagi jumlah untuk kali pertama dan kedua ialah 3,095 dan selepas itu nampaknya ada keperluan telah ditambah 1,077 waran GSTT dan jumlahnya 4,172 dan kekurangannya pada SJK(C) adalah 3,000 lebih setakat ini. Akan tetapi ada yang terlebih sedikit kerana ianya kadangkala memudahkan kerja di JPN.

#### ■1700

Jadi saya rasa itulah sedikit sebanyak tentang GSTT dan jumlah GSTT nya untuk sepanjang 2008 SJK(T) saya boleh bagi pengesahan ialah 1,491. Yang Berhormat Rawisandran juga mencadangkan KPM menyerap GSTT kepada lantikan tetap dan diberi kursus semasa dalam perkhidmatan. Ingin saya memaklumkan bahawa Yang Berhormat Allahyarham Dato' Razali bin Ismail, apabila mendengar rintihan dan juga beberapa Ahli Parlimen membangkitkan perkara ini, beliau telah membuat keputusan pada mulanya kalau kita melihat kapasiti, ia mungkin sekadar 100 pelatih KDC yang boleh kita ambil dan selepas beliau sendiri melihat perkara ini dan mendengar pandangan, ianya telah ditambah pada mulanya 200 terakhirnya ditambah menjadi 300 untuk KDPN mod KDC bermakna mereka mendaftar pada 16 November ini dan selama tiga setengah tahun bagi mereka yang berkhidmat sebagai GSTT di SJK(T).

Saya rasa inilah latar belakang apa yang telah dilakukan untuk tahun ini dan saya yakin ianya sebagai satu kaedah untuk kita menyerap GSTT dalam sistem kita. Jadi saya rasa itu juga membantu untuk mengekalkan *good performance quality*. Okey, seterusnya Yang Berhormat Hajah Mumtaz ada bertanya bagaimana KPM memastikan guru-guru faham tanggungjawab masing-masing dan apabila mereka mula mengajar. Kurikulum latihan guru telah memberi penekanan kepada tanggungjawab sebenar guru semasa mereka mengikuti latihan sebenar di IPG. Bermakna ini adalah sesuatu modul yang akan diajar kepada semua guru tidak kira latar belakangnya dan ianya akan diserapkan dan akan kita latih semasa mereka berada di IPG.

Yang Berhormat Hajah Mumtaz juga minta buat kajian apakah impak terhadap graduan KPLI mengajar di sekolah berbanding guru yang dihasilkan oleh IPT? Maklum balas kepuasan pengetua dan guru besar terhadap KPLI dijalankan secara berterusan setelah lulusan

ditempatkan di sekolah. Setakat ini maklum balas yang diperoleh menunjukkan bahawa pengetua dan guru besar berpuas hati terhadap prestasi guru-guru ini dan hampir kesemua perkara yang telah dinilai. Bermakna kita menerima maklum balas daripada pengetua dan guru besar. Kita tidak mahu kualiti mungkin ada yang mengatakan cuma setahun mereka tidak mempunyai seperti IPTA mungkin dilatih selama tiga, empat tahun tetapi *basic* pengetahuan yang ada pada seseorang calon itu sebenarnya itu memang telah dimiliki.

Jadi dari segi untuk membentuk calon itu ataupun seseorang individu sebagai watak guru, saya rasa itulah dalam tempoh setahun itu sedaya upaya mencuba membentuk seorang guru dalam konteks ini. Jadi saya rasa itu memang sesuatu perkara yang telah menjadi amalan kita. Seterusnya Hajah Mumtaz juga bertanya apakah usaha KPM dalam melahirkan guru yang boleh mendidik murid supaya boleh berjaya di usaha muda begitu juga mendidik murid yang berketerampilan dan memiliki personaliti yang sewajarnya. Saya juga meneliti apa yang telah Yang Berhormat katakan tadi. Sebenarnya, kurikulum latihan guru telah menjurus kepada penguasaan ilmu pengetahuan dan kemahiran dan nilai.

Yang Berhormat telah mengambil contoh di sebuah negara 15 tahun boleh menjadi jurutera. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat sebenarnya sebagai ahli dalam badan profesional, IEM juga, saya rasa bukan sahaja kelayakan itu. Mungkin saya rasa dalam sesebuah negara, jarang sekali di negara lain sekalipun negara maju sekali pun mereka mempunyai jurutera pada usia 15 tahun. Mungkin ada seorang dua yang dianggap sebagai golongan cerdik pandai yang dikatakan *gifted child*. Itu mungkin berlaku. Di Malaysia pun kita ada genius seperti itu tetapi tidak bermaksud rata-rata sistem pendidikan kita, kita hendak melatih anak-anak kita menjadi jurutera pada usia 15 tahun.

Seperti mana yang saya katakan proses pembelajaran itu sebenarnya *process of learning* dengan izin, dan kita hendak menilai macam mana seseorang itu pembentukan insan itu juga sebahagian daripada pendidikan. Saya rasa sebab itulah saya mengatakan mungkin seperti mana yang telah saya perelaskan untuk mereka yang berkeperluan khas, kita ada satu mekanisme untuk bekerjasama dengan universiti tetapi tidak semualah kita melatih anak-anak kita dan menjelang usia 15 tahun mereka akan menjadi saintis ataupun jurutera. Itu tidak bermaksud secara sejagat kita buat macam itu. Jadi Yang Berhormat juga membangkitkan tentang sama ada AUKU akan diguna pakai apabila IPG ini melahirkan guru-guru ijazah. Untuk makluman, AUKU ini merupakan satu akta untuk kita menubuhkan universiti.

IPG mempunyai sejarah yang berlainan kerana IPG ini bermula daripada maktab perguruan. Seperti mana yang saya huraikan perbezaan IPTA dengan IPG, kita mempunyai peraturan yang sedia ada dan saya rasa guru-guru yang kita hendak latih itu sebenarnya mereka mempunyai ciri-ciri personaliti sebagai seorang guru. Jadi tidak wujudnya masalah mereka akan mengukur mereka tidak boleh buat ini dan itu yang ada cuma perkara-perkara disiplin sahaja seperti kalau sesuatu yang tidak sihat tidak usahlah dibawa ke IPG. Saya rasa tidaklah sampai

kita mengekang dan ianya tidak kita sama sekali mengguna pakai AUKU di dalam IPG ini. Jadi saya rasa kita perlu jelas AUKU itu termasuk sebagai instrumen menubuhkan universiti, kuasa menubuhkan senat, Majlis dan sebagainya.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw:** Saya pohon laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya mempunyai beberapa perkara yang hendak diminta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Pertama seperti tadi apabila disebut tentang apa yang telah diujahkan oleh Senator Azizah berkaitan dengan masalah penggunaan internet di IPG. Saya ingin tanyakan kepada pihak kementerian adakah bilamana universiti mempunyai *Open University* yang menjalankan pengajaran secara maya, adakah IPG juga satu hari nanti akan menggunakan kaedah yang sama untuk memastikan guru-guru tidak perlu hadir ke satu-satu tempat untuk proses pembayaran dan mewujudkan IPG berbentuk maya, pertama.

Kedua bila disebut tentang cadangan ataupun keadaan yang berlaku di Dubai berkenaan dengan jurutera. Saya bukanlah spesifik mahu Kerajaan Malaysia mengeluarkan jurutera pada usia 15 tahun. Akan tetapi bagaimana kerajaan memahami aspirasi dalam dunia ini bila mana sekarang kehendak ataupun persaingan yang dihadapi oleh anak-anak kita ini memang menjadi lebih cepat kerana ada negara seperti Morocco yang mempunyai menteri, kanak-kanak kerana mereka ini memandang bahawa kanak-kanak ini perlu diberi pendedahan di peringkat yang lebih awal kerana dunia ini sudah makin laju dan makin cepat.

Jadi saya minta cuma pandangan secara umum untuk diberikan oleh pihak kementerian bukan spesifik. Berkaitan dengan AUKU, tadi saya bertanya adakah AUKU ini akan diterima pakai kepada IPG? Jadi bila kita mengatakan bahawa maktab dinaiktarafkan menjadi IPG, kita juga bersedia untuk menerima bahawa maktab akan menjadi sebuah universiti satu hari nanti. Mungkin tahap pertama, IPG. Ia mungkin akan menjadi universiti katakanlah seperti UPSI. Jadi sekiranya mungkin UPSI terlibat dengan AUKU adakah maksud saya IPG juga akan terlibat dengan AUKU. Bukan kita tidak memahami bahawa AUKU itu untuk universiti tetapi bila naik taraf itu menjadi institut. Adakah perkara yang sama akan meliputi sektor ini? Terima kasih.

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekiranya rezeki ada, kita akan terima balik UPSI, masa itulah kita kena buat perubahan dari segi pindaan akta juga. Kalau kita berpandukan kepada apa yang ada sekarang, institusi itu ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 Pindaan 1975. Jadi saya rasa dalam konteks sekiranya seandainya kita tarik balik, bermakna perkara itu perlu dirujuk semula dan kita kena lihat undang-undang, itu yang pertama. Keduanya Yang Berhormat bertanya tentang ini yang baru saya hendak masuk, adakah semua guru diberikan kemudahan *laptop* sama seperti guru PCMI?

Pada masa ini kemudahan laptop diberikan kepada guru PCMI sebagai bahan bantu pengajian dan memang IPG sedang dalam peringkat untuk menggalakkan semua pelatih sekurang-kurangnya memiliki satu laptop yang dapat kita buat. Keduanya kita juga akan

memperluas IPG net. Kalau kita biasa dengan perkataan, "*school.net*", bermakna IPG net itu juga penting kerana mereka ini boleh berkomunikasi mengikut peredaran zaman.

#### ■1710

Ini bermakna kalau mereka buat *assignment*, tak payah hantar, mereka boleh terus e-mel dan sebagainya. Saya rasa itu adalah mengikut peredaran zaman, jadi kita dengan erti kata yang pendek, kita jangan ketinggalan dan sentiasa IPG ini mempunyai satu matlamat supaya guru kita memang guru yang dapat seiring dengan zaman. Itu yang ingin saya beri jaminanlah. Yang Berhormat juga mencadangkan agar program j-QAF diteruskan ke peringkat menengah kerana masih berlaku kekurangan guru dan mencadangkan tulisan jawi diajar semula.

Untuk makluman, program j-QAF yang dilaksanakan di sekolah rendah pada masa ini telah memasuki tahun keempat dan pada tahun 2010 semua sekolah rendah akan melaksanakan program ini. KPM memang mempunyai perancangan untuk meluaskan program ini di sekolah menengah pada masa akan datang.

Soal mempelajari tulisan jawi adalah sebahagian dari kurikulum pendidikan. Pada masa ini pelajaran jawi diajar di semua sekolah rendah. Yang Berhormat juga membangkitkan tentang penglibatan PIBG yang terhad, ubah supaya ibu bapa lebih terlibat dengan pendidikan anak-anak. Pertemuan PIBG di sekolah sememangnya dengan hasrat untuk memungkinkan ibu bapa terlibat dengan pendidikan anak-anak mereka.

Antara tujuan penubuhan PIBG ialah mengadakan satu forum dan perkhidmatan bagi kebajikan, kemajuan murid dalam sekolah meningkatkan imej sekolah. Kedua, membantu dan menambah usaha sekolah untuk memenuhi kehendak dan keperluan kebendaan murid dan kegiatan mereka. Ketiga membolehkan ibu bapa dan guru dalam sekolah bertukar-tukar fikiran dan makluman mengenai pendidikan. Keempat, memberi peluang kepada ibu bapa dan guru berunding di antara satu sama lain tentang cara memperbaiki taraf pendidikan anak kita. Terakhir sekali, berhubung usaha menambah kewangan sekolah dan meningkatkan kemudahan fizikal bagi meningkatkan kemudahan pelajaran dan pembelajaran.

Yang Berhormat juga bertanya tentang adakah KPM akan membenarkan pelajar luar negara untuk belajar di IPG dan bagaimana dengan guru-guru yang ingin belajar di luar negara untuk ijazah pertama.

KPM sememangnya beri kebenaran pelajar guru luar untuk belajar di IPG. Sebagai contoh, pelajar dari Aceh, guru dari Thailand dan Brunei, mereka ada dalam IPG. Atas kekangan kewangan KPM, kita tidak dapat menghantar guru-guru dalam perkhidmatan ke luar negara untuk melanjutkan pelajaran di peringkat ijazah pertama.

KPM lebih menumpukan usaha untuk pensiswazahan guru melalui program dalam negara. Ingin saya maklumkan kepada Yang Berhormat, sebenarnya kita mempunyai IPG yang bertaraf dunia dan sebagai contoh, melatih guru-guru yang berkelayakan *Bachelor of Education*

dalam TESL dan mereka apabila sampai ke universiti luar negeri, mereka boleh mendapat *first class* dan mereka pulang ke Malaysia.

Ini bermaksud kalau ada satu program berkembar di antara IPG dengan universiti terkemuka luar negara, Malaysia masih mampu dan kita menjadi satu *role model* kepada negara lain. Malahan ada negara-negara serantau yang ingin meniru atau mempelajari pengalaman kita di IPG. Yang Berhormat juga bertanya, adakah guru di sekolah juga mempunyai akhlak kelas pertama selain daripada minda kelas pertama dan bagaimana KPM memastikan perkara ini.

Untuk makluman, guru di sekolah buat masa ini mempunyai akhlak yang tinggi sejajar dengan peranan mereka sebagai pendidik. KPM sentiasa memastikan guru mempunyai sikap nilai dan akhlak yang baik. Pendidikan Islam Hadhari yang telah diperkenalkan oleh kerajaan telah diterap semasa dalam melatih guru-guru supaya mempunyai nilai akhlak yang tinggi.

Dalam kurikulum perguruan, sahsiah membina guru-guru pelatih merupakan satu komponen yang penting. Bina insan guru dan keagamaan juga memang diberi tumpuan, tidak kira daripada keturunan lain, asas akhlak, agama, peradaban adalah merupakan kata kunci yang diberi perhatian.

Yang Berhormat, saya ingin pergi kepada beberapa persoalan yang dibangkitkan tadi mengenai ujian personaliti. Sebenarnya bagi mereka yang ingin memasuki IPG, mereka kena melalui *M-Test*. *M-Test* ini adalah satu ujian khas, kita tidak semata-mata melihat keputusan Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Kita kena lihat sama ada orang itu wajar atau tidak atau mempunyai komitmen dan ada perwatakan, ada potensi untuk menjadikan dia guru kelas pertama.

Sebab itulah kita mengadakan satu saringan, memastikan kualiti guru itu sentiasa terjamin. Jadi saya rasa itu adalah satu perkara yang juga.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawis:** Saya mohon sekali lagi, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan *M-Test*, saya rasa kita pun sedar sebelum mana-mana orang dilantik ataupun menjadi calon kepada guru, mereka mesti menjalani dua peperiksaan, sama ada bertulis atau peperiksaan lisan. Akan tetapi yang saya maksudkan ialah bentuk-bentuk personaliti yang perlu diikuti dan dilepasi oleh mereka ini sepanjang mereka berada di IPG, bukan sebelum mereka diterima masuk ke IPG, itu yang saya maksudkan.

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Yang Berhormat, sebenarnya penilaian di IPG tidak semata-mata kepada ujian yang diambil kerana penilaian itu berdasarkan kepada prestasi semasa berkursus. Saya rasa itu adalah cara kita untuk memastikan guru yang kita latih itu mempunyai ciri-ciri perwatakan sebagai guru yang lebih sempurna.

Jadi saya rasa perkara ini tidak seharusnya melihat dalam markah yang diperolehi 80%, bermakna itu guru yang berjaya. Dalam konteks ini memang ada satu mekanisme untuk memastikannya dan kepada dua atau tiga perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, ingin saya memberi respons walaupun tidak kena mengena dengan pindaan kali ini.

Pertama adalah tentang dasar PPSMI, saya ingin memberitahu Dewan yang mulia ini sebenarnya PPSMI ini satu dasar yang telah dimulakan pada 2003. Sejak kebelakangan ini telah banyak kita mendengar pandangan, saranan daripada pelbagai pihak dan kementerian sentiasa peka dengan pandangan-pandangan ini. Ini bermaksud kementerian sebelum membuat sebarang keputusan, kita mengamalkan konsep musyawarah.

Kita berbincang, sebab itulah arwah atau mendiang Dato' Razali Ismail, sebelum beliau meninggal dunia, satu perkara yang dilakukan Dato' Razali ialah beliau yang memulakan, mengambil inisiatif untuk mengadakan rundingan meja bulat dan memanggil empat kali mesyuarat ini dengan pihak-pihak berkepentingan. Jadi dalam konteks ini, kita bukan saja dengar dari pakar-pakar, pensyarah universiti, pakar-pakar bahasa daripada persatuan penulis, ada juga ibu bapa, PIBG, NUTP dan parti politik termasuk pembangkang pun kita ajak bersama untuk kita membincangkan perkara ini.

Setakat ini, sudah empat kali kita mengadakan rundingan meja bulat dan seperti mana yang telah diumumkan, pada 16 Disember ini akan kita adakan rundingan meja bulat, buat kali yang kelima. Sebelum sesuatu keputusan itu dibuat, sebelum dimuktamadkan, wajarlah dilihat perkara ini secara saintifik dan bukan seperti mana ada pihak yang mengatakan kononnya kita hanya berpandukan kepada keputusan UPSR. Ingin saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa apabila keputusan UPSR diumumkan, ianya sebagai satu tarikh untuk memaklumkan kepada masyarakat, perkara ini akan dimuktamadkan dalam tempoh terdekat selepas pengumuman. Ianya bukanlah faktor yang menjadi faktor tunggal yang mengatakan kononnya keputusan naik, kita akan teruskan atau turun 1%, kita akan terus mansuhkan, ia nya bukan begitu,.

Jadi rundingan meja bulat kelak, kita akan membentangkan dapatan-dapatan daripada rundingan meja bulat sebelum ini dan ianya akan dibincangkan secara profesional, secara ilmiah. Saya yakin perkara ini akan sama-sama mencari satu penyelesaian dan formula yang boleh diterima semua pihak.

Sejak semalam dan hari ini, ramai yang telah melontarkan beberapa idea termasuklah perkara yang dibincangkan secara meluas di media. Ingin saya memberi respons kepada beberapa orang Ahli Yang Berhormat, sebenarnya sistem pendidikan yang ada di Malaysia ini, kita menghormati bahasa Malaysia itu sebagai bahasa Kebangsaan dan tidak ada siapa yang boleh menafikan perkara ini. Seperti kata pepatah Melayu, "*Di mana bumi dipijak, di situlah langit dijunjung*". Tidak kira sekolah jenis kebangsaan Cina, sekolah jenis kebangsaan Tamil, atau sekolah kebangsaan.

#### ■1720

Mereka tetap mempelajari bahasa Malaysia kerana itu bahasa perpaduan, bahasa ilmu dan bahasa intelek dan saya rasa dalam konteks ini mungkin ada pihak yang mungkin tidak mendapat satu gambaran yang lebih jelas seperti mana yang telah sering dibangkitkan.

Sebenarnya Kementerian Pelajaran Malaysia memantau *syllabus* ataupun sukatan pelajaran yang diajar.

Kalau kita sama-sama menyanyikan lagu Negaraku, Negaraku yang sama dan kalau kita kata kita hendak menumpahkan taat setia kepada bumi Malaysia walaupun dalam apa jua bahasa, saya yakin perkara ini dapat kita lihat daripada fakta sejarah dahulu sejak kemerdekaan sampailah ke hari ini dan dalam kita memperakui bahasa kebangsaan, memartabatkan bahasa kebangsaan dan hak untuk mempelajari bahasa ibunda tetap kita beri.

Sebab itu sekolah kebangsaan rata-rata ada yang mengatakan kononnya seperti mana pagi ini Yang Berhormat Menteri kata, ada masyarakat Melayu mengatakan ada kurang unsur agama, manakala masyarakat India dan Cina menganggap ciri-ciri kemelayuannya itu terlalu tinggi.

Jadi saya rasa ini adalah persepsi bagaimana kita hendak menangkis persepsi ini. Saya rasa kita memberi pilihan kepada semua dan saya yakin kita menghormati, kalau kita kata pendemokrasian dalam pendidikan, kita benarkan mereka membuat pilihan dan apa yang penting, apa yang dilakukan tentang P&P yang dilakukan di SJK(T), SJK(C) dan SK adalah perkara yang sama, itu yang penting.

Kedua, Kementerian Pelajaran Malaysia sedar bahawa kalau kita tengok perkara ini telah wujud sekian lama dan malahan Akta Pendidikan 1996 dahulunya, di mana ada pihak yang mempertikaikan khususnya daripada masyarakat Cina dan masyarakat India mempertikaikan artikel 21(2), yang mana masa itu boleh ditubuhkan SJK(C) dan SJK(T) dan selepas dibuat pindaan, iaitu apabila kita meluluskan Akta Pendidikan 1996, kita menangkis sebarang kekeliruan ataupun kekhuatiran masyarakat khususnya masyarakat India dan masyarakat Cina.

Selepas itu, kita galakkan tetapi dalam konteks kepelbagaian ini apa yang kita ingin tonjolkan ialah perpaduan dalam bentuk kepelbagaian, *unity in diversity*. Walaupun barangkali kita mempunyai kepercayaan yang sama, warna kulit yang sama dan perbezaan pendapat, itu tetap ada, tetapi dalam sanubari kita apa yang penting melalui sistem pendidikan kita, apa yang kita ajar, negara kita tetaplah Malaysia dan apa yang kita pelajari, ilmu itu demi kebaikan negara.

Jadi saya rasa dalam konteks ini sistem pelajaran atau sistem pendidikan yang ada pada hari ini, mungkin kalau kita ungkit-ungkitkan lagi mungkin ada perkara yang akan membawa sensitiviti kepada kaum lain. Saya rasa apa yang penting kita memperakui bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan. Itu perlu kita angkat martabatnya, itu tidak berkompromilah dalam soal ini.

KPM selain daripada kita menyedari bahawa sistem pendidikan pelbagai aliran, kita juga memberi peruntukan yang agak banyak untuk kita memulakan dan melaksanakan rancangan integrasi murid, dalam konteks ini ianya agak berjaya dan kita lihat kalau pelajar-pelajar sekolah kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil mereka dapat digabungkan menjalankan aktiviti kokurikulum sukan, saya rasa itu satu permulaan yang sangat baik.

Di samping itu, apabila mereka tamat persekolahan di sekolah rendah, mereka akan masuk sekolah menengah kebangsaan. 90% akan masuk sekolah menengah kebangsaan dan itulah juga sebagai medan untuk kita menyatupadukan mereka. Saya rasa perpaduan itu patut kita lihat dalam bentuk yang lebih besar dan saya yakin kalau kita sebagai rakyat Malaysia dan kita mahukan kepelbagaian sebagai satu kekuatan dan kalau kita percaya bahasa itu ciptaan Tuhan, maka saya rasa apa yang ada pada hari ini merupakan satu khazanah kepada negara.

Saya secara ringkasnya ingin mengatakan bahawa kepelbagaian ini merupakan kekuatan kepada negara kita, dan saya berharap perkara ini dapat sama-sama kita memperkukuhkan perpaduan sesama kita dan apa yang lebih penting negara Malaysia kita kena berdepan dengan cabaran yang lebih besar.

Saya rasa tidak kira kaum, kita sama-sama menjaga martabat negara dan apa yang lebih penting sistem pendidikan kita sentiasa bermutu, dapat kita melawan arus dalam era globalisasi. Saya rasa biarlah memberi gambaran yang lebih luas dan perkara ini wajarlah kita melihat dari faktor sejarah dan juga sampai hari ini, menjaga keharmonian itu merupakan satu agenda yang penting dalam masyarakat majmuk Malaysia.

**Datuk Akbar bin Ali:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Just* saya hendak menyentuh sedikit kerana kesuntukan masa. Memang cantik apabila kita cuba menangani dalam era globalisasi melalui sistem pendidikan adalah salah satu kaedah, salah satu *tools*, tetapi semalam saya menekankan kalaulah kita mahu *survival* dalam era globalisasi ini antara perkara yang penting ialah *resilience and competitiveness* dan adakah Yang Berhormat yakin bahawa sistem pendidikan sekarang, macam mana saya sebut semalam menangani 4K iaitu kepimpinan, kreativiti, keusahawanan dan ketahanan.

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Terima kasih Yang Berhormat, orang kampung. Saya rasa ini adalah satu pandangan yang baik. Saya rasa kalau kita hendak berdepan dengan era globalisasi, kita kena melihat masyarakat kita, kekuatan pada masyarakat kita. Sebenarnya kepelbagaian ini bukan satu penghalang, bukan merupakan kekangan kepada perpaduan dan saya lihat kalau masyarakat Melayu kita sama-sama dapat menguasai bahasa Melayu, kita boleh pergi ke Indonesia yang mempunyai pasaran 230 juta penduduk dan kalaulah masyarakat India boleh menguasai bahasa Tamil dan sekarang kita juga dalam usaha untuk kita meningkatkan lagi penguasaan dalam bahasa Inggeris dan ¼ daripada penduduk dunia boleh bertutur dalam bahasa Cina.

Kalau kita gabungkan kekuatan warganegara Malaysia kita boleh berkomunikasi dengan 70% daripada penduduk dunia. Jadi saya rasa ini adalah satu kekuatan dan sebagai contoh salah seorang kawan saya dia bukan Islam, dia pergi ke Arab dan oleh kerana kebetulan masa itu Malaysia adalah Pengerusi OIC. Dia mendapat banyak peluang perniagaan kerana keyakinan yang ada pada Malaysia sebagai Pengerusi OIC.

Dalam konteks ini kita lihat perkara yang sama. Pergi tidak kira ke India atau China, kalau kita dapat mengemblengkan tenaga kita, saya yakin dalam dunia yang begitu bersaing ini yang mempunyai persaingan yang hebat ini sekiranya kita dapat mempertingkatkan penguasaan ilmu kita, perkara ini dapat kita uruskan dengan baik dan saya yakin kita dapat bersaing dengan dunia.

Akhir sekali Yang Berhormat, saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Dewan Negara yang telah mengambil bahagian, dan oleh kerana pindaan ini merupakan pindaan yang amat penting bagi kita dan ianya amat bermakna dalam lembaran sejarah pendidikan negara. Jadi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada rata-rata Ahli Dewan Negara yang telah memberi sokongan padu kepada pindaan kali ini, dan dengan ini saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.*

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

**Fasal-fasal 1 hingga 10** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

■1730

### **RANG UNDANG-UNDANG**

#### **RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA KENAF DAN TEMBAKAU NEGARA 2008**

##### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

5.31 ptg.

**Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan satu rang undang-undang untuk:

- (i) menubuhkan Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara;
- (ii) membuat peruntukan yang lebih baik berkenaan dengan industri kenaf dan tembakau di Malaysia;

- (iii) membubarkan Lembaga Tembakau Negara; dan
- (iv) mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang bersampingan dan berkaitan dengannya dibaca bagi kali kedua.

Tuan Yang di-Pertua, industri tembakau telah bertapak lebih daripada 40 tahun di negara ini. Industri ini berjaya:

- (i) menjana ekonomi penduduk luar bandar;
- (ii) membasmi kemiskinan;
- (iii) melahirkan usahawan bumiputera dalam perniagaan tembakau dan;
- (iv) menyediakan peluang pekerjaan kepada 12,000 penduduk di luar bandar.

Industri tembakau telah di bangun secara terkawal dengan sokongan daripada Lembaga Tembakau Negara (LTN) secara pakej daripada penyediaan benih sehingga kepada pemasaran daun tembakau kering.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Skop liputan yang luas daripada peringkat huluhan sehingga peringkat hiliran telah membolehkan industri ini berjaya, stabil dan kekal hingga sekarang. Walaupun saiz industri tembakau adalah kecil, ianya tetap penting bagi penduduk di kawasan luar bandar terutamanya di negeri Kelantan dan Terengganu yang menyumbang kepada 80% daripada jumlah pengeluaran tembakau negara dari jenis Virginia. Tanaman tembakau di dua negeri ini diusahakan di tanah bris yang merupakan tanah yang kurang sesuai untuk pertanian kecuali dengan tahap pengurusan yang baik. Kejayaan penanaman tembakau di tanah tersebut telah dapat membantu meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat setempat khususnya kaum nelayan yang berkecimpung dalam industri penanaman tembakau.

Tanaman tembakau juga diusahakan di negeri Kedah, Perlis, Pahang, Melaka, Negeri Sembilan dan Johor. Manakala negeri Sabah merupakan pengeluar tunggal tembakau jenis Berly yang diawet menggunakan kaedah awetan udara berbanding yang ditanam di Semenanjung Malaysia yang menggunakan awetan pemanas.

Kejayaan industri tembakau ini adalah disebabkan dasar perlindungan dan kawalan oleh kerajaan daripada segi pengenaan cukai import yang tinggi ke atas tembakau import, kuota pengeluaran, pasaran dan harga tembakau yang terjamin. Namun begitu, perkembangan globalisasi dan kerjasama ekonomi serantau seperti komitmen Malaysia terhadap pelaksanaan *ASEAN Free Trade Area* di mana tembakau akan diliberalisasikan sepenuhnya menjelang 2010 akan mengubah daya saing dan *survival* industri tembakau secara menyeluruh.

Di bawah AFTA, cukai import *Common Effective Preferential Tariff* atau CEPT bagi tembakau akan diturunkan kepada 5%. Dengan penurunan ini, secara langsung segala perlindungan percukaian terhadap industri tempatan terhapus. Dengan kos pengeluaran tembakau di Malaysia yang tertinggi di rantau ASEAN pada masa ini, ia menjadikan industri ini

tidak lagi berdaya saing. Sebagai persediaan menghadapi liberalisasi AFTA sepenuhnya dan meningkatkan daya saing industri tembakau, kerajaan telah melaksanakan rancangan penstrukturan semula industri tembakau.

Langkah utama di bawah RPSIT meliputi pembangunan prasarana di kawasan tanaman tembakau dan penstrukturan sistem pengeluaran. Penanam dan pengawet yang tidak cekap dan berdaya saing telah dikeluarkan daripada industri dan sistem pengeluaran baru telah diperkenalkan iaitu sistem penanam dan pengawet individu atau PPI. Melalui sistem ini, penanam akan mengawet sendiri daun tembakau yang dihasilkan untuk menambah nilai tembakau melalui proses pengawetan. Penjualan tembakau yang telah diawet membolehkan penanam memperolehi pendapatan yang lebih tinggi berbanding dengan penjualan daun hijau. Penanam dan pengawet yang dikeluarkan dari industri ini telah diberi bantuan melalui Skim Bantuan Peralihan Penanam Tembakau atau BPPT dan Skim Galakan Penstrukturan Pengawet.

Kedua-dua skim ini melibatkan peruntukan sebanyak RM173.1 juta. Selain itu, kerajaan juga telah memperuntukkan sebanyak RM25 juta di bawah Rancangan Malaysia Kelapan dan Rancangan Malaysia Kesembilan serta sumbangan oleh pengilang rokok sebanyak RM20 juta untuk melaksanakan tanaman integrasi. Dengan itu jumlah keseluruhan bantuan kepada penanam dan pengawet yang diperuntukkan adalah sebanyak RM218.1 juta. Tuan Yang di-Pertua, kementerian saya menerusi LTN, Lembaga Tembakau Negara sedang berusaha membantu penanam tembakau daripada terus bergantung kepada tanaman tembakau dengan memperkenalkan program integrasi tanaman dan ternakan. Tanaman dan ternakan yang diusahakan adalah seperti jagung manis, tembikai, keledak, pisang, sayur-sayuran dan tanaman herba serta ternakan ikan dan kambing. Sehingga bulan Oktober 2008, LTN telah membangunkan hampir 1,100 hektar tanaman integrasi terutamanya di negeri Kelantan dan Terengganu dan telah menyumbang pendapatan tambahan bernilai hampir RM12 juta.

Selain daripada tanaman-tanaman tersebut, LTN juga telah mengenal pasti kenaf iaitu sejenis tanaman jangka pendek untuk dibangunkan sebagai tanaman alternatif kepada tembakau. Kenaf boleh diproses untuk menghasilkan produk seperti gentian semula jadi atau *natural fibre*, bio komposit, pulpa dan kertas, *insulator*, tekstil dan makanan haiwan. Usaha-usaha memajukan kenaf sebagai tanaman industri telah dimulakan sejak tahun 2007 dengan keluasan tanaman 400 hektar. Pada tahun 2008, LTN mensasarkan keluasan tanaman kenaf sebanyak 650 hektar dan 1,000 hektar pada tahun 2009. Menjelang 2015, LTN mensasarkan untuk membangunkan 7,000 hektar tanaman kenaf.

#### ■1740

Tuan Yang di-Pertua, usaha membangunkan tanaman kenaf sebagai sumber pertumbuhan yang amat mencabar kerana ianya merupakan satu industri yang baru. Namun begitu, usaha-usaha untuk mengkomersialkan industri berasaskan kenaf ini sedang giat dijalankan. Kementerian telah mengambil pendekatan mengintegrasikan aktiviti hulu dan

hiliran seperti penanam menikmati faedah nilai tambah, jaminan harga dan pasaran yang stabil. Dalam hal ini, kementerian telah bekerjasama dengan syarikat swasta untuk mewujudkan *the collecting, processing, marketing and collection centre* bagi membangunkan industri kenaf.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) adalah bagi melaksanakan agenda pembangunan industri kenaf secara terancang dan tersusun. Rang undang-undang ini terbahagi kepada sembilan bahagian. Bahagian I mengandungi perkara permulaan, tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa dan takrif beberapa istilah yang digunakan dalam rang undang-undang tersebut.

Bahagian II mengandungi peruntukan-peruntukan berhubung dengan penubuhan lembaga serta objektif penubuhannya. Antara objektif LKTN adalah menggalakkan dan membangunkan industri kenaf ialah mengawal selia, mengawal dan menyelaras semua aktiviti yang berhubung dengan industri tembakau serta menggalakkan dan membangunkan aktiviti ekonomi yang lain bagi mereka yang terlibat dalam industri kenaf dan industri tembakau. Bahagian ini juga mengandungi peruntukan mengenai keanggotaan lembaga dan menerangkan fungsi-fungsi dan kuasa-kuasa lembaga.

Bahagian III mengandungi peruntukan mengenai lantikan ketua pengarah, pegawai dan khidmat lembaga. Kuasa dan kewajipan ketua pengarah, kuasa lembaga untuk mengambil khidmat pegawai dan perkhidmatan lain. Dan kuasa lembaga untuk memberikan pinjaman, biasiswa dan membuat pendahuluan kepada pegawai dan perkhidmatannya.

Bahagian IV pula mengandungi peruntukan-peruntukan mengenai perihal kewangan lembaga termasuk peruntukan bagi penubuhan satu kumpulan wang. Sumber kumpulan wang ini antara lainnya ialah daripada wang yang diterima oleh lembaga yang diperuntukkan oleh Parlimen serta segala hasil yang diperolehi. Antara perbelanjaan yang dibolehkan daripada kumpulan wang ini ialah bagi maksud membayar apa-apa perbelanjaan yang dilakukan dengan sah oleh lembaga termasuk *fee* dan kos perundangan dan apa-apa fi dan kos lain yang dalam melaksanakan fungsi-fungsinya. Juga bagi membayar balik mana-mana wang yang dipinjam oleh lembaga.

Bahagian IV ini juga mengandungi peruntukan mengenai kumpulan wang ses di mana menteri boleh selepas berunding dengan Menteri Kewangan membuat perintah bagi pengenaan, perubahan atau pembatalan sesuatu ses ke atas tembakau atau keluaran tembakau yang dikeluarkan di dalam atau di import ke Malaysia.

Bahagian V mengandungi peruntukan-peruntukan mengenai kuasa-kuasa lain lembaga. Antaranya kuasa untuk meminjam, membuat pelaburan, pengkomersialan hasil penyelidikan dan mengambil khidmat agen, memberi bantuan kewangan kepada syarikat-syarikat yang ditubuhkan oleh lembaga dan kuasa untuk menubuhkan syarikat.

Bahagian VI pula mengandungi peruntukan-peruntukan mengenai pelesenan seperti pengawal seliaan industri kenaf dan industri tembakau, pelesenan aktiviti tertentu yang

berhubungan dengan kenaf, keluaran kenaf, tembakau dan keluaran tembakau, permohonan lesen, kelulusan dan perakuan kebenaran, pengeluaran lesen, kelulusan atau perakuan kebenaran.

Bahagian ini juga mengandungi peruntukan membenarkan seseorang yang terkilan untuk merayu kepada Menteri terhadap keputusan lembaga mengenai pelesenan, peruntukan terhadap kawalan pembelian tembakau diawet, kawalan penjualan tembakau diawet, kawalan penyimpanan dan pemilikan tembakau diawet, kawalan pergerakan tembakau diawet dan penalti am.

Bahagian VII mengandungi peruntukan mengenai penguatkuasaan penyitaan yang meliputi pemberikuasaan, kuasa menangkap, menggeledah, akses kepada data berkomputer, kuasa untuk memberhentikan dan menggeledah. Bahagian ini juga mengandungi peruntukan untuk menghendaki kehadiran orang yang mengetahui kes, pemeriksaan ke atas orang yang mengetahui kes, kebolehterimaan kenyataan sebagai keterangan, penjualan dan pelupusan kenaf yang disita, pelucutan kenaf atau tembakau yang disita, hak harta mengenai kenaf atau tembakau yang dilucutkan dan lain-lain peruntukan yang berkaitan.

Bahagian VIII mengandungi peruntukan am seperti kuasa mengisytiharkan musim tutup bagi penanaman kenaf atau penanaman dan pengawetan tembakau, kewajipan untuk mengekalkan kerahsiaan, kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan, persubahatan atau cubaan melakukan mana-mana kesalahan di bawah akta ini. Bahagian ini juga menyentuh kuasa mengkompaun kesalahan, pengendalian, pendakwaan, ganjaran, perlindungan kepada pemberi maklumat, kuasa untuk memberi pengecualian, pindahan jadual, membuat peraturan-peraturan dan tindakan yang perlu.

Bahagian IX dan terakhir mengandungi peruntukan pemansuhan kecualian dan peralihan.

Tuan Yang di-Pertua, semasa pembentangan RUU Lembaga Kenaf Tembakau Negara di peringkat Jawatankuasa di Dewan Rakyat, beberapa pindaan telah dibuat dan diluluskan melibatkan fasal-fasal berikut.

Fasal 12 mengenai perlindungan terhadap guaman dan prosiding undang-undang. Pindaan di bawah fasal ini telah memotong perkataan 'keabaiian', 'keingkarann' dalam teks bahasa kebangsaan. '*Neglect*',' *default*' dalam teks bahasa Inggeris.

Fasal 13 mengenai perlindungan pihak berkuasa awam 1948, pindaan di bawah fasal ini dengan memotong perkataan 'dengan suci hati' dalam teks bahasa kebangsaan.

Perkara 3 pula, subfasal 26(3) mengenai kumpulan wang ses, pindaan di bawah fasal ini dengan memasukkan selepas perenggan (b), perenggan yang berikut iaitu (c) untuk membiayai apa-apa aktiviti yang berhubungan dengan kawalan tembakau.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

## ■1750

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada Yang Berhormat yang menyokong?

**Timbalan Menteri Pelajaran [Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah Rang undang-undang bernama suatu akta untuk menubuhkan Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara untuk membuatkan peruntukan yang lebih baik berkenaan dengan industri kenaf dan industri tembakau Malaysia untuk membubarkan Lembaga Tembakau Negara dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang bersampingan dan berkaitan dengannya dan dibacakan kali kedua dan terbuka untuk dibahas. Dato' Gooi Hoe Hin.

**5.50 ptg.**

**Dato' Gooi Hoe Hin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang untuk saya mengambil bahagian dalam membahaskan Rang undang-undang Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara 2008 yang tadi telah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya telah dengar dengan teliti serta huraian-huraian tentang perlunya lembaga ini ditubuhkan semata-mata bagi pendek kata merasionalisasikan industri tembakau dan memperkembangkan industri kenaf. Satu usaha yang murni, tetapi terdapat sedikit sebanyak kemusykilan yang saya ingin dapat maklum balas daripada Yang Berhormat. Sebelum saya memberi penelitian khusus tentang rang undang-undang ini, saya kurang pasti dan kurang faham akan perlunya sebuah lembaga untuk mengawal selia tanaman kenaf. Nampaknya kita amat cenderung untuk menubuhkan lembaga demi lembaga. Adakah ini dengan izin, *think the cart before the horse*?

Saya kurang faham dan mungkinkah ketidakfahaman saya ini nanti kelak Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberi penjelasan dengan sedalam-dalamnya. Ini untuk meyakinkan memang dengan adanya Lembaga Kenaf ini tanaman maju bahkan persoalan pokok yang ingin saya tanya lagi; sampai masa kini kenaf telah ditanam secara komersial dengan besar-besaran dan sama ada terdapat tanda-tanda ianya kos efektif sehingga kenaf ini memang ada masa hadapan untuk dikembangkan. Sejauh pengetahuan saya, mengikut maklumat yang diperoleh saya buat semakan, nampaknya saya dapat dari MARDI yang hanya kini mempunyai kajian yang mendalam mempunyai 25 ekar di Kluang. Kajian ekonomi pengeluarannya mendapati keluaran 53.8 tan sehektar. Dengan *yield* yang tertinggi berbanding dengan *yield* hasil yang terendah 27.33 tan sehektar.

Ini mengikut kajian kos pengeluaran di antara RM55.87 sen setan atau RM5.6 sen sekilogram atau ringgit yang tinggi kos pengeluaran RM109.33 sen setan atau RM10.9 sen sekilogram. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan sehingga masa kini, kenaf hanya ditujukan sebagai tanaman jangka pendek. Saya tidak mahu lagi terjadinya pekebun-pekebun kecil di Kelantan dan Terengganu terjerumus kenaf menjadi satu tanaman sosial lagi.

Tujuan 400 hektar sahaja sampai 20,11 7 ribu hektar. Bermakna seperti saya nyatakan *think the cart before the horse*.

Oleh yang demikian, ingin saya tahu sama ada sebelum lembaga ini ditubuhkan, kajian sedalam-dalamnya telah dibuat demi memastikan kenaf itu memang sesuai. Saya memang tidak akan mempertikaikan kebijaksanaan kementerian. Akan tetapi daripada angka-angka yang saya peroleh, sebab kenaf itu merupakan suatu tanaman yang mempunyai sejarah 4,000 tahun mengikut kajian saya.

Jadi memang sesuai adakah itu *viable* dan apa salahnya jika menunggu sehingga adanya benar-benar bangunan secara besar-besaran, secara komersial. Biar MARDI menjalankan kajian lagi, tiba-tiba wujudnya rang undang-undang perlu lesen import, lesen keluar..., mengikut seksyen 39. Belum lagi wujud satu tanaman yang betul-betul berhasil. Hasil lembaga naik, itu yang saya keliru. Selalu saya berpandukan kepada apa yang akan jadi.

Jadi seperti dahulunya MARDI yang menjalankan usaha minyak sawit sampai komersial dijalankan secara besar-besaran baru wujudnya sebuah lembaga. Biarkan *entrepreneur* yang bangunkan sesuatu tanaman baru kita wujud, tetapi kementerian ini lebih cepat wujudkan. Saya tidak boleh faham. Langkah baiknya MARDI perlu teruskan kerja, itu pandangan saya. Mengikut seorang pakar kenaf di USDA dengan izin, *United States Department of Agriculture*, Encik Daniel Kuklock menyatakan ianya memerlukan 5,000 ekar tanaman kenaf agar dapat membekalkan pulpa untuk sebuah kilang pulpa dengan keupayaan 200 tan.

Tadi saya dengar dengan cukup teliti boleh kita capai impian itu supaya janganlah membuat sesuatu apabila pekebun-pekebun kecil dalam tiga tahun, boleh kita capai atau tidak, saya tidak tahu. 7,000 hektar bagaimana lembaga itu hendak sasarkan 7,000 hektar? Cara tembakau? Kalau cara tembakau tanam di belakang rumah yang 40 tahun dahulu itu buat; saya sendiri nampak dengan mata saya. Saya yakin dan saya pasti akan gagal.

#### ■1800

Apabila gagal, duit banyak telah dicurahkan. Duit banyak dibelanjakan akibatnya petani yang akan mendukung kesusahan. Oleh itu saya menyeru agar satu kajian, tetapi ini rang undang-undang telah datang. Jika tujuan tanaman kenaf demi membangunkan industri kertas dan pulpa, maka, persoalan saya kepada kementerian sama ada tanaman ini akan dikembangkan, yang tadi saya cakap secara besar-besaran. Kalau tidak ada dengan izin, *economy of scale* akan membebankan keluarga-keluarga di Terengganu dan Kelantan.

Yang saya simpulkan hanya sekadar kecil-kecilan sebab saya tidak nampak secara komersial sebagai gantian kepada tembakau yang tadi disarankan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berlaku terhadap industri tembakau di mana tiada *viable* lepas 40 tahun serta langsung kurang kos efektif. Sebagai akibatnya apabila AFTA dan CEPT dilaksanakan pada tahun 2010, semua pekebun kecil kita boleh dikatakan hapus *skill*, terpaksa gulung tikar.

Jadi, pendek kata berhati-hatilah. Berhati-hatilah apabila melaksanakan kenaf.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh tentang Industri Tembakau. Kita semua sedia maklum bahawa tanaman tembakau di negara kita hanya merupakan sebuah tanaman sampingan sahaja. Secara keluarga pekebun kecil dan amat dikawal selia, diuruskan secara tadi yang dijelaskan melalui kuota dan pengawet yang menjadi perantaraan serta pengilang-pengilang rokok yang juga bertindak sebagai penetapan kuota bagi pengeluaran tahunan.

Akhirnya, lembaga yang menetapkan kuota tersebut untuk mengeluarkan pengeluaran telah ditentukan. Itu sistem 40 tahun sampai sekarang. Kini, lembaga tertekan, AFTA dua tahun lagi hendak laksanakan. Jadi, kita bubar, wujud Lembaga Tembaga dan Kenaf. Pekebun kecil tidak dapat bersaing lagi kerana lembaga dahulunya menetapkan aras harga, *erratic price*, harga yang ditetapkan. Apabila pasaran dibuka, tembakau masuk dari negara khususnya dari Thailand. Antara kos pengeluaran RM5 hingga RM8.

Mengikut angka-angka yang sedia ada, pengeluaran tembakau sejauh mana yang saya boleh ingat dari tahun yang baik, kalau cuaca baik, 17 juta kg. Kalau tidak baik, lima juta kg. Kini, mungkin tahun ini cuaca teruk di Kelantan, Terengganu. Saya anggarkan lebih kurang 6.5, tidak sampai 7. Itu cara untuk laksanakan.

Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan okey, kita sudah belanja RM121 juta diperuntukkan. Kilang, bagi sedikit wang, kerajaan bagi sedikit wang bermakna sistem itu ditukar. Dahulunya sistem penanam pengawet, sekarang pengawet individu. Ini satu cabaran adakah sistem ini akan menyelesaikan. Itu satu cabaran yang perlu diambil iktibar bahawa kita tutup sahaja lah industri tembakau.

Selama 33 tahun saya tengok tembakau, yang tertindas adalah petani. Pengawet boleh bawa Mercedes. Apa telah terjadi? Sesuatu yang tidak kena. Sistem itu tidak betul. Terpulanglah kepada kementerian untuk membetulkan sebab kalau 6.5 juta, 12,000 pekerja yang tadi disebutkan. Adakah itu sebenarnya dikongkong oleh pengilang-pengilang rokok yang mana mengikut di sini akta yang baru. Semua di kawal, kenaf perlu mengimport. Tiada seorang pun boleh membeli kenaf. Membeli kenaf pun mesti lesen sekarang. Belum keluar lagi pengeluaran lesen. Menjual keluaran kenaf perlu lesen, memproses kenaf perlu lesen, mengilang kenaf dan keluaran kenaf perlu lesen, mengimport dan mengeksport kenaf atau pun keluaran kenaf perlu lesen. Mengawet tembakau perlu lesen, membeli tembakau diawet perlu lesen. Akan tetapi saya tidak nampak di lesen sini mengimport dan mengeksport tembakau.

Sesuatu yang tidak kena. Bermakna pengilang rokok itu tidak dikawal. Akta itu akta. Mengapa tertinggal? Itu yang saya tidak boleh faham. Yang saya kurang pasti dan kurang faham bermakna pengilang rokok, tiga pengilang di sini DAT, JTI dan satu lagi saya lupa, Philips Morris. Lobi dia tidak begitu kuat sehingga dia boleh import eksport, tidak terkawal. Mereka kata kononnya tembakau virginia kita tidak bermutu dan terpaksa import khususnya dari Zimbabwe sekarang kucar kacir. Masa baik, apabila pengeluaran tidak baik, petani di sini semua ditolak,

gred tidak berguna. Sudah berlarutan begitu lama. Apa gunanya kita ada satu lembaga. Lembaga itu perlu jaga petani bukan jadi orang yang hisap rokok..., *Jack-a-lent high*.

Nampak jalan daripada masuk sahaja Dewan 'Merokok itu bahaya', 'Merokok itu dapat kanser mulut dan tekak'. Merokok itu semua tidak baik tetapi kita bagi kelonggaran kepada pengilang. Saya kurang faham. Kita mesti kawal supaya lembaga itu ada sedikit umph, minta maaf. Jadi, saya tidak nampak sedemikian kepada tembakau. Padahal pengeluaran kenaf berapa tan sahaja. Itulah yang saya kurang faham.

■1810

Sudah keperluan sebegini walhal pengilang rokok terkecuali. Bolehkah kementerian memberi rasional kepada Dewan yang mulia ini atas kelonggaran ini? Bolehkah juga Dewan yang mulia ini dimaklumkan tentang bagaimana kawalan ini dibuat terhadap pengilang-pengilang rokok? Sama ada import tembakau *virginal* sewenang-wenangnya maka ada saya tahu sehingga menjejaskan pekebun kecil dan kini pun sudah setengah tidak boleh nafas lagi.

Oleh itu saya harap kementerian dapat menyesuaikan perkara ini agar beberapa kilang tiga sahaja bukan senang hendak kawal tiga sahaja. Pengilang rokok dan pengawet terus boleh saya katakan menindas petani-petani. Sesuatu yang saya menyatakan tidak kena dengan sistem yang kian diteruskan oleh lembaga. Walaupun dibubarkan tetapi asas tugas-tugas masih ada di rang undang-undang baru ini. Pengawet dan pengilang mengaut keuntungan tetapi penanam tembakau, petani kais pagi makan pagi, kais malam kadang kala tidak ada untuk makan.

Sistem penanam, sistem pengawet kononnya boleh membantu selepas dilaksanakan begitu lama juga saya berpendapat saya percaya tidak berhasil. Kalau begitu kita seterusnya tutup kedai. Tidak perlu lagi memberi tumpuan tidak perlu lagi belanja juta-juta. Lebih baik bagi wang ringgit itu kepada petani, selesai dan tutup industri tembakau yang juga tidak sihat bagi rakyat jelata. Berbalik kepada khususnya rang undang-undang ini saya nampak daripada taksiran tembakau. Taksiran tembakau saya baca, "*Keluaran tembakau ertinya rokok atau cerut atau apa bentuk keluaran yang berasal daripada tembakau*". Di sini saya minta penjelasan sama ada pengawet api, pengawet matahari, pengawet pemanas, pengawetan udara lembaga akan laksanakan kesemua ini, satu.

Dua, industri cerut, tahu cerut ya? Bukan *cigarette* cerut tahu? Berapa kilang cerut sebenarnya di negara ini? Tidak banyak mereka adalah industri sederhana dan kecil lesen, hendak kutip ses atau mereka dikecualikan dengan dasar kerajaan supaya mengembangkan bukan menyusahkan industri sederhana. Saya tahu rang undang-undang ini diberi kuasa untuk membuat segala-galanya tetapi kita mesti beri kelonggaran dan budi bicara supaya yang hendak kembangkan kita didik dahulu kita asuh supaya sampai dia boleh tahan baru kita kutip ses. Itu yang saya hendak minta supaya memberi jaminan.

Yang ketiga mengikut rang undang-undang ini saya baca, "*Kuasa dan fungsi Ketua Pengarah dan Ketua Pengarah bertindak sebagai CEO*", tetapi rang undang-undang ini tidak

jelas menyebut tugas pengerusi. Adakah pengerusi ini semata-mata tugasnya untuk menguruskan lembaga sahaja? Supaya tidak wujudnya kadang kala perbalahan di antara Ketua Pengarah dengan pengerusi pada saya. Jadi saya harap dengan pemerhatian mungkin saya terlalu ghairah sebab saya tengok industri tidak perlu di kukuh lagi. Biar sistem *laissez-faire* menentukan segala-galanya. Pendapat saya tidak perlu. Kata-kata itu saya ucap terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jemput Yang Berhormat sila jawab dan gulung.

**6.17 ptg.**

**Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu]:** Tuan Yang di-Pertua terima kasih atas soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi. Sebenarnya kalau kita lihat ada beberapa soalan-soalan yang ada dibangkitkan. Sebelum saya memberi jawapan lebih mendalam saya ingin memberi sedikit penjelasan iaitu pada 2010 apabila AFTA dimulakan rokok dari negara-negara jiran khususnya dari Thailand dan Indonesia yang berharga lebih rendah lebih kurang dalam seperti mana dikata oleh Yang Berhormat tadi iaitu dalam lingkungan RM6.00. Jika dibandingkan dengan kos pengeluaran yang begitu tinggi dalam negara menyebabkan sudah pasti akan menghadapi satu persaingan. Di mana kalau kita lihat penanam-penanam tembakau di negara kita ini akan menghadapi masalah untuk menjual dengan harga yang mereka jual pada hari ini iaitu kira-kira RM14.00.

Jadi kalau kita lihat dengan adanya Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara maka ia akan menjadi satu lembaga yang membolehkan atau yang memberi kuasa kepada pengusaha-pengusaha baru untuk menjalankan kerja-kerja penanaman kenaf secara besar-besaran. Dengan penubuhan lembaga ini maka kita melalui kementerian ini dapat memberi pinjaman kepada pengusaha-pengusaha ini untuk membuat pelaburan secara besar-besaran.

Tuan Yang di-Pertua kenaf mempunyai potensi yang baik untuk dijadikan sebagai tanaman industri pada masa hadapan kerana dapat menghasilkan gentian atau fiber semula jadi yang bermutu dan biomass mesra alam yang boleh menggantikan bahan mentah berasaskan petroleum dan hutan yang semakin berkurangan serta tidak popular oleh kerana kaitannya dengan perubahan iklim.

■1820

Selain itu, produk berasaskan kenaf mempunyai banyak aplikasi dalam bidang bahan binaan, komponen kereta, biokomposit, pulpa dan kertas, tekstil, biofuel dan makanan ternakan. Ia juga boleh dimajukan untuk dijadikan sebagai satu sumber pertumbuhan baru untuk mempelbagaikan sektor komoditi. Memandangkan ia boleh ditanam di tanah beris yang sesuai untuk mekanisasi serta secara mampan. Ia juga dikenal pasti sebagai satu tanaman alternatif tembakau bagi mengurangkan kesan peminggiran apabila tanaman tembakau dikurangkan akibat dasar kawalan tembakau.

**Dato' Gooi Hoe Hin:** Saya pohon laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak menafikan bahawa kemungkinan tanaman kenaf itu boleh dikomersialkan. Apa yang saya khuatir

dan bimbang sistem yang Yang Berhormat hendak gunakan secara kecil-kecilan daripada apa yang diterangkan sebelum memulakan perkembangan kenaf itu. Saya percaya ia akan gagal seperti tembakau. Itu saja saya hendak yakinkan supaya kementerian berhati-hati. Tidak perlu lagi. Saya faham kalau hendak kembangkan kenaf mesti secara komersial besar-besaran. Kalau cara untuk tanam di belakang saja, petani tembakau itu kini diamalkan, gagal. Mesti gagal. Terima kasih.

**Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Dato' Gooi Hoe Hin mempunyai pandangan kalau hendak tanam secara besar-besaran, baru berjaya. Kerajaan kata tidak perlu besar-besaran, kalau bagi orang yang tanam tembakau sekarang usahakan pun boleh berjaya. Jadi jawapannya kita akan peroleh pada tahun 2018. Kita tunggu ya. Terima kasih.

**Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau saya biar perbincangan berlaku sehingga tahun 2018, itu terlalu lama... *[Ketawa]*

**Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya kalau kita lihat, memanglah matlamat kita untuk kembangkan industri kenaf secara besar-besaran. Akan tetapi kita tidak boleh buat secara gopoh-gapah dan minta semua penanam tembakau tukar kepada penanaman kenaf dalam satu atau dua minggu. Jadi kita perlu dapatkan kelulusan lembaga ini dulu sebelum kita meminta mereka beralih kepada tanaman itu secara besar-besaran, Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya sambung.

Usaha pembangunan kenaf oleh KPPK mulai 2004 yang melibatkan beberapa fasa pembangunan iaitu:

- (i) fasa pertama kita sudah buat iaitu fasa pengenalan dan verifikasi iaitu bermula dengan 2004 hingga 2006; dan
- (ii) fasa kedua ialah fasa pra komersial. Ini penting iaitu 2007 hingga 2010.

Dan seperti mana yang ditanya-tanya oleh Yang Berhormat tadi mengenai fasa komersial iaitu 2011 dan seterusnya.

KPPK menyasarkan pendapatan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, betul. Betullah anggaran saya itu.

**Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu:** Betul.

**Tuan Yang di-Pertua:** 2011. 2018 boleh dapat jawapanlah.

**Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu:** Tepat sekali, Tuan Yang di-Pertua.

KPPK menyasarkan pendapatan semusim tanaman kenaf selama 4 bulan adalah sekitar RM1,500 sehektar. Pada tahun 2008, seluas 690 hektar telah ditanam untuk pengeluaran fiber dan benih. 690 hektar. Kementerian saya melalui Lembaga Tembakau Negara dengan kerjasama agensi kerajaan lain dan pihak swasta telah mengambil langkah-langkah untuk mengkaji kawasan tanaman yang sesuai. Mengusahakan tanaman percubaan untuk

mengesankan amalan pertanian yang baik dan mengkaji jentera pertanian yang sesuai untuk memaksimumkan mekanisasi pada peringkat penanaman kepada penuaian. Serentak itu, rundingan dijalankan dengan syarikat-syarikat tempatan dan luar negara untuk mewujudkan aktiviti hiliran bagi menjamin pasaran dan harga yang stabil. LTN juga...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebenarnya tersirat di sebalik hujah-hujah yang dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi ialah kesangsian Yang Berhormat sama ada rang undang-undang ini dicetuskan oleh naluri tamak kuasa, Yang Berhormat. Yang Berhormat perlu yakin Yang Berhormat. Kita buat undang-undang ini bukan kerana tamak kuasa. Itu yang hendak diyakinkan.

**Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu:** Sebenarnya memang tepatlah. Tuan Yang di-Pertua sebenarnya sudah bantu saya daripada aspek ini. Ya, sebenarnya kalau kita lihat LTN dengan kerjasama erat dengan pihak ESCOs, *Economy Regent Development Council* untuk merangka modul pembangunan kenaf yang melibatkan beberapa *anchor company*. Syarikat yang melabur dalam sektor hiliran kenaf. Syarikat ini juga menjalinkan kerjasama dengan empat syarikat ini dalam mewujudkan *collection*, konsesi dan *marketing centre* dalam aspek-aspek jentera, tuai, sistem pengendalian, amalan pertanian yang baik, GAP, *good agriculture practices*, modul dan saiz operasi yang ideal, institut *processing*, penanam yang menggunakan mesin memproses mudah alih dan aspek-aspek kos serta pulangan munasabah dan sebagainya.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi:** Saya pohon laluan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, silakan.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mungkin lari sedikit daripada apa yang sedang dibahaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tetapi perkara ini penting. Memandangkan kepada akta yang dibentangkan ini, saya lihat kepada Fungsi Lembaga dengan jelas menyebut. Dalam Fungsi Lembaga di bawah seksyen 4(e) dengan jelas menyebut tentang penggunaan dan pemasaran tembakau dan keluaran tembakau. Manakala untuk seksyen 5, kuasa Lembaga tidak meliputi keluaran tembakau. Kuasa Lembaga di bawah seksyen 5(a)(i) dan (ii) untuk perkara pemasaran tidak melibatkan keluaran tembakau. Cuma melibatkan di seksyen 5(g) menyebut tentang pengeluaran tembakau.

Jadi di bahagian Fungsi Lembaga boleh berfungsi untuk memasarkan pengeluaran tembakau, walaupun kita tidak menggalakkanlah kalau boleh perkara ini. Akan tetapi dari segi undang-undang, saya rasa perkara ini perlu penjelasan. Dari segi kuasa, tidak diberikan kuasa di bawah 5(a), untuk pemasaran kepada keluaran tembakau. Saya minta penjelasan. Terima kasih.

**Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya kalau kita lihat memang betul dalam kenaf, kita menggalakkan tetapi dalam sektor penanaman tembakau ini, kita membantu menyelia. Kalau kita lihat sebenarnya, tembakau ini bukan saja digunakan dalam industri rokok, malah ia digunakan dalam industri-industri lain juga seperti farmaseutikal dan sebagainya. Jadi, memang kita perlu menjalankan penyelidikan dan pembangunan khususnya. Jadi kita masukkan sebagai satu aspek mengawal. Pada masa yang

sama ada perkataan “mengawal” di situ. Jadi kegiatan ini seperti mana kalau kita lihat, kita juga mempunyai beberapa tentangan-tentangan dari NGOs mahupun Kementerian Kesihatan dan sebagainya. Jadi kita memang ada *tobacco control*. Jadi kita tidak boleh di sini menggalakkan penanam-penanam tembakau ini secara besar-besaran.

■1830

Ini juga bertentangan sedikit. Namun kita akan terus menjalankan penyelidikan, pembangunan dan mengawal selia kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh penanam-penanam dalam industri penanaman tembakau ini. Kalau kita lihat penjelasan kepada soalan Yang Berhormat tadi iaitu mengenai fungsi lembaga. Sebenarnya kalau kita lihat Seksyen 4, Rang Undang-undang Lembaga Kenaf Tembakau Negara, perlu dibaca secara menyeluruh dengan peraturan lain di bawah akta.

Fungsi lain Lembaga Kenaf Tembakau Negara perlu dinyatakan secara terperinci di dalam akta bagi membolehkan ia berfungsi dan melaksanakan kuasa yang diberi, tujuan dan objektif lembaga yang melaksanakan dasar kerajaan. Fungsi Lembaga Kenaf Tembakau Negara ini tiada kaitan untuk menggalakkan rokok tetapi bertujuan juga untuk memberi khidmat nasihat kepada industri tembakau kerana kerajaan tidak berniat untuk memansuhkan tembakau secara keseluruhan tetapi melalui tanaman alternatif dan kegiatan sosioekonomi secara berperingkat-peringkat. Ini kerana tanaman tembakau masih merupakan tanaman sosioekonomi penduduk luar bandar yang masih bergantung hidup kepada tanaman tembakau. Pengerusi yang dilantik adalah jelas fungsinya dan tidak bertindih dengan fungsi Ketua Pengarah. Tugas dan fungsi pengerusi adalah dibuat melalui arahan pentadbiran khas yang menjelaskan tugas pengerusi.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Yang Berhormat tadi, kenapa penubuhan LKTN dibuat tergesa-gesa sedangkan industri belum wujud atau komersial. Tanaman kenaf sebenarnya mula diperkenalkan sebagai tanaman ternakan dan kajian awal dibuat oleh pihak MARDI, UPM dan beberapa institusi penyelidikan. Kenaf juga telah dikenal pasti sebagai tanaman strategi baru oleh MTEN sejak tahun 2000. Hasil R&D sejak tahun 2000 hingga sekarang telah digunakan sebagai asas pembangunan tanaman kenaf di Malaysia. Tidak dinafikan kenaf masih baru dan banyak penambahbaikan perlu dibuat bagi memastikan pengkomersialan dapat direalisasikan di Malaysia.

Pendekatan penubuhan Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara oleh KPPK dalam keadaan industri yang baru bermula dan belum matang adalah untuk memastikan pembangunan industri kenaf dibuat secara terkawal dan holistik bermula daripada peringkat awal lagi. Jika industri ini sudah membesar dengan tanpa kawalan ianya akan membawa implikasi lain dan tempoh yang diambil untuk mewujudkan sumber pertumbuhan baru akan mengambil masa yang lebih lama. Malaysia akan ketinggalan dari arus dunia yang menekankan industri yang boleh diperbaharui.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi untuk membantu mempermudah, kita kini hendak buat satu undang-undang, hendak tubuhkan satu lembaga, hendak kawal selia dua tanaman di satu tempat iaitu tanah bris. Satu undang-undang, satu lembaga, satu jenis kawasan. Tanah bris Kelantan, Terengganu tetapi menyentuh dua tanaman. Satu *bad marketability assured*, satu *good marketability*... Ha, itulah kesulitannya ini. Itu sahaja.

**Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu:** Tepat sekali, Tuan Yang di-Pertua. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua sudah jawab semuanya... *[Ketawa]* Oh, ada satu lagi yang tertinggal. Kenapakah ses dikenakan dan kenapa ia dikenakan kepada industri sederhana. Sebenarnya ses tersebut dikenakan bagi tembakau dan produk tembakau. Mengikut tafsiran tembakau, termasuk keluaran tembakau dan tujuannya adalah bagi membantu penanam tembakau terpinggir dan kawalan aktiviti tembakau. Jadi, ses ini ada gunanya. Perlu diingat bahawa kuasa menteri untuk mengecualikan juga diperuntukkan. Kementerian tidak akan mengenakan ses secara tidak munasabah dan ia akan menyusahkan pekebun kecil dan industri sederhana dan kuasa tersebut boleh dihadkan kepada kumpulan tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi soalan yang dibangkitkan ialah soal import tembakau dari luar negara tidak terkawal oleh syarikat rokok. Kementerian mengawal pengimportan tembakau melalui permit import. Kalau tidak ada permit import saya rasa Yang Berhormat pun setuju, dia angguk kepala sebab dia pun ekonomi, saya pun ekonomi juga. Jadi, sama-sama boleh.

Kerajaan juga mengawal penggunaan tembakau import tidak melebihi 30% manakala 70% lagi menggunakan tembakau tempatan. Pengeluaran AP dikawal di mana setiap pengilang tidak dapat mengimport melebihi 30% daripada had yang dibenarkan. LTN akan membuat pemeriksaan di stor pengilang untuk memastikan peraturan ini dipatuhi oleh semua pengilang. Pengurangan tanaman tembakau adalah disebabkan oleh pengurangan permintaan di pasaran rokok tempatan hasil daripada kempen anti merokok yang dilaksanakan. Namun sudah pasti Yang Berhormat akan tanya apakah ini bererti orang yang menghisap rokok itu sudah berkurangan. Sebenarnya pasaran rokok pada tahun 2007 telah merudum kepada 16 bilion batang daripada 22 bilion batang pada tahun 2005. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat tidak mencadangkan?

**Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu:** Saya mencadangkan akta ini diterima.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan dibacakan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.*

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Fasal-fasal 1 hingga 106** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang undang-undang. Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, diambang saya tangguhkan Mesyuarat saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidiladha kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang beragama Islam dan selamat bercuti bagi yang bukan beragama Islam. Semoga semuanya selamat sepanjang perjalanan pulang ke mana jua ditujui semasa percutian ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari Rabu, 10 Disember 2008. Terima kasih.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 6.42 petang.***